

[Dokumen ini belum disemak]  
[Senarai Ahli-ahli Parlimen dilampirkan]  
[Kandungan dilampirkan di muka surat terakhir]

-----  
**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 2 Ogos 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

- (1) Y.B. Dato' Haji Mazlan bin Abu
- (2) Y.B. Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim
- (3) Y.B. Puan Chua Chui Ket Melanie

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap Ahli-ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

## **JAWAPAN-JAWANPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani permasalahan guru yang membawa ideologi parti pembangkang di sekolah dan mempengaruhi pelajar-pelajar dan sejauh ini nyatakan jumlah guru yang terlibat di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seseorang guru dibuktikan telah mempengaruhi murid-murid dengan ideologi-ideologi parti politik, maka tindakan tatatertib boleh diambil terhadap guru berkenaan kerana melanggar Peraturan 4(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam, Kelakuan Dan Tatatertib 1993 yang berbunyi seperti berikut:

4(1), seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa dan pada setiap ketika memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan.

Kementerian Pendidikan belum dapat mengambil tindakan tatatertib terhadap guru yang terlibat setakat ini kerana tidak ada aduan secara rasmi diterima dari mana-mana pihak untuk tindakan sewajarnya.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak adakah usaha kerajaan untuk memberi taklimat khas ataupun sesi bimbingan kepada guru-guru yang telah dikenalpasti sebagai menjalankan kegiatan ataupun menyebarkan ideologi parti pembangkang?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan selalu, telah, sedang dan terus akan mengadakan sesi-sesi dialog dengan guru-guru, murid-murid dan pelajar-pelajar supaya mereka boleh lebih memahami tentang dasar kerajaan, tentang apa jua yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk kebajikan dan untuk kebaikan rakyat dan negara. Semua ini akan kita jalankan dan kita yakin bahawa selepas mereka mendapat taklimat seperti ini

kerajaan akan lebih berkesan melaksanakan dasar-dasar dan melaksanakan semua rancangan yang telah kita tentukan untuk kebaikan negara dan rakyat.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah kementerian atau kerajaan menyedari bahawa sebilangan kecil daripada guru-guru yang bertugas di negeri Sabah pada hari ini menggantung gambar pemimpin parti pembangkang tertentu di rumah kediaman mereka. Jadi, apakah ini menyalahi dari segi undang-undang ataupun apakah tindakan yang perlu kita ambil. Sebab bila gambar itu digantung bermakna bahawa beliau tidak berterima kasih kepada kerajaan yang memberi gaji kepada orang itu tetapi beliau 'mendewa-dewakan' gambar parti pembangkang yang tidak memberi apa-apa pulangan kepada mereka. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan terus berdialog dengan guru-guru di seluruh negara khususnya guru-guru yang belum memahami dengan lebih mendalam apa yang kita laksanakan untuk kebaikan mereka dan untuk kebaikan negara dan kita akan terus berdialog supaya mereka ada kepercayaan 100% kepada apa yang kita laksanakan oleh kerajaan dan oleh Kementerian Pendidikan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang, pegawai-pegawai kerajaan bukan sahaja guru adalah tertakluk kepada Perintah Am dan mereka ini perlu mematuhi dan mengikut apa juga peraturan yang dibuat oleh kerajaan yang memerintah. Saya agak terperanjat apabila Yang Berhormat sebut tadi, sehingga kini tidak ada tindakan yang diambil oleh kerana tidak ada aduan tetapi apa yang jelas di pusat-pusat pengajian tinggi dan juga di sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh negara terdapat golongan yang dikatakan terlibat dengan aktiviti menyokong parti pembangkang dan aktiviti memburukkan pemimpin dan juga kerajaan. Apakah pihak-pihak tertentu ini hanya hendak menunggu ada laporan ataupun diadakan satu

penyiasatan yang mana tindakan boleh diambil untuk menyekat mereka ini daripada melakukan perbuatan yang bercanggah dari segi peraturan.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang adil. Sebelum kita ambil tindakan kita perlulah ada bukti dan aduan dan kita juga melaksanakan semua ini with due process, dengan izin. Tetapi kita fikir cara yang lebih berkesan untuk ialah untuk kita berdialog dengan guru-guru, dengan pelajar-pelajar supaya mereka lebih memahami tentang apa yang kita laksanakan. Ini adalah lebih berkesan kerana segala aktiviti yang telah dilaporkan telah dilaksanakan kebanyakan atas alasan mereka tidak faham apa yang kita laksanakan. Selepas kita berdialog dengan mereka, kita terangkan dasar-dasar, kita terangkan apa yang kita laksanakan, mereka faham dan kebanyakan mereka boleh dikata 100%, selepas berdialog dengan pegawai-pegawai kita, mereka faham dan sudah memberi kerjasama yang penuh kepada kerajaan.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan soalan tambahan saya, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada ketiga-tiga sahabat saya yang baru dilantik sebagai senator pada hari ini khususnya Senator Dato' Haji Mazlan bin Abu dari Bakri, Muar.

Soalan tambahan saya, masih lagi dalam pendidikan agama. Sebagaimana yang kita tahu murid-murid Islam kita yang belajar di sekolah-sekolah masih lagi kita dapati kelemahan dari segi pendidikan agama ini. Itu sebabnya bila disebut tentang moral dan sebagainya ianya melibatkan juga murid-murid Melayu dan Islam. Oleh itu setakat mana keberkesanannya, kita lihat kurikulum agama ataupun moral ini yang dikatakan merentas pendidikan. Adakah langkah ini telah gagal untuk mencapai matlamat?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan prihatin dan peka tentang kepentingan pendidikan agama Islam. Jadi, kita selalunya kaji semula kurikulum dan sebagainya, kita minta pandangan dari

pakar-pakar dan kita harap dengan kerjasama semua pihak termasuklah ibu bapa, guru-guru dan pelajar-pelajar, kita akan lebih berkesan untuk menyampaikan pendidikan Agama Islam. Pada masa sekarang Kementerian Pendidikan prihatin dan juga selalunya bersetuju untuk mengkaji semula supaya kita boleh memperkuatkan pendidikan tersebut.

2. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah kementerian untuk melahirkan bandar yang indah, tersusun dan terancang dari segi pembinaan bangunan dan kemudahan-kemudahan awam.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada rakan-rakan yang baru sahaja dilantik menjadi Ahli Dewan Negara khususnya daripada parti SUPP Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memajukan kawasan bandar bagi meningkatkan taraf hidup rakyat, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Sememanjung Malaysia telah menyediakan rancangan struktur bagi kesemua kawasan bandar di negara ini. Di samping itu, 32 rancangan tempatan telah disediakan dan 59 lagi adalah dalam peringkat penyediaan. Dengan adanya perancangan kemajuan ini terancanglah keperluan kemudahan sosial, utiliti dan infrastrukturnya untuk tempoh jangka panjang.

Akta Perancang Bandar dan Desa juga telah memperuntukkan bahawa permohonan untuk kelulusan pembangunan tanah perlu membuat laporan cadangan kemajuan yang memperincikan perkara seperti pemeliharaan topografi, kepadatan pembangunan, ketinggian bangunan dan perancangan pelan susun atur kawasan yang memperuntukkan kawasan tanah lapang awam, sekolah, sistem jalan dalam, konsep bangunan dan sebagainya. Penetapan keperluan ini berpandukan kepada garis panduan perancangan yang telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada pihak kerajaan membina Pusat Bandar Putrajaya memenuhi kehendak-kehendak seperti diterangkan tadi dan kita tahu Putrajaya ini dipertikaikan oleh banyak pihak terutamanya parti pembangkang.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana ini adalah satu soalan yang baik daripada Yang Berhormat dari Perlis. Memang perancangan sesuatu bandar raya sebesar Putrajaya ini bukanlah boleh dilakukan dalam jangkamasa setahun ataupun tiap-tiap tahun ataupun tiap-tiap hari. Ia hanya berlaku dalam lingkungan masa mungkin 100 tahun atau 200 tahun sekali yang mana melibatkan bukan hanya peruntukan yang begitu besar bahkan perancangan yang begitu teratur. Kalau dahulu bukan mudah bagi kita untuk merancang dan menyusun bandar raya Kuala Lumpur, pada hari ini kerajaan, pemerintah kita berupaya menyusunatur dengan terperinci, bagaimana pembangunan bukan hanya pembangunan dalam konteks jabatan kerajaan bahkan sektor perumahan, sektor komersial, sektor perbankan.

Di sini kita boleh susunatur, kalau di Bandaraya Kuala Lumpur, pelabur-pelabur asing, bangunan-bangunan yang besar bukan dimiliki kebanyakannya oleh pihak-pihak pelabur daripada negara kita ataupun usahawan rakyat Malaysia.

Kebanyakan daripada bangunan seperti Park Royal dimiliki oleh usahawan-usahawan yang datangnya daripada luar negara kita. Maka dengan ini membolehkan kita untuk merancang agar perancangan Putrajaya ini bukan hanya menjadi kebanggaan kita bahkan juga putaran dari segi keupayaan memulangkan hasil yang begitu banyak, kita anggarkan dalam lingkungan RM300 hingga RM400 bilion dalam jangka masa 15 hingga 20 tahun. Ini sudah pasti banyak keuntungannya bukan hanya dalam konteks tersusun dengan segi lanskapnya bahkan dalam konteks Islam.

Teringat kita tentang surat daripada Saidina Ali kepada Gabenor Madinah, dalam mana dijelaskan di situ dalam kandungan suratnya, kalau hendak membangun, bangunkan dahulu masjid. Di dalam pembangunan Putrajaya yang dahulu habis, siap ialah bangunan masjid. Kementerian Perumahan pun tidak siap, hanya akan siap pada tahun 2002 sahaja. Bukankah ini dalam konteks pembangunan Islam?

Kita kesal bahawa ada pihak-pihak yang menidakkan kepentingan dan kebaikan yang dirancang oleh kerajaan bukan untuk kepentingan kerajaan dan pemimpin pada hari ini tetapi kepada bangsa pada 20 tahun, 50 tahun, 100 tahun yang mendatang. Kita harap rakyat khususnya tidak mudah terpedaya oleh pihak-pihak pembangkang yang hanya mengambil langkah-langkah yang negatif.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang memberi penjelasan yang begitu memuaskan hati sebentar tadi. Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah dapat mewujudkan sebuah bandar Putrajaya yang menjadi kebanggaan kita yang saya kira setelah mendengar taklimat daripada pihak Jabatan Perdana Menteri, bandar ini adalah merupakan bandar yang akan mengangkat darjat dan juga harakat bangsa Malaysia sebagai bangsa yang bertamadun bagi saya. Soalan saya ini juga sebenarnya ada kaitan ke arah itu. Pada pandangan saya, bandar-bandar yang ada di negara ini merupakan bandar-bandar yang terbina dan membangun secara tersendiri sehingga pembangunan-pembangunan yang berlaku tidak begitu tersusun. Kalau kita melihat bandar-bandar yang maju, saya diberi peluang oleh Parlimen ini juga melihat negara-negara yang maju, kita lihat pembangunan bandar begitu tersusun, dilihat pintu pagarnya sahaja - dalam satu bandar pintu pagarnya semuanya sama. Tetapi kita di sini dalam keadaan yang agak tidak begitu sedap mata memandangi. Demikian juga dengan gerai-gerai yang ada di bandar kita, berselerak di sana sini.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, walaupun tadi dari segi dasar yang disebutkan yang termaktub di dalam 'on the paper', dengan izin, adalah begitu cantik dan begitu meyakinkan tetapi dari segi bandar yang sedia ada itu bagaimanakah perubahan dapat dilakukan supaya pembangunan, pembesaran dan juga pembinaan bandar-bandar selain daripada bandar Putrajaya yang dikeluarkan daripada Kuala Lumpur yang mempunyai satu tujuan dan hasrat yang begitu murni dan besar untuk negara Malaysia, bagi bandar-bandar yang lain bagaimanakah perancangan yang dapat dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana keadaan yang sedia ada mungkin akan menghalang kepada cita-cita kita untuk dapat mewujudkan bandar sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Perlis. Memang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan amat prihatin sekali dalam pembangunan bandar-bandar di negara kita di mana kita tekankan pada setiap waktu supaya bandaraya-bandaraya dan majlis-majlis daerah memberi perhatian yang amat berat bukan hanya dari segi pembangunan yang tersusun rapi, bahkan dari segi kebersihan juga harus dikekalkan. Dalam konteks menekankan tentang tersusun rapi, kita membantu pihak-pihak bandaraya dan juga pekan-pekan yang kecil dengan memberi peruntukan, bukan hanya nasihat bahkan peruntukan contohnya dari segi konteks lanskap. Ada sesetengah bandar raya kita bagi RM3 juta, ada sesetengah RM300 ribu, RM400 ribu semata-mata agar dilihat bukan hanya bendera yang dipasang bahkan pokok-pokok kayu yang indah, bunga-bunga yang indah harus diperlihatkan kerana ini boleh melahirkan kesihatan kepada masyarakat dan bangsa kita.

Kita berharap penelitian dari segi kementerian untuk memastikan agar kawasan-kawasan bandaraya ini tersusun rapi. Di samping itu juga pihak kementerian sering menghantar pegawai-pegawai ke peringkat akar umbi untuk memastikan agar bandar-bandar besar di seluruh negara akan tersusun rapi. Kita



telah menubuhkan satu pasukan petugas meningkatkan kualiti hidup bandar raya seluruh negara. Seperti yang saya sebutkan tadi kita juga mengadakan program lawatan. Pegawai-pegawai kanan kementerian memeriksa kebersihan TBD dan menyediakan peruntukan-peruntukan seperti yang saya nyatakan.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menangani rumah kos rendah dan kos sederhana seluruh negara walaupun masih lagi terdapat kekurangan di sana sini. Apa yang ketara masalah kita di bandar misalnya ialah rumah kedai kos rendah atau low cost shop. Kita dapati bahawa dalam perancangan sangatlah kekurangan dari segi kedai-kedai kos rendah ini. Kedai-kedai yang ada terlalu mahal bagi penjaja-penjaja kecil. Dalam konsep penswastan pun dulunya kita lihat mereka mengutamakan kemudahan-kemudahan awam seumpama kawasan penjaja. Tetapi sekarang telah berubah di mana pembangunan dibuat dulu, kawasan penjaja telah terbengkalai atau ditinggalkan begitu sahaja.

Jadi kita berharaplah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberikan perhatian terhadap penjaja-penjaja kecil yang berselerak di seluruh bandar-bandar besar dan kecil. Mereka ini tidak dapat diberikan lesen oleh pihak kerajaan tempatan ataupun majlis daerah ataupun bandaraya kerana mereka tidak ada ruang niaga dan mereka berniaga secara berselerak, dengan roda tiga dan sebagainya. Kita berharaplah supaya penjaja-penjaja ini dapat pembelaan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kementerian akan mengambil perhatian daripada pandangan Yang Berhormat mengenai dengan penjaja-penjaja dan kita yakin bahawa kerajaan bukan hanya di peringkat Kementerian Perumahan ini menyusun rapi tentang penyediaan ruang-ruang seperti perumahan bahkan agensi-agensi yang lain termasuk MARA di bawah Kementerian Dato' Mustapa Mohamed juga menyediakan berbagai-bagai kemudahan untuk menyediakan prasarana kepada bumiputera supaya bumiputera dan juga pengusaha-pengusaha

kecil akan dapat melibatkan diri bukan hanya dalam konteks penggunaan keupayaan mereka oleh kerana kewangan mereka tidak mungkin cukup, bahkan bantuan dan pinjaman diberikan bukan setakat untuk penyediaan dari segi ruang kedai bahkan pinjaman kadang-kadang diberikan oleh pihak-pihak yang tertentu untuk membolehkan yang tidak berupaya sedikit sebanyak tetapi mempunyai minat dan azam untuk berniaga ini mempunyai ruang dan peluang. Insyallah, seperti yang saya nyatakan pihak kementerian Perumahan akan mengambil perhatian apa yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi.

3. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Pendidikan menyatakan mamandangkan kepada keruntuhan moral yang makin bertambah di kalangan remaja, adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk mengkaji kemungkinan mengadakan kelas agama bagi murid-murid bukan Islam sekiranya terdapat bilangan murid yang mencukupi dari agama tertentu, ketika kelas agama Islam diadakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada peruntukan untuk mengadakan kelas agama untuk murid-murid bukan Islam dalam Akta Pendidikan. Walau bagaimanapun, pihak sekolah boleh berbuat demikian sekiranya jumlah murid melebihi 15 orang dan kelas ini diadakan di luar jadual waktu persekolahan.

**Dato' Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini lari sedikit dari soalan asal tetapi penting bagi negara kita yang berusaha untuk mencapai taraf sebuah negara maju. Soalannya, adakah cadangan kerajaan untuk kita adakan undang-undang untuk mewajibkan semua ibu bapa menghantar anak ke sekolah untuk pendidikan sekurang-sekurangnya di peringkat sekolah rendah?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Malaysia tidak ada undang-undang untuk mewajibkan persekolahan, dengan izin, 'compulsory education', tetapi dengan jelasnya kita sudah capai matlamat tersebut. Dari data-data yang kita ada lebih dari 99.9% anak-anak kita yang berumur 6 hingga 12 tahun berada di sekolah-sekolah rendah dan untuk sekolah-

sekolah menengah juga, dengan izin, enrolment untuk cohort dalam kumpulan tersebut adalah melebihi - di sekolah menengah rendah melebihi 90% dan untuk sekolah menengah tengah melebihi 80%. Kementerian Pendidikan baru-baru ini telah melaksanakan dasar yang lebih liberal supaya semua pelajar boleh dapat peluang untuk melanjutkan pendidikan mereka sekurang-kurangnya sampai tahap Tingkatan 5.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah dimaklumkan bahawa sekolah-sekolah telah mengadakan kelas moral apabila murid Islam mengadakan kelas agama. Tidakkah ada usaha kerajaan untuk menggunakan kelas-kelas moral ini untuk memberi penerangan mengenai agama-agama lain dari segi sejarah?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan ada mata pelajaran pengajian moral untuk pelajar-pelajar bukan Islam dan mata pelajaran itu diadakan untuk memberi pendidikan tentang dengan izin, universal values dan Kementerian Pendidikan sedang mengkaji kandungan mata pelajaran tersebut supaya boleh menerapkan nilai-nilai tamadun, nilai-nilai agama, nilai-nilai pelbagai bangsa di Malaysia dalam mata pelajaran tersebut supaya pelajar-pelajar bukan Islam bukan sahaja boleh memahami tentang latar belakang negara tetapi lebih berminat untuk mata pelajaran tersebut.

**Tuan Tee Thiong Hock:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita telah mendengar jawapan dari Timbalan Menteri bahawa murid-murid bukan Islam kalau mereka mahu belajar agama boleh mengikuti pengajaran di luar masa sekolah. Saya pun tidak tahu kalau ada 15 orang murid, adakah kelas ini dapat implementasikan atau tidak kerana selalunya ada human factor? Di sini saya juga ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, bagaimana polisi kerajaan untuk mengadakan persatuan-persatuan agama khasnya persatuan-persatuan agama bukan Islam untuk sekolah-sekolah kerana pada tahun yang lepas

ada kes yang kita mendapat tahu, ada sekolah yang tidak membenarkan persatuan-persatuan yang bukan persatuan-persatuan agama ini diteruskan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jawab memang Kementerian Pendidikan mengizinkan sekolah-sekolah mengadakan kelas pendidikan bukan Islam untuk pelajar-pelajar berkenaan sekiranya melebihi dari 15 orang pelajar yang memohon dan kelas-kelas itu diadakan di luar dari waktu rasmi sekolah. Beberapa sekolah khususnya sekolah-sekolah mission yang sekarang ini mengadakan kelas-kelas untuk pelajar-pelajar bukan Islam dalam pendidikan agama bukan Islam dan juga sekolah-sekolah menengah conforming juga mengadakan kelas-kelas tersebut.

Selain daripada itu juga, Kementerian Pendidikan memang dari segi persatuan-persatuan agama khususnya persatuan-persatuan agama Islam dan bukan Islam Kementerian Pendidikan mengizinkan. Kita mahu mengalakkan pelajar-pelajar melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti agama yang sihat, kita mengizinkan dan itu tidak merupakan masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

**Tuan S. Parasuraman:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 4.

**4 Tuan S. Parasuraman [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sudahkah kementerian membuat kajian menyeluruh bagi mengetahui kenapa rakyat tempatan enggan bekerja di sektor-sektor tertentu sebelum kerajaan membenarkan majikan negara ini mengambil semula pekerja asing bagi mengisi kekosongan jawatan dalam lima sektor yang ditetapkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Rakyat ada menjalankan kajian mengenai pencari-pencari kerja tempatan untuk mendapatkan pekerjaan dan majikan-majikan untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan yang bersesuaian. Berdasarkan kepada data-data kekosongan jawatan yang dikumpulkan oleh Jabatan Tenaga Rakyat, terdapat banyak kekosongan jawatan di dalam lima sektor yang ditetapkan seperti perladangan,

pembinaan, pembuatan, pembantu rumah dan perkhidmatan terpilih yang tidak dapat diisi dengan pekerja-pekerja tempatan.

Ini adalah kerana sikap terlalu memilih kerja di kalangan pencari-pencari pekerja tempatan yang tidak berminat untuk mengisi jawatan-jawatan yang dikategorikan sebagai 3D iaitu susah (difficult), kotor (dirty) dan merbahaya (dangerous). Faktor-faktor yang lain seperti gaji yang rendah, kemudahan asas yang tidak memuaskan, lokasi tempat kerja, persekitaran tempat kerja dan sebagainya juga menyebabkan pencari-pencari kerja menolak tawaran-tawaran kerja di dalam sektor-sektor itu.

Tuan Yang di-Pertua, majikan-majikan yang ingin mengambil pekerja asing dikehendaki melaporkan dahulu kekosongan jawatan itu kepada kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Rakyat. Jabatan Tenaga Rakyat akan berusaha mendapatkan pekerja-pekerja tempatan yang bersesuaian dan akan memperakukan sama ada kekosongan itu boleh diisikan oleh pekerja asing ataupun tidak.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan di dalam sektor yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi, menunjukkan kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang begitu banyak dengan pengambilan pekerja-pekerja asing. Apakah usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan pekerja-pekerja tempatan supaya berminat di dalam bidang ini dan sekali gus menyelamatkan pengaliran wang keluar?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini mestilah dilihat secara keseluruhan (holistic). Dua tahun yang lalu, kerja-kerja bercambah iaitu banyak di dalam pasaran kerja. Jadi, pekerja-pekerja tempatan mengikut tabii ekonominya iaitu di mana kos melepasi (opportunity cost of labour) lebih tinggi daripada di tempat-tempat seperti pembuatan (manufacturing) dengan izin, dia pergi di situ, itu memang logical. Dia meninggalkan banyak kerja di ladang, pembantu rumah dan lain-lain kerja yang saya katakan tadi, 3D ini kosong. Sumber buruh tempatan tidak dapat mengisinya, justeru itu kita terpaksa

mengambil pekerja-pekerja luar yang datang bekerja di ladang, di dalam bidang pembinaan dan lain-lain lagi.

Jadi, di sini dari segi kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang banyak iaitu ekonomi tempatan terpaksa mengeluarkan wang yang banyak tetapi Yang Berhormat mesti berfikir juga bahawa sumbangan kerja yang diberi oleh pekerja-pekerja asing itu pun banyak juga. Kalau kita membandingkan dari segi pengaliran wang keluar setiap tahun dengan hasil negara maka hasil negara itu lebih banyak berkali-kali ganda daripada pengaliran keluar wang tempatan. Dilihat di dalam indicator pembesaran ekonomi (economic growth) negara kita yang selalu positif dahulunya. Sekarang ini oleh sebab pekerjaan kurang, pekerja-pekerja kita sedang mengisikikan tempat-tempat yang dahulu mereka tidak bekerja.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kebanyakannya lebih daripada 80% pekerja kita yang diberhentikan kerja mendapat balik kerja-kerja di bidang-bidang yang lain.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah kementerian menyedari bahawa ada di kalangan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan, kemudian kuota itu telah diberikan kepada pekerja luar. Sebagai tambahan, saya juga ingin bertanya, berapakah jumlah pekerja luar yang bekerja di negara kita selepas kegawatan ekonomi melanda negara kita? Terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Menjawab soalan yang kedua sekarang ini pekerja-pekerja luar yang berdaftar adalah seramai 700 ribu orang di dalam pasaran ekonomi kita.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat yang pertama tadi seperti mana jawapan saya tiap-tiap majikan yang hendak mengambil pekerja luar mestilah memberi notis kepada kementerian ataupun Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kalau dia tidak memberi notis ianya merupakan satu kesalahan. Jikalau Yang Berhormat ada contoh-contoh di mana ini dilakukan,

saya minta Yang Berhormat laporkan kepada pihak kementerian ataupun terus kepada pihak Jabatan Tenaga Rakyat.

5. **Tuan S. Parasuraman** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah pelan bertindak berterusan yang diambil oleh pihak kementeriannya terhadap para belia negara ke arah gaya hidup yang berjaya dan lebih berdaya saing.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang mengangkat sumpah pada pagi ini khususnya kepada kedua-dua orang wanita. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa inilah Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengangkat martabat wanita, *[Tepuk]* memberi penghormatan, bukan membuat mereka hanya sebagai perhiasan. Tetapi seiring sejalan supaya wanita-wanita terutamanya pemimpin-pemimpin di Parlimen memberi sumbangan supaya segala polisi, perundangan itu ada aspek wanitanya, setidak-tidaknya kerana kami ini wanita 50% daripada penduduk di Malaysia ini. *[Tepuk]* Jadi, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim dan Yang Berhormat Puan Chua Chui Ket Melanie. Kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mazlan bin Abu, saya yakin beliau sebagai seorang lelaki, orang UMNO Bahagian Bakri pula tu, akan memberi sumbangan yang positif kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada belia dan remaja, penuntut-penuntut dari Kolej Islam Klang, saya difahamkan. Saya merasa bangga kerana mereka dapat bersama-sama kita pada pagi ini. Saya harap bahawa mereka akan terus belajar dengan baik, memberi sumbangan kepada negara. Di dalam usia remaja ini sumbangan anak-anak muda, belia dan remaja kita ialah melalui menimba ilmu, pelajaran. Kalau hendak sumbang kepada negara pada masa ini belajarlah kuat-kuat, mencari kepakaran dan insya-Allah,

apabila sudah tamat pelajaran akan dapatlah sumbang kepada negara cara-cara lain. Tetapi sebagai ibu saya juga harap bahawa anak-anak muda, pelajar kita tidak lupa belajar kuat-kuat, mencari kecemerlangan dalam alam pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, maaf ambil masa sedikit Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan nombor lima, Kementerian Belia dan Sukan telah merancang pelbagai program untuk generasi belia ke arah pembangunan diri dan negara di dalam menghadapi alaf baru yang akan datang. Agenda perdana pembangunan belia negara yang sedang dilaksanakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah adalah bertujuan untuk mewujudkan belia-belia yang mampu meneruskan agenda pembangunan negara selaras dengan cita-cita negara Malaysia menjelang tahun 2020 sebagai sebuah negara maju. Walau bagaimanapun, beberapa program dan pendekatan baru dilaksanakan secara berterusan untuk mewujudkan belia-belia yang berjaya dan lebih berdaya saing dalam arus pembangunan kini antaranya:

- (i) Program Pembangunan Usahawan Belia;
- (ii) Program Pembangunan Latihan dan Kemahiran Belia; dan
- (iii) Program Pembangunan Sahsiah Belia.

Program-program ini dilaksanakan ke arah mewujudkan belia yang bermotivasi, berdaya saing, patriotik, mempunyai rasa tanggungjawab, bermasyarakat dan sebagainya.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah berusaha membuat perancangan untuk belia-belia ke arah hidup yang berjaya dan lebih berdaya saing.

Soalan tambahan saya, untuk berdaya saing saya percaya belia-belia kita mestilah mempunyai ilmu dan pendidikan. Jadi, soalan tambahan saya ialah apakah usaha kementerian untuk menggalakkan lebih ramai belia kita rajin membaca.



**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, kita di Kementerian Belia dan Sukan sebenarnya apabila menangani masalah belia, kita turut membantu Kementerian Pendidikan.

Jadi, masalah menggalakkan belia rajin membaca ini saya rasa semua lapisan masyarakat harus bekerjasama sama ada keluarga, ibu bapa ataupun di sekolah-sekolah ataupun mungkin kemudahan-kemudahan yang diadakan dalam committee tertentu. Kami di kementerian mengadakan beberapa program. Misal kata, program Rakan Muda Masjid, di mana kita memberi sokongan dan galakan supaya remaja dan belia kita selalu mentelaah dan membaca kitab-kitab dan program-program lain kita menggalakkan belia dan remaja kita supaya menimba ilmu. Insya-Allah, dengan cadangan Ahli Yang Berhormat mungkin kita akan meningkatkan lagi program untuk belia-belia membaca.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Tambahan. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana banyak sangat program yang diwujudkan bagi belia ini. Tetapi hakikat sebenarnya adakah pihak kerajaan bersetuju bahawasanya sekarang ini dari segi integrasi belia.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya hendak bangun berkenaan dengan pendidikan tetapi tidak berkesempatan untuk memberikan soalan. Sebenarnya dari segi belia di negara kita ini seolah-olah mengasingkan diri antara satu kaum dengan kaum yang lain. Kita ada Tamil Bell, kita ada 4B, kita ada ABIM, YMCA. Satunya saya nampak yang mengintegrasikan belia-belia ialah Malaysian Association Youth Club (MAYC), maknanya ada kaum China, India, Melayu dan sebagainya. Soalnya sekarang ini, kalau kita benar-benar hendak menuju ke arah alaf baru, Wawasan 2020, ianya berpaksi kepada integrasi bangsa.

Jadi, soalnya sejauh mana pihak kementerian menjayakan program untuk menentukan belia-belia kita ini benar-benar patriotik kepada negara menerusi

pendidikan dan sebagainya dan juga menghubungkaitkan lagi, mengintegrasikan lagi dari segi kaum-kaum di negara kita ini? Itu sahaja Timbalan Yang di-Pertua.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pendapat Ahli Yang Berhormat itu tadi saya rasa begitu bernas sekali dan begitu baik [*Ketawa*]. Saya setuju sangat dengan pendapat Ahli Yang Berhormat.

Untuk pandangan Ahli Yang Berhormat banyak daripada persatuan-persatuan belia yang ada pada hari ini telah pun diwujudkan beberapa tahun yang lalu dan kita di kementerian memberi sokongan dan galakan supaya persatuan-persatuan yang diwujudkan pada masa kini untuk menghadapi cabaran alaf baru adalah berorientasikan dan berasaskan daripada integrasi seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Saya meminta dan mengambil kesempatan ini untuk meminta semua persatuan yang ada pada masa kini mengambil berat pandangan Ahli Yang Berhormat. Insya-Alah, kami di kementerian sentiasa peka tentang masalah integrasi khususnya di antara golongan belia. Saya percaya bahawa terutamanya di alaf baru, Ahli Yang Berhormat isu-isu seperti ini tidak akan diketepikan ataupun dikesampingkan. Dan saya percaya bahawa kekuatan negara pada masa akan datang terutama di alaf baru akan datangnya daripada belia kita yang bukan hanya tebal semangat patriotismenya tetapi mempunyai dedikasi dan komitmen terhadap integrasi kaum.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat atas jawapan-jawapan yang diberi dan ucapan panjang Yang Berhormat tadi yang amat memberangsangkan. Yang Berhormat ini memang pandai memuji dan saya ambil peluang puji Yang Berhormat pada hari ini. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya terutamanya saya ingin mendapat maklumat mengenai budaya 'hip-hop' kalau saya tidak silap. 'Hip-hop' saya pun tidak tahu macam mana hendak pronounce ini, satu budaya baru yang

wujud di kalangan belia-belie kita. Apakah budaya ini sebenarnya dan sejauh manakah budaya ini telah menular dalam masyarakat dan tidakkah media massa seperti TV3, TV1 dan lain-lain yang mana kadang-kadang kita melihat pengacara-pengacara dalam televisyen menunjukkan satu gelagat yang ada kena mengena dengan budaya ini. Adakah ini salah satu daripada pendorong kepada budaya ini?.

Keduanya saya ingin bertanya kepada kementerian apakah usaha-usaha kementerian untuk memberi atau menggalakkan belia-belie di luar bandar supaya mereka ini tidak buta komputer kerana sekarang ini kita telah menuju ke alaf 21 dan dunia IT merupakan pemangkin kepada kejayaan masyarakat seluruhnya.

**Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab soalan Ahli Yang Berhormat yang kedua dahulu jika diizinkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan mengadakan satu program khusus iaitu program untuk memasyarakatkan penggunaan komputer khususnya di antara ahli-ahli dan pemimpin belia. Kita telah pun mewujudkan beberapa pusat komputer dan kita telah francaiskan penyelarasan program ini kepada pemimpin-pemimpin belia yang ada. Mungkin program ini oleh kerana baru dimulakan tahun lalu mungkin belum sampai lagi ke akar umbi. Tetapi insya-Allah, terutamanya kepada belia dan remaja di luar bandar kita akan meningkatkan lagi usaha itu.

Bagi menjawab soalan pertama tentang budaya yang dikatakan 'hip-hop', saya ingin menyatakan di sini bahawa kalau kita tengok perjalanan kehidupan seorang insan itu ada yang melalui beberapa cabaran ataupun fasa dalam kehidupan mereka (faith in their live) misal kata. Kadangkala ada yang simpan rambut panjang. Saya pun ingat ada beberapa Ahli Yang Berhormat masa dahulu ada yang simpan rambut panjang. Tetapi oleh kerana mempunyai asas yang kukuh ajaran agama dunia dan akhirat, insya-Allah, ini hanyalah sebagai satu fesyen atau dengan izin, it is only a fact. Tetapi kalau kita sebagai ibu bapa terutama kalau kita mengawasi anak-anak kita, saya rasa insya-Allah, perkara ini tidaklah begitu

serius sekali. Tetapi pihak media massa seperti Ahli Yang Berhormat kata kalau mereka memainkan peranan yang positif membimbing belia dan remaja kita ke jalan yang lebih positif, insya-Allah, perkara ini tidak akan menular di negara kita ini.

6. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah kanak-kanak yang bukan warganegara Malaysia yang telah tinggal dan bersekolah di negara ini dengan menggunakan visa ibu dan bapa mereka warganegara Malaysia, setelah menamatkan persekolahannya di peringkat SPM/STPM telah diarah untuk balik ke negara asal walaupun permohonan kewarganegaraan atau permit masuk telah dipohon oleh ibu-bapa mereka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, warganegara asing yang berada di negara ini atas apa-apa kemudahan imigresen termasuklah pemegang pas pelajar tidak boleh berada di negara ini apabila pas berkenaan tamat walaupun ibu bapa mereka adalah warganegara Malaysia. Ini disebabkan bukan semua anak kepada warganegara Malaysia yang lahir di luar negeri mempunyai tuntutan taraf kewarganegaraan atau penduduk tetap negara ini secara automatik.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, berapa ramai yang terlibat dalam masalah sebegini dan apakah tindakan konkrit yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ini?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka bagi berapa ramai orang yang terlibat seperti kes ini, tetapi pada umumnya kerajaan amat berhati-hati untuk meluluskan permohonan untuk mendapat penduduk tetap negara ini. Begitu permohonan untuk mendapat taraf kewarganegaraan negara, sama ada ia dipertimbangkan, dilulus atau ditolak, bergantung kepada pihak yang memohon.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan masalah ini, saya rasa ini agak rumit sedikit dan kita tahu negara kita mempunyai Perlembagaan dan kita tahu proses kerakyatan dan sebagainya.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, bagaimanakah suasana yang begini boleh diamalkan. Misalannya, ada bapa menjadi warganegara tetapi anak yang duduk di luar boleh diproses supaya dapat masuk menjadi rakyat negara ini. Jadi, penentuan yang begini agak kompleks (complicated), kadang-kadang kepastian sama ada itu anak dia atau bukan, menjadi sulit. Jadi, adakah amalan ini akan diteruskan atau kerajaan mesti buat satu garis panduan supaya penipuan tidak berlaku?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, memang itulah sebabnya yang menyebabkan kita perlu siasat terlebih dahulu oleh kerana kita tidak tahu sama ada anak yang dilahirkan di luar negara itu adalah anak sebenar daripada ibu bapa yang dimaksudkan. Selalunya ini berlaku oleh kerana bapa keluar negeri berkahwin dengan warganegara asing dan ibunya tinggal di negara asing hingga keluar anak [*Ketawa*] Minta maaf, ini bahasa tempatan, saya tarik balik – sehingga melahirkan anak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahasa mana itu?

**Dato' Azmi bin Khalid:** Bahasa Utara. [*Ketawa*] Minta maaf, perkara ini sensitif sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah sebenarnya kerajaan hendak menyusahkan sesiapa. Tetapi kita perlu juga melihat kepada keseluruhannya seperti kata Yang Berhormat Dr. Dato' Dr. Affifuddin tadi, holistic cara melihatnya supaya kita dapat menghayati mengapa kerajaan memang perlu berhati-hati dalam meluluskan kewarganegaraan ataupun taraf penduduk tetap.

Negara ini mempunyaiimbangan penduduk yang amat sensitif. Kita tahu dalam keadaan ekonomi yang tertekan di negara-negara sekitar, memang berjuta orang yang ingin menjadi rakyat negara ini. Kita harus prihatin bahawa kalau kita membenarkan sewenang-wenangnya akan membawa kesukaran kepada rakyat di negara kita ini sendiri yang kita bersusah payah berpuluh tahun menjana pertumbuhan ekonomi sehingga ekonomi kita pada hari ini dapat dibanggakan

bukan sahaja oleh negara kita bahkan orang luar pun bangga dan kagum dengan kecemerlangan kejayaan kita. Ini dasar dan kejayaan Barisan Nasional, bukan kerajaan lain [*Tepuk*]. Tetapi banyak orang tidak faham dan masih mengatakan kita tidak adil dan sebagainya. Itu pendapat mereka. Tetapi kepada rakyat yang waras yang melihat kepada keseluruhannya taraf kehidupan perlu mereka mengetahui bahawa orang lain yang di luar ingin sangat menjadi warganegara Malaysia, maka ini menunjukkan negara kita adalah satu negara yang boleh dibanggakan dan lebih maju daripada negara lain khasnya negara-negara sekitar.

7. **Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kerajaan bercadang mengehadkan kawasan-kawasan tertentu di Bandaraya Kuala Lumpur dan masa ianya dibuka kepada lalu-lintas secara bebas untuk mengelak kesesakan jalan raya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini yang telah diajukan kepada Kementerian Pengangkutan telah ditukar kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengkaji cadangan untuk mengawal kenderaan memasuki Pusat Bandaraya Kuala Lumpur melalui skim dengan izin, Area Road Pricing (ARP) untuk dilaksanakan di Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pelaksanaan skim tersebut tidak begitu sesuai dilaksanakan pada masa sekarang kerana rangkaian sistem pengangkutan awam sedia ada masih belum lengkap dan untuk memenuhi corak pergerakan perjalanan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

Usaha-usaha untuk mempertingkatkan operasi pengangkutan awam supaya ianya dijadikan satu alternatif perjalanan yang efisien masih diteruskan. Di samping mempertingkatkan perkhidmatan sistem-sistem pengangkutan awam pihak kerajaan juga sedang melaksanakan skim-skim pengurusan lalu lintas yang lain bagi meringankan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur. Antara skim-skim berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) skim jalan sehalu;
- (ii) skim laluan reversable flow;
- (iii) sistem lampu isyarat yang lebih berkesan atau dynamic system, dengan izin;
- (iv) skim kawalan tempat letak kereta di jalan-jalan utama dalam bandar raya; dan
- (v) kawalan kenderaan-kenderaan berat di jalan-jalan utama dalam bandar raya.

**Dato' Lee Pit Chern:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tahu bahawa walaupun kerajaan mempunyai satu skim ataupun satu sistem pengangkutan yang agak baik akan membantu lalu lintas yang ada di Bandaraya Kuala Lumpur tetapi masa kini terdapat gangguan lalu lintas disebabkan oleh pembinaan monorel dan LRT. Jadi, bilakah sistem yang baik ini iaitu termasuk LRT dan monorel boleh disiapkan supaya rakyat di Kuala Lumpur boleh merasai satu keadaan lalu lintas yang baik dan sempurna.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini sistem LRT, PUTRA dan STAR telah pun diap dibina. Sesungguhnya, kerajaan telah berbelanja bersama-sama dengan pihak pemaju ini sejumlah RM7 bilion untuk memperbaiki taraf lalu lintas di Kuala Lumpur.

Sistem-sistem seperti lain yang dianjurkan oleh KTM, iaitu electric train commuter, monorel KLPRT insya-Allah, akan siap dalam tempoh masa yang singkat. Dengan siapnya ini nanti saya percaya dan saya bersetuju benar dengan Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawasanya aliran lalu lintas di Kuala Lumpur telah banyak improve, dengan izin. Oleh kerana kita banyak mengadakan program pembangunan, dengan izin, managing the problems of success, jadi banyak pembangunan baru dibina termasuk sistem komunikasi yang up-to-date. Jadi, oleh itu, saya percaya dengan siapnya sistem komuter keseluruhannya, ia bukan sahaja akan memberikan sistem yang lebih baik, malahan akan mengurangkan gangguan

di jalan-jalan yang ada sekarang. Saya percaya dalam tempoh masa satu-dua tahun lagi sistem lalu lintas itu akan terus bertambah baik.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, oleh kerana sistem outer ring road telah berkemungkinan hampir siap, tetapi di dalam Bandaraya Kuala Lumpur kita masih ada kedudukan yang dinamakan lorong khas, saya tidak tahu sama ada ini di bawah perancangan Jabatan Perdana Menteri ataupun di bawah Kementerian Pengangkutan. Jadi, kita dapati bahawa lorong khas ini didapati mutakhir ini disalahgunakan oleh banyak di antara pemandu-pemandu bas dan teksi, sehingga di sesetengah tempat di kawasan yang agak padat dari segi densiti pengangkutannya, kedudukan orang awam memandu kereta tidak dapat berjalan ataupun memandu dengan baik.

Selain dari itu, lorong khas ataupun istimewa yang diberikan oleh kerajaan kepada kenderaan awam ini, bas memenuhi ruang-ruang hampir semua lorong lain, sehingga menyekat aliran perjalanan kenderaan-kenderaan individu yang lain. Terima kasih.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucap terima kasih di atas pemerhatian (observant) daripada Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli. Sesungguhnya sistem lorong khas ini adalah sistem percubaan yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan sistem ini masih lagi dalam peringkat percubaan dan sesungguhnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang memantau kebaikan dan keburukannya dan apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya percaya adalah dalam makluman DBKL dan akan dilaksanakan pembaikan apabila sampai masanya, kita menamatkan kajian sistem ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia.

**Dato' P. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

8. **Dato' P. Krishnan [di bawah S.O.23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan negeri-negeri yang telah menerimapakai polisi gunasama



perkhidmatan Jabatan Agama Islam dan Kehakiman Syariah dan negeri-negeri yang belum dan adakah Pegawai Syariah telah diiktiraf sama dengan skim Pegawai Undang-undang Persekutuan untuk mempertingkatkan taraf pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam dan Kehakiman Syariah.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha bagi mempertingkatkan taraf pegawai-pegawai Jabatan Agama Islam dan Kehakiman Syariah. Di antaranya terdapat negeri-negeri yang telah bersetuju menerimapakai skim perkhidmatan bersama bagi Pegawai Hal Ehwal Islam dan skim perkhidmatan gunasama Pegawai Syariah Persekutuan. Negeri-negeri tersebut ialah Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Perlis, Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Negeri-negeri lain masih belum menerima.

Skim Pegawai-pegawai Syariah adalah dilantik di dalam klasifikasi yang sama dengan skim Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman iaitu klasifikasi Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman. Bagi skim perkhidmatan bersama Pegawai-pegawai Agama di Jabatan-jabatan Agama Islam adalah mengikut skim Perkhidmatan Pegawai-pegawai Hal Ehwal Islam.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini dalam surat-surat khabar, banyak cerita berkenaan dengan kelewatan penyelesaian kes-kes syariah yang bersangkutan paut dengan perceraian di mana kaum ibu terutamanya seolah-olah mendapat layanan yang tidak begitu cepat. Saya lihat ada yang menunggu begitu lama dalam kes-kes perceraian dan saya hendak tahu dari pihak kementerian sejauh manakah kita kekurangan pegawai-pegawai dan kalau inilah sebabnya berapa banyak kes yang tertunggak semacam ini. Adakah kita mempunyai, dengan izin, edging analysis, maknanya berapa kes selama enam bulan atau setahun atau dua, tiga tahun dan sebagainya kerana untuk kita memberikan perhatian yang istimewa kepada kecemerlangan Islam sebagai addin untuk menentukan kaum ibu dapat penyelesaian yang serta merta dalam hal ini.

**Dato' Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap kaum ibu. Saya percaya memang ramai lagi lelaki yang sentiasa prihatin kepada kaum ibu. *[Ketawa]* Jadi, dengan sebab inilah maka beberapa akta, beberapa perjanjian dengan pihak negeri-negeri tertentu mengenai meningkatkan lagi bilangan pegawai-pegawai syariah dan pegawai agama kerana bukan sahaja masalah cerai dan sebagainya, tetapi masalah-masalah lain yang berkaitan dengan Islam itu sentiasa hendak ditingkatkan.

Memanglah kita akui ada di antara kes-kes yang terpaksa memakan masa yang agak lama, tetapi hakikatnya apabila kita dapat memperbaharui akta baru ini, saya dapati di Wilayah Persekutuan misalnya, telah banyak menyelesaikan masalah-masalah yang tertangguh dan juga masalah-masalah baru yang dihadapi. Insya-Allah, kita cukup yakin dengan persetujuan negeri sedemikian rupa, maka sebaik mungkin kita akan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mana-mana kaum terutama sekali kaum wanita dalam masalah yang melibatkan mereka pada masa yang akan datang.

Tetapi kalau negeri yang tidak menerima terutama sekali negeri Kelantan, saya tidak tahulah apa yang akan berlaku pada masa yang akan datang, jadi ini terpulanglah kepada negeri mana-mana yang terlibat. Terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tumpang tanya kepada Yang Berhormat Al-Fadzil Dato' kita ini, mutakhir ini kita bercakap masalah imej, pembangunan Jabatan Agama Islam dan juga Sistem Kehakiman Syariah, seolah-olah ianya merupakan kelas kedua dalam negara kita.

Yang keduanya, ialah ada dakwaan yang menyatakan bahawa dalam satu segi lain, Malaysia telah mengamalkan sistem perundangan Islam yang ketiga terbaik dalam dunia, tetapi tidak diakui oleh sebilangan kecil kumpulan manusia yang mempunyai kepentingan politik. Jadi, saya mintalah kerajaan pada hari ini

memberi sedikit penjelasan sama ada gerakan di negara kita dalam mentadbir hukum-hukum ataupun sistem kehakiman syariah ini tidak Islamic, sebagaimana didakwakan oleh setengah dari golongan kita di negara kita. Terima kasih.

**Dato' Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Al-Fadzil Ustaz Yang Berhormat yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, kita ketahui bahawa negara kita terdiri daripada banyak kaum dan agama, kemudian kita juga mempunyai orang-orang ulama yang sebenarnya, saya tidak hendak menuduh siapa yang mempunyai ilmu yang tinggi dan apa sahaja kerajaan buat dalam bidang-bidang agama Islam ini, kita mengambil kira pandangan daripada ulama-ulama dalam negeri dan luar negara.

Jadi, yang kita buat ini adalah berdasarkan apa yang dikehendaki oleh Islam itu sendiri. Jadi, kalau ada di antara yang mendakwakan kita ini agak tidak mengikut lunas-lunas, maka itu memang sudah menjadi kepentingan mereka, apatah lagi sekiranya parti pembangkang memang sentiasa apa yang kita buat walaupun baik, mereka akan menafikan apa yang kita buat baik.

Kita juga sentiasa memikirkan kebaikan dan kita melaksanakan kebaikan bukan sahaja dalam bidang agama malahan dalam bidang-bidang yang lain, insya-Allah, apa yang kita buat baik ini, kita akan mendapat ganjaran dari Allah s.w.t. dan kita juga sentiasa berfikir untuk membuat dan mengajak orang membuat perkara yang baik, kita juga insya-Allah akan mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t.

*[Membaca Hadis]* ini hadis, mana-mana orang yang sentiasa berfikir mengajak benda yang baik, seolah-olah orang itu melakukan kebaikan tetapi ingat, sesiapa yang mengajak orang yang membuat kejahatan, seolah-olah dia melakukan kejahatan.

Jadi, ini kena fikirlah, kalau sekiranya orang yang membangkang ataupun yang mengatakan kita tidak buat benda yang baik semata-mata kepentingan politik

mereka, maka apa yang mereka lakukan itu adalah perkara yang tidak betul, maka terimalah balasannya sama ada di akhirat kelak ataupun di masa sekarang.

Ini perlulah kita ambil perhatian, kita kalau hendak berdasarkan kepada nas al-Quran dan Hadis, kita mestilah menggunakan dengan sebaik mungkin dan bukan kepentingan untuk peribadi ataupun parti tertentu. [*Tepuk*] Tetapi kita gunakan untuk kebaikan manusia itu. Inilah yang amat penting dan inilah perkara yang dikehendaki oleh Islam itu sendiri.

9. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa tidak ragu lagi yang Peguam Negara telah menjalankan tugas dengan baik, tetapi dengan tujuan menguatkan jentera BPR di seluruh negara termasuk memberi lebih banyak peranan yang bebas, adakah apa-apa cadangan untuk meminda peruntukan-peruntukan tertentu di dalam undang-undang termasuk Seksyen 145 Perlembagaan Persekutuan supaya memberi BPR suatu peranan yang lebih bebas. Jika tidak, kenapa.

**Dato' Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada cadangan untuk meminda Fasal 145 Perlembagaan Persekutuan yang menyentuh mengenai kuasa pendakwaan Pendakwa Raya kerana kerajaan yakin kewibawaan Pendakwa Raya untuk menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab dan telus 'without fear or favour', dengan izin. Kerajaan juga telah menggubal Akta Pencegah Rasuah 1997 yang telah diberikan lebih banyak kuasa kepada Badan Pencegah Rasuah bagi menentukan pengesanan dan siasatan kes-kes rasuah dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan belum bercadang untuk memperluaskan lagi kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan dalam Akta Pencegah Rasuah 1997.

10. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan wang kertas RM500 dan RM1,000 yang masih dalam pasaran selepas tarikh 30 Jun dan adakah benar bahawa kebanyakan wang kertas ini adalah di luar negara.

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pada bulan September tahun lepas, apabila kerajaan mengenakan langkah kawalan modal secara selektif antara tindakan yang diambil adalah untuk mengumumkan bahawa wang kertas RM500 dan RM1,000 tidak akan laku lagi ataupun tidak sah sebagai legal tender selepas 30 Jun tahun ini iaitu tahun 1999. Kerajaan membuat pengumuman tersebut untuk mengelak wang kertas ini digunakan oleh para spekulator mata wang dan juga untuk membendung kegiatan penyeludupan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini, wang kertas RM500 dan RM1,000 yang masih dalam circulation, dalam edaran ialah kira-kira 0.99% iaitu sebahagian kecil sahaja, dari segi nilainya RM500 yang ada dalam edaran ialah RM97.3 juta dan wang kertas RM1,000 yang masih dalam edaran nilainya ialah RM98.8 juta.

Jadi, kesemuanya RM500 dan RM1,000 yang masih dalam edaran ialah RM196.0 juta, merupakan sebahagian kecil iaitu 0.99%. Sebelum kerajaan mengenakan langkah ini iaitu pada 31 Ogos tahun lepas, ia merupakan 24.5% iaitu kira-kira satu perempat daripada wang dalam edaran merupakan wang kertas RM500 dan RM1,000, hari ini cuma tinggal sedikit sahaja.

Wang ini tidak lagi sah sebagai legal tender, maknanya kalau kita pergi ke kedai, kita beri RM500 atau RM1,000 tidak boleh diterima oleh tuan punya kedai. Dalam pada itu, mereka yang masih ada wang ini boleh pergi ke Bank Negara untuk menukarkannya, Bank Negara masih lagi membenarkan mereka yang memiliki RM500 dan RM1,000 untuk menukarkannya tetapi perlu pergi ke Bank Negara sama ada di Kuala Lumpur ataupun di cawangan-cawangan Bank Negara yang terdapat di seluruh negara.

Mengenai bahagian kedua soalan, jumlah wang kertas RM500 dan RM1,000 di luar negara, pada pengamatan Bank Negara, jumlahnya tidaklah besar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 20 Julai yang lalu iaitu

dari 1 September tahun lepas sehingga 20 Julai tahun ini, yang dipohon untuk dibawa masuk cuma wang RM500 nilainya RM63,000 iaitu 126 keping, wang kertas RM1,000 nilainya RM310,000 iaitu 310 keping, itu jumlah yang dipohon oleh pihak-pihak yang tertentu untuk dibawa masuk dari luar negara untuk memasuki negara kita.

**Tuan Tan Ek Huat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Maksud Yang Berhormat tadi bahawa wang kertas RM500 dan RM1,000 itu masih laku kalau di tukar di Bank Negara atau cawangannya, tetapi adakah tarikh tertentu yang dihadkan supaya selepas itu langsung tidak dapat ditukar lagi? Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit pembetulan. Wang kertas lima ratus ringgit dan satu ribu ringgit, dengan izin, siezed to be legal tender, maknanya tidak laku lagi cuma boleh ditukar di Bank Negara, untuk transaksi harian tidak boleh diterima oleh sesiapa. Saya hendak membuat penegasan, kalau ada wang kertas lima ratus ringgit atau satu ribu ringgit, cuma boleh pergi ke Bank Negara atau cawangannya untuk ditukar, tidak boleh digunakan di kedai-kedai sebagai settlement.

Yang keduanya, Bank Negara sedang meneliti perkara ini dan kita belum lagi menetapkan tarikh sebenarnya untuk mengambil kira kepentingan orang awam. Jadi, kita menyerulah yang ada ini iaitu wang kertas lima ratus ringgit ada RM97.3 juta lagi manakala wang kertas satu ribu ringgit setakat 27 Julai, dua, tiga hari lepas, wang kertas satu ribu ringgit nilainya RM98.8 juta. Kita menyeru mereka semua ke Bank Negara secepat mungkin kerana Bank Negara masih lagi menerima untuk ditukarkan kepada note yang lebih kecil.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian, adakah menarik balik penggunaan wang kertas lima ratus dan satu ribu ringgit ini adalah merupakan satu keputusan muktamad kerajaan di mana wang kertas ini tidak akan

digunakan pada bila-bila masa akan datang ataupun penarikan ini buat sementara waktu sahaja.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan keputusan muktamad.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, kita mahu sedikit penjelasan daripada pihak kerajaan oleh kerana peraturan kita telah memansuhkan nilai lima ratus ringgit dan satu ribu ringgit daripada wang kertas kita, oleh kerana jumlah ini didakwa agak besar, sama ada di dalam negeri ataupun di luar negara, kalau ianya tidak diserahkan kepada kerajaan, apakah mungkin kerajaan membuat satu nilai yang baru dengan wang kertas yang lebih kecil kerana wang ini sudah tidak tahu dari segi hak miliknya, maka apakah kerajaan bersetuju ataupun berupaya mencetak semula wang kertas yang lebih kecil dengan jumlah yang tidak dilaporkan kepada kerajaan supaya keseluruhan jumlah wang kita berada dalam pasaran dengan sejumlah yang asal.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak jelas, lepas ini saya akan berunding dengan Yang Berhormat Senator Rosli, apa yang sebenarnya. Saya akan beri penjelasan.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Maksudnya wang kertas satu ribu ringgit berada di luar negara tidak balik, kemudian kita print semula wang kertas lima puluh ringgit atau satu ratus ringgit ataupun sepuluh ringgit, kerana jumlah itu merupakan total pengeluaran asal wang kertas. Maknanya kalau wang kertas satu ribu itu tidak balik, berapa juta semua sekali, kita print, kita buat, itu sudah menjadi milik kerajaan oleh kerana mereka yang memegang wang kertas satu ribu ringgit dan lima ratus ringgit itu tidak mematuhi peraturan kita.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kita ada kira-kira RM196 juta yang masih lagi dalam bentuk wang kertas lima ratus ringgit dan satu ribu ringgit dan kerajaan akan memastikan bahawa dalam edaran ada jumlah wang yang mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hari ini kita ada RM19.74 ribu juta wang kertas

dalam edaran. Jadi, kita ada RM196 juta dalam bentuk wang kertas lima ratus dan satu ribu ringgit ini, kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa ada wang kertas dan juga wang syiling yang mencukupi dalam edaran untuk memenuhi keperluan peniaga dan pihak-pihak lain yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 70 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[29 Julai 1999]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato’ Ghazi bin Haji Ramli.  
**11.20 pagi.**

**Dato’ Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang saya turut menyokong usaha kerajaan ke arah menubuhkan Suruhanjaya ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana masanya sudah sampai – amat tepat sekali, walaupun kita tahu pihak UN General Assembly telah pun memperkenalkan perkara ini tanggal 10 Disember 1948, ertinya sudah



50 tahun ini diperkenalkan tetapi pada saya biarlah masanya, kita mengambil masa untuk melihat perkembangan di sekitar dan biarlah mungkin pihak pembangkang menyatakan bahawa kita terlalu lewat tetapi pada saya masanya kena pada tempatnya kerana 'biar lewat asalkan selamat'. Saya katakan ini juga berpandukan kepada ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad pada 28 Februari 1991 semasa membentangkan *Malaysia - The Way Forward*. Kata beliau, dengan izin, saya petik;

*“Tidak ada formula yang sempurna tetapi yang tidak baik dan tidak produktif ialah agenda sempurna yang tidak dilaksanakan”.*

Pada saya ini mengukuhkan bahawa usaha kerajaan menubuhkan Suruhanjaya pada masa ini terlalu amat tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai persediaan untuk saya lebih memahami mengenai hak asasi manusia ini, saya telah melihat sedikit website yang ada di dalam dunia siber dan terlalu amat banyak dan amat meyakinkan bahawa tindakan kerajaan adalah terlalu amat tepat kerana tidak sebegitu mudah, walaupun pada zahirnya nampak mudah kita bercakap tentang hak asasi manusia tetapi kerumitannya itu mengukuhkan lagi bahawa masa untuk kerajaan menubuhkan Suruhanjaya begini adalah terlalu amat tepat. Untuk meyakinkan diri saya dan masyarakat umum, saya ingin memetik sedikit apa yang disebut dalam usaha untuk kita memahami hak asasi manusia kerana berlandaskan kefahaman inilah saya akan mengeluarkan hujah dan mungkin sedikit pendapat dan cadangan untuk sama-sama kita renung kerana masalah atau perkara ini terlalu amat mustahak dan strategik bagi kemajuan negara kita pada masa hadapan, lebih-lebih lagi ke arah mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya memetik;

*“Every individual has dignity, the principal of human rights were drawn up by human beings as a way of ensuring that the dignity of everyone is properly and equally respected, i.e. to ensure that the human being will be able to fully develop*

*and use human qualities such as intelligence, talent and conscience and satisfy his or her spiritual and other needs.”*

Pada saya, pengkhususan mengenai penggunaan intelek, penggunaan kemahiran, penggunaan ‘conscience’ atau kesedaran kita adalah terlalu amat pokok dalam usaha kita memahami kisah ataupun bab-bab mengenai human rights.

Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya terpandang juga anak-anak muda yang ada di sini, mendengar perbahasan dalam tajuk ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada para pelajar sekolah menengah dan para guru yang telah mengambil keputusan yang amat baik untuk menghadiri sesi Dewan Negara ini. Dalam perbincangan perbahasan rang undang-undang yang lalu, kebetulan pelajar-pelajar universiti, kali ini pelajar-pelajar sekolah menengah, kalau tidak salah saya, gurunya angkat tangan kalau betul. [*Salah seorang guru mengangkat tangan*] Ha, terima kasih.

Saya katakan begini kerana soal hak asasi manusia yang kita bercakap ini boleh berpangkal atau berpunca daripada sekolah. Ini anglenya dan kalau kita dapat memahami daripada sekolah terus ke kolej, terus ke universiti, terus ke masyarakat umum melalui organisasi dan sebagainya, saya ingat separuh daripada masalah salah faham dan sebagainya akan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus menekankan tentang hal dignity ini, soal maruah. Kita bercakap soal maruah yang mempunyai penekanan. Soal maruahlah yang menjadi agenda utama kepimpinan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir. Kalau kita melihat sepintas lalu, Yang Amat Berhormat menekankan tentang the future generation, menekankan tentang masa depan yang ditekankan di dalam bukunya yang terakhir *A New Deal For Asia*, sebagai contoh, katanya, yang paling dia suka sekali, yang paling menjadi kepuasannya kerana dia telah mengalih pandangan seluruh masyarakat

kepada masa hadapan dan kerana itu bab-bab membela maruah bangsa adalah terlalu amat kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang Fasal 4(1)(a) dan juga Fasal 4(2)(a) amat menepati tentang perkara-perkara yang telah saya highlightkan tadi. Fasal 4(1)(a) mengatakan bahawa Suruhanjaya ditubuhkan untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia. Ini tepat sekali, ini relevan bila saya katakan kanak-kanak sekolah patut mendengar ini, guru-guru sekolah patut mendengar ini kerana soal pendidikan hak asasi manusia hendaklah juga bermula di kindergarten, sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya. Malah, dalam Fasal 4(2)(a) mengatakan Suruhanjaya boleh menjalankan mana-mana aktiviti berikut:

- (a) untuk memupuk kesedaran mengenai hak asasi manusia dan untuk mengaku janji mengadakan penyelidikan dengan mengendalikan program, seminar dan bengkel dan untuk menyebarkan dan mengedarkan hasil penyelidikan itu.

Sekali lagi dengan ikhlas saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri pun ada di sini. Saya bercakap terus kepada orang yang paling berkuasa dalam bidang ini, yang telah menyampaikan rang undang-undang ini dengan jelas dan baik kerana pengkhususan inilah mengenai penyelidikan, bidang penyelidikan ini hendaklah kita beri tumpuan dengan penuh kesinambungannya. Dengan izin, there is no end towards usaha untuk membuat penyelidikan. Lebih-lebih lagi saya tertarik kerana dalam usaha menyelidik ini dia suruh hebahkan hasil-hasil kajian penyelidikan ini dan daripada hasil kejadian ini boleh diadakan program-program, seminar dan bengkel yang merupakan usaha-usaha menyebarkan ilmu. Inilah usaha-usaha non-formal education, yang selalu kita bercakap, usaha-usaha untuk mengadakan majlis ilmu, yang hendak kita dedahkan kepada seluruh masyarakat untuk sentiasa memahami dan memahami, walaupun perkataan “hak asasi manusia” nampak senang dan

senang dikotak-katikkan oleh pihak pembangkang, umpamanya, tetapi kalau badan Suruhanjaya ini mengambil paksi kepada Fasal yang saya sebutkan tadi, pada saya, kerajaan adalah begitu bestari untuk mengambil satu strategic decision, keputusan yang amat strategik supaya masa depan kita adalah hebat dan usaha-usaha untuk mengilmukan masyarakat keseluruhannya akan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin berminat untuk memberi fokus kepada isu pendidikan. Isu pendidikan, pernah saya sebut di dalam perbincangan di dalam rang undang-undang yang lain tetapi pada saya kewujudan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini terlalu amat tepat, biarlah Suruhanjaya menjadi champion dalam soal human rights di dunia. Kalau Malaysia telah buktikan kita boleh menjadi champion kepada satu benda yang baru, yang IT, MSCnya mengapa tidak soal yang begini hak, yang ada asasnya, yang selalu dikatakan kita tidak mengikuti hak asasi manusia, kita boleh mengambil daya usaha yang baik.

Perkara ini saya ambil contoh sebagai mengukuhkan cadangan saya tadi. Kita ambil contoh, umpamanya masalah pelajar di institusi pendidikan tinggi (IPT). Saya tahu masalah ini banyak diperbincangkan di dalam masyarakat, banyak angel nya, banyak sudutnya yang telah kita melihat, banyak usaha telah dibuat tetapi pada saya, usaha berterusan dan lebih strategik mungkin juga boleh dimulakan oleh suruhanjaya ini. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan pihak kerajaan supaya, sebagai contoh, kalau diadakan suruhanjaya ini dengan program bengkel dan seminarnya, di antara awal program ini ialah untuk mengajak seluruh masyarakat pelajar di IPTA dan IPTS untuk sama-sama berbincang dengan kerajaan tentang hal-hal hak asasi manusia.

Apa sebenarnya, bagi dia faham. Kita hendak membela maruah? Ya, dengan cara mana, apa *constrain* nya? Dan sambil kita menjalankan program-program begini, yang baiknya ialah kita menerima hakikat bahawa para pelajar boleh juga memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan berikutan

dengan itu, mungkin sudah sampai masanya saya ingin cadangkan supaya, umpamanya sebagai contoh, pihak kerajaan boleh membuat kajian semula mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Saya tahu perkara ini mungkin sensitif tetapi pada saya, marilah kita berdiri teguh dan melihat ini dengan hati yang terbuka. Kalau kita bercakap tentang hak asasi manusia dengan menggunakan intelligence, ilmu, fikiran dan sebagainya, mengapa tidak kita berhadapan sebagai lanjutan kepada program bengkel, seminar dan sebagainya dengan pelajar-pelajar, terus bercakap ke arah penyesuaian mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti. Tidak salah.

Saya menyeru kerajaan supaya memberanikan diri bercakap tentang hal ini kerana bersama-sama dengan pelajarlah, lebih baik kita menggubalkan perkara ini. Kalau proses penukaran ini dibuat dengan cara yang teratur, sebagai satu proses – proses satu, kumpulan pelajar, proses dua, kumpulan ibu bapa, proses tiga dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pada saya, rakyat keseluruhannya boleh menerima bahawa kerajaan begitu amat prihatin dan ingin mendengar sumbangan daripada para pelajar. Pada saya, langkah ini patut diberi penekanan yang agak berat kerana kadang-kadang kita melihat sesuatu sudah berlalu dan keadaannya kita mengatakan membuat keputusan tidak baik, kemudian kita memberi hukuman bahawa yang tidak baik itu ialah kerana sebab A, B, C dan sebagainya. Kalaulah itu menjadi keputusan kita, inilah ruang pada saya yang pihak suruhanjaya atas paksi hak asasi manusia boleh mempelopori ini dan setelah itu hendaklah kita hebah-hebahkan ke seluruh dunia melalui penerbitan, melalui Internet, melalui televisyen dan sebagainya kerana penghebahan usaha-usaha kita itu juga mustahak. Kalau tidak, bagaimana baik pun kita buat, dunia masih tidak melihat kita.

Oleh kerana itulah, pada awalnya saya mengatakan bahawa kita mesti mempelopori ini, menjadi champion jua mengenai human rights, kenapa kita mesti

defensive, mengapa kita mesti tertekan dengan dunia Barat, dengan kumpulan-kumpulan the Geneva yang datang mengatakan seolah-olah kita tidak mengamalkan human rights dengan baik. Dan melalui suruhanjaya ini, kita mempunyai golden opportunity, dengan izin, untuk melahirkan suasana yang berlainan, suasana yang meyakinkan selaras dengan kejayaan kita dalam dunia IT yang berbentuk masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi fokus kepada tajuk lain tentang hak asasi manusia ini kepada satu yang saya dapati melalui website ini juga mengenai perkara, dengan izin,, Globalization and Human Rights (Hal Globalisasi). Globalisasi ini terlalu mencabar. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bercakap tentang perkara ini, tentang apa kesannya kepada dunia membangun. Apakah ianya baik, apakah ianya patut kita hanya terima begitu sahaja, apakah persediaan kita untuk menentukan dengan dunia globalisasi ini, kita tidak lebih tertekan, kita pula akan dikongkong, dikawal dan dijajah dari segi pemikiran, pendidikan, ekonomi dan sebagainya dan perkara-perkara ini hendaklah juga kita memberi penekanan.

Saya berharap pihak suruhanjaya juga akan memberi penekanan khusus mengenai perkara ini. Saya agak tertarik apabila difahamkan bahawa terdapat satu video program khas yang dikeluarkan mengenai *Globalization and Human Rights* yang dikeluarkan oleh Rory O'Connor dan Danny Schechter untuk satu syarikat yang dinamakan Global Vision Incorporated. Dari mana datangnya funding, dana untuk mengeluarkan program ini? Datangnya daripada syarikat-syarikat hebat seperti Kaneji Corporation of New York, The Robin and Elizabeth Rousing Trust, The Roderick Foundation, The Independence Television Service, John D. and Catherine T. McCuffer Foundation, National Endowment for Democracy and Humans Own.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak tekankan di sini ialah dunia di sana mengeluarkan ini untuk mendakwahkan kefahaman human rights (hak asasi

manusia) cara mereka, cara Barat. Saya ingin melihat ini sebagai satu opportunity, sebagai satu peluang untuk suruhanjaya memberi pengkhususan kepada program ini, umpamanya. Mari kita mendengar, melihat, meneliti dan mengkaji apakah yang tersurat daripada program ini. Apakah yang tersirat daripada program ini. Kemudian, bolehlah melalui pegawai-pegawai yang akan dilantik nanti, melalui research, program-program penyelidikan yang hendak kita buat, melalui program-program seminar bengkel dan sebagainya, bolehlah kita menjalankan ke arah menjawab ini dan kalau baiknya kita juga mesti mengeluarkan program kita sendiri, ala-Malaysia yang berteraskan kekuatan yang kita ada.

Oleh kerana saya amat percaya dan yakin, kita mempunyai terlalu banyak kes kejayaan Malaysia ini sebagai negara kecil yang datang daripada dunia ini. Oleh kerana itulah, saya melihat peluang inilah, platform inilah, satu platform terbaik untuk kita menonjolkan diri kita. Untuk kita menebus maruah kita yang telah ditekan oleh dunia luar, pada masa depan kerana tidak ada yang lebih baik untuk bercakap, untuk kita *confront*, dengan izin, mereka selain daripada tajuk yang mereka amat suka menekan kita.

Biar kita tunjuk, kalau dahulu kita agak nampak pasif, kalau dahulu kita agak nampak terlalu tertekan dan defensive, sekarang, now is the time for Malaysia to be offensive on the issue of human rights, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat satu laporan yang dikeluarkan oleh badan yang berpusat di Geneva. Ini mengenai kes Lim Guan Eng dahulu. Saya terbaca dalam akhbar tentang laporan negatif mengenai apa yang telah diputuskan oleh pihak kerajaan kita. Dan bila saya bertanya, saya juga mendengar khabar bahawa rombongan yang datang untuk berunding, entah bagaimana, mungkin kerana kita kesibukan tugas pada masa itu, tidak begitu banyak memberi perhatian kepada kumpulan yang membuat research ini. Jadi, mereka pulang ke tempat masing-masing dan membuat laporan dan setakat maklumat yang saya faham, I

better qualify this, dengan izin, kita seolah-olah menolak ruang untuk bercakap dengan mereka.

Kita tidak mengambil kesempatan untuk bercakap, berunding, berhujah dan menyampaikan pendapat kita pada ruang yang mereka minta. Pada saya, saya agak terkilan dan dukacita kalau benar perkara ini berlaku kerana peluang keemasan tidak kita ambil.

Kita mesti berani berhadapan dengan mereka walaupun mereka ada peluru sebesar manapun, kalau sudah ada di sini pada saya, kita patut menggunakan program kita sendiri. Kalau programnya kita tidak bersetuju, kita tukar, alright kita hendak bercakap fasal hari ini, no problem. Your program a, b, c, kita tidak bersetuju, kita suka a, x, y umpamanya dan ke arah ini saya rasa, dengan adanya suruhanjaya yang telah dicadangkan pada saya, perkara-perkara ini insya-Allah tidak akan berlaku. Kita mesti menunjukkan kekuatan kita, kita kuat, kenapa bila orang hendak datang bercakap tentang hal ini, kita agak tidak suka dan tidak ingin. Ini yang saya hendak tekankan dari segi penonjolan kekuatan yang kita ada tetapi insya-Allah dengan tertubuhnya Suruhanjaya, dengan adanya kakitangan yang akan dilantik dengan pilihan yang baik, insya-Allah masalah ini tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perkara pengosongan jawatan yang disebut dalam fasal 9. Ini pun amat baik. Kita lantik orang-orang yang berkenaan tetapi kalau kena pada masanya, dia hendaklah mengosongkan jawatan dia mengikut fasal D yang telah disebut, apabila anggota itu dipecat daripada jawatan atas apa-apa alasan yang dinyatakan dalam seksyen 10. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memberi ruang ini. Pada saya, saya hendak kaitkan ini dengan hal pelajar tadi.

Tadi saya bercakap tentang hal pelajar, tentang kita ingin membina jambatan untuk mengadakan satu saluran komunikasi secara natural, secara tajuk yang dia ingat dia tahu dan kita pun tahu, mari berunding. Tetapi dari soal



pengosongan jawatan dan pemecatan Bahagian D yang saya sebut, saya ingat balik kepada dunia pelajar, kepada masalah yang dibangkitkan masa kini begitu hangat dibincangkan, masalah pelajar bumiputera yang kurang berjaya. Kita banyak membaca dalam akhbar dan diberi exposure yang hebat dalam akhbar tempatan khususnya mengenai pendapat seorang ternama dalam bidang pendidikan mengatakan bahawa di antara masalah sebab utama pelajar bumiputera lemah dalam pendidikan di IPT, universiti-universiti ialah kerana bahan pemakanan.

Saya ingin melahirkan rasa dukacita dan tidak bersetuju saya tentang perkara ini, mungkin penekanannya lain, saya tidak tahulah. Tetapi saya tidak hendak bercakap tentang hal makanan bila bercakap tentang masalah prestasi pelajar di universiti. Saya lebih menumpukan kepada sikap dan pendedahan, bila sikap dan pendedahan, saya hendak 'relate'kan kepada begitu enaknyanya dan lemaknya pelajar-pelajar Melayu yang hampir keseluruhannya mendapat biasiswa kerajaan. Mereka mungkin dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, take things for granted sebab semuanya datang terlalu amat senang. Dari sekolah mengatakan boleh dapat biasiswa dan sudah ada mentaliti yang kita akan dapat kerja, sudah ada mentaliti kerana ada dasar ekonomi yang memberi penumpuan kepada kaum bumiputera seolah-olah mereka kata mereka mendapat - salah faham tanggapan bahawa dunia ini seolah-olah everything is made for them, dengan izin.

Kalau kita lihat kepada kawan-kawan kita yang lain, yang cemerlang ialah kerana suasana dia. Dia dilahirkan dalam suasana pemikiran yang telah terbentuk bahawa we must survive – survival, dengan izin. Kalau dia kata, we must survive, kita mesti survive in all respect, dengan izin, dalam semua bidang. Hendak belajar kena survive, hendak dapat duit, hendak cari basikal kena survive. Hendak masuk mesti kerja kuat dan sebagainya. Oleh kerana itu apa yang saya hendak bawa ialah kita mestilah wujudkan survival atmosphere, kita mesti wujudkan situasi menekankan pelajar bumiputera kepada satu situasi to survive. Apa dia? Melalui landasan hak asasi manusia kerana kita boleh melalui program bengkel, seminar

dan sebagainya. Kita boleh menerapkan ini dan membincangkan dengan mereka mengatakan bahawa hak awak yang ada di situ mesti dipergunakan dengan baik. Kalau tidak lebih baik kita beri kepada seribu lagi orang, Tuan Yang di-Pertua yang berhak lagi untuk scholarship.

Apa dia ubat, pada saya ubatnya saya mendapat ilham daripada fasal 9(d), itu ubatnya. Ubatnya ialah kita kaitkan penerusan memberi biasiswa dengan prestasi dari setahun ke setahun. Saya pernah bincang dengan rakan di Dewan Negara ini dan dia juga amat bersetuju tentang hal keras ini tetapi ini sensitif. Saya berani mengeluarkan ini mengatakan ianya tidak sensitif. Ianya mesti didedahkan sekurang-kurangnya sebagai satu sentakan, some shock kepada para pelajar, oh! my god, ini dia. Kita hendakkan kesan oh! my god. Adakah bermaksud bahawa kerajaan akan menarik balik biasiswa itu kalau aku misbehave dengan ada prasyaratnya. Kalau aku tidak mendapat prestasi yang baik, kalau anak saya sendiri pun biar. Inilah caranya. Kalau anak kita sendiri pun tidaklah kita beri dia duit banyak sampai dia tidak bekerja, mesti juga kita control supaya boleh diberi bantuan dan kesenangan sedikit tetapi tidak boleh sangat sehingga dia tidak belajar. Pada saya, inilah ubatnya yang saya hendak tekankan kerana ubat ini, masalah pelajar ini, saya amat melihat sebagai satu masalah jenerasi masa depan.

Kita nampak senang tetapi terlalu amat buruk dan kalau sudah kita mendapat pelajar yang senantiasa dengan izin, tip on their toes, mengetahui bahawa dia akan habis biasiswa tahun depan, kalau prestasi tidak cemerlang, Insya-Allah. Keseluruhan orientasi pemikirannya bolehlah memberi keseimbangan di antara hendak belajar, hendak mengambil bahagian dalam persatuan dan hendak memahami sedikit mengenai dunia politik atau sebagainya, kita boleh kawal dan saya rasa Yang Berhormat Dato' Menteri yang berkenaan amat prihatin soal pelajar, kena pada orangnya untuk melihat ini sebagai satu langkah strategik. Bila sudah ada jambatan, bila kita sudah ada ruang untuk

berkomunikasi dengan secara ikhlas atas kepentingan pelajar itu sendiri, kalau ada perkara-perkara lain yang relevan yang hendak kita bicarakan, ayoh sahaja kerana ruangnya, mentalnya, suasananya, semuanya telah diwujudkan oleh kita sendiri. Kalau hendakkan suasana yang nyaman dan baik, kita boleh bawa berbincang di universiti multimedia umpamanya, dalam konteks yang agak berlainan dan terus bercakap, ini dia universiti yang baru dalam keadaan suasana perkara-perkara baru yang kita hendak buat dan kita boleh kaitkanlah dengan perkara-perkara lain yang mungkin lebih bererti, lebih bermakna kepada pelajar itu.

Saya harap apa yang saya katakan ini tidak salah diertikan kerana pada saya kita mesti melihat pada penyelesaian pokok, the structural issue, ini dia. Kita boleh melihat kepada ranting, bunga, buku dan sebagainya tetapi kalau soal akar tunjang tidak ditekankan, saya rasa kita tidak akan dapat mengubah apa yang kita ingin ubah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai Fasal 19, dana. Saya ucap tahniah kerana ada bab khas mengenai dana. Saya amat tertarik dengan penubuhan suruhanjaya kerana dalam perbahasan yang lain pun pernah saya katakan tentang suruhanjaya. Rakan saya Yang Berhormat Dato' Aziz tadi prihatin tentang wanita. Saya turut berkongsi pendapat dengannya malah dalam sesi yang lepas pernah saya mengatakan patut diadakan suruhanjaya khas untuk wanita. Kita ucap tahniah kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang baru dilantik tiga wanita dan seorang lelaki. Saya ucap tahniah kerana ini menunjukkan kemampuan dan kehebatan wanita untuk terus menyumbang bakti dalam pembangunan negara. Saya percaya mengenai suruhanjaya ini pihak wanita pun bersetuju.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah pada saya walaupun kita tidak tahu berapa banyak, mungkin akan diberi maklum oleh Yang Berhormat Datuk Menteri, pihak kerajaan patut memberi dana yang agak besar kerana ini satu perkara yang baru, satu perkara yang strategik yang boleh kita kaitkan

'integrate'kan, mengadakan satu program yang komprehensif yang sepiantas lalu mengubati penyakit-penyakit yang lain. Ini pada saya kerajaan patut beri dana yang begitu hebat, begitu banyak. Kalau Suruhanjaya Sekuriti dengan kehebatannya, satu badan yang begitu besar, bangunan yang begitu indah, belanja banyak, yalah dia pun ada saluran duit yang banyak, kita tahu, tetapi tidak mengapalah. Kalau kita bayangkan Suruhanjaya Sekuriti yang terletak di Bukit Damansara itu begitu hebat, gagah dan berani buat tindakan yang tegas untuk melindungi pelabur-pelabur secara umumnya, mengapa tidak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia sama taraf, pada saya.

Saya pandangan sebagai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, ini Ahli Yang Berhormat yang baru saya ucap tahniah. Tadi saya perhati tidak ada, saya tidak mahu sebut tidak ada, saya salahkan diri saya sebab tidak nampak, sekarang sudah nampak, saya akui kehadiran mereka dan ucap tahniah. Apa tadi?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Dana.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Dana. Terima kasih Datuk Seri Syed. Saya bila paling itu imaginasi lebih sikit, banyak bunga-bunganya. Yang Berhormat nampaknya mengikuti perbahasan dengan baik. Terutama sekali Dato' Aziz dengan yang bunga-bunga ini.

Jadi itulah penekanan saya, saya mengatakan ini dengan ikhlas terlalu amat strategik, *very timely, please do it and we would support you in any manners Sir, whatever possible*, dengan izin, minta maaf. Kita akan terus memberi sokongan dengan apa cara sekalipun, mari kita gerakkan seluruh pelajar sekolah melalui PIBG, seluruh persatuan-persatuan yang lain, badan-badan bukan kerajaan, universiti-universiti dan semuanya menjadi satu networking yang hebat berpaksikan kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Perkara ini bukan hanya mimpi di siang hari, kita boleh menjadi kenyataan nyata yang boleh kita memberi nilai yang tinggi.

Sekian, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Aziz.

**11.53 pagi.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana sungguhpun dari segi pembangunan negara kita masih lagi tidak sampai ke tahap negara maju tetapi berupaya mewujudkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 ini kerana kita juga akur dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan Prinsip Paris 1991 bagi menunjukkan kepada dunia hak-hak asasi yang berpaksi kepada Bahagian II Perlembagaan kita dapat kita wujudkan bagi sama-sama mengikuti perkembangan nilai-nilai sejagat dunia.

Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa kerana kebelakangan ini parti-parti pembangkang banyak menonjolkan kekurangan toleransi mereka terhadap perbezaan-perbezaan yang mesti wujud di kalangan mana-mana komuniti, mana-mana bangsa dan mana-mana kabilah.

Di sini saya perhatikan baru-baru ini misalnya pihak PAS sampai sanggup mengutarakan dengan angkuhnya kalau mereka berkuasa mereka akan tutup media massa yang wujud di negara kita seperti TV, RTM, *Berita Harian*, *Utusan*, *News Straits Times*, semua dia hendak tutup semata-mata kadangkala wujudnya pendapat-pendapat yang berbeza, *world view*, dengan izin, yang berbeza. Ini menunjukkan bahawa mereka sendiri tidak mengakuri wujudnya hak asasi di dalam lingkungan pihak-pihak yang lain daripada mereka.

Begitu juga dengan DAP yang kononnya mengutarakan mereka sebagai champion kepada Democratic Action Party. Democratic Action Party saya tengok kalau ikutkan gelagat mereka lebih elok kita panggil "Undemocratic Action Party". Apabila mereka mengatakan supaya parti-parti pakatan pembangkang

sekarang tidak boleh menerima mereka yang dipecat daripada DAP. Ini pun satu untuk menghadkan kepada seseorang itu menjadi ahl-ahli pertubuhan yang berbeza daripada pandangan mereka. Ini tidak jauh perbezannya kerana mereka hanya hendak pergi misal katanya masuk Keadilan. Tidak mungkin masuk PAS, mungkin ada masuk PAS, mereka pun hendak tahan supaya mereka ini yang dipecat oleh DAP tidak boleh masuk parti-parti lain. Jadi dalam masa yang sama mereka ini melaung-laungkan hak asasi manusia dan kerajaan patut wujudkan hak asasi manusia sebagai satu institusi.

Kini kita wujudkan menerusi rang undang-undang ini, insya-Allah, tidak lama lagi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 akan menjadi payung dan peneduh kepada hak asasi yang ditunjangkan di negara kita. Tetapi walau bagaimapun, Malaysia yang baru sahaja merdeka selama 43 tahun dan tahap perekonomiannya, insya-Allah, pada 2020 barulah kita merasakan yang kita ini telah maju. Tetapi malangnya kita tidak mahu dan kita minta pihak kerajaan berhati-hati dengan perkara ini kita tidak mahu negara-negara maju menggunakan isu hak asasi sebagai pra-syarat untuk mereka memberi peluang-peluang lain kepada negara-negara yang hendak membangun ini.

Kita tahu apabila komunis telah dihapuskan ideologi komunisme tahun 1989, muncul hanya satu kuasa besar sahaja, the super power, yang dinamakan Amerika Syarikat. Seheinggakan ramai orang mengatakan sekarang ini isu-isu dan nilai-nilai sejagat yang dibawa supaya mereka ini dapat bertapak di negara-negara lain di seluruh dunia menerusi kekuatan dan kekuasaan Amerika Syarikat. Kita sudah tahu dari segi sejarah pun Amerika Syarikat memang banyak dosa dan mungkin hendak menebus dosa menggunakan nilai-nilai sejagat ini untuk mereka menjadi polis dunia supaya negara-negara lain terpaksa mengakuri dan mengikutinya.

Kita tengok dalam sejarah Amerika Syarikat sendiri negara yang merdeka pada 1776, 223 tahun dahulu wujudnya Amerika Syarikat tetapi mengambil masa

11 tahun untuk menggubal perlembagaannya sungguhpun merdeka. Mengambil masa 89 tahun untuk menghapuskan hamba abdi, orang-orang kulit hitam yang dibawa daripada Afrika. Mereka sebenarnya berdosa besar dan hendak menebus dosa sekarang ini dengan menggunakan kuasa yang ada bagi menyebar dan mendakwah, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi nilai-nilai sejagat ini kononnya nilai-nilai Amerika Syarikat. Mereka mengambil masa 144 tahun memberi hak wanita untuk mengundi, 144 tahun dan mengambil masa 188 tahun untuk mengembangkan perlindungan perlembagaan kepada semua pihak. Begitu lama yang terpaksa diambil.

Tetapi sekarang setelah mereka menjadi super power, dia kata negara-negara lain tidak boleh menguasai nuklear power. Ini senjata nuklear, orang lain tidak dapat tetapi Israel boleh. Kita di sini tidak boleh, Pakistan tidak boleh, India tidak boleh, negara-negara yang sedia ada boleh kerana dia hendak sekat orang lain daripada menjalankan penyelidikan dan pembangunan ke arah mewujudkan kekuasaan masing-masing menerusi kuasa nuklear. Tetapi dibiarkan orang-orang Yahudi di Israel tidak mengapa kerana mereka bersekongkol dengan Amerika Syarikat, nampak sangat 'double standard' yang dibawa oleh negara besar seperti Amerika Syarikat untuk menyebarkan nilai-nilai yang kononnya nilai-nilai sejagat yang dibawa oleh mereka seperti globalisasi, pasaran terbuka, liberalisasi perdagangan, hak-hak asasi manusia, kononnya semua ini kepunyaan mereka dan negara-negara lain hendak berkawan dengan mereka, hendak mendapat bantuan dari mereka dan hendak dapat simpati daripada mereka terpaksa mewujudkan semuanya ini sekali gus sungguhpun saya nyatakan tadi berapa lama mereka mengambil masa untuk mewujudkan satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali negara maju seperti Amerika Syarikat dan juga Watch International Amnesty mempunyai agenda-agenda sendiri untuk mengawasi negara-negara yang membangun supaya kita tunduk untuk mengikuti nilai-nilai yang kononnya nilai-nilai sejagat tetapi sebenarnya nilai-nilai yang

dibawa oleh mereka untuk digunakan sebagai prasyarat mencari kuasa atau hegemony.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat Amerika Syarikat terutamanya boleh mengubah kerajaan sungguhpun kerajaan-kerajaan itu dipilih oleh rakyat jelata di negara masing-masing. Kita ada bukti sejarah di mana setakat ini kita melihat bagaimana Amerika Syarikat mengubah Muhamad Musadiq di Iran, Jacobo Albel Gustman di Guatemala, Patrick Lumumba Congo, Ngo Zinh Xian Vietnam Selatan, Raffle Truzero di Dominican Republic, Salvador Allande di Chile, Daniel Ortega di Nicaragua, Morris Brishock di Grenada dan Manual Norega baru-baru ini di Panama. Semua ini ditukar oleh Amerika Syarikat dan kadangkala mereka ini juga ditaja oleh Amerika Syarikat seperti Pinocet baru-baru ini, diberitahu kepada kita setelah dia kena tangkap di England, dia memberitahu, *“Saya diletakkan oleh Amerika Syarikat untuk menguasai Chile dan dosa-dosa saya bersekongkol juga dengan Amerika Syarikat”* dan kali ini orang Spain oleh kerana banyak yang terlibat itu yang dibunuh daripada Sepanyol. Mereka mendesak supaya Pinocet kena tangkap, ditangkap dan sekarang ini ditahan di England.

Jadi, pertukaran kerajaan pun dan diberitahu kepada dunia, dia hendak tukar Saddam Hussein daripada menjadi Presiden Iraq kerana Saddam Hussein boleh berdiri dan menentang Amerika Syarikat. Amerika Syarikat hendak memberi US\$90 juta hendak menghapuskan Saddam Hussein daripada Iran dan menjalankan sekatan-sekatan ekonomi kepada Iraq, Iran, kepada Libya, kepada Cuba, tiga negara Islam dan sebuah negara sosialis, Cuba. Amerika Syarikat menjalankan dari segi dasar extra territoriality, di luar kawasan mereka, kita pernah cemas lagi tidak boleh melabur di Iran, tidak boleh sesiapa pun melabur di Iran lebih daripada RM20 juta. Jadi Petronas, ZOPFAN saya ingat yang daripada Russia, Netuttal daripada Perancis, mujur Petronas bijak berkongsi dengan ZOPFAN dari Russia dan juga dengan Tuttal daripada France. Dia tidak berani



Amerika mengambil tindakan kerana terlibatnya Perancis dan Russia, dia kata okay jalan sebabnya kita melabur lebih daripada RM20 juta di Iran.

Cuba kita melabur seorang diri, Malaysia melabur di Iran, katakan lebih RM30 juta, kita akan dihapuskan, disekat ekonomi kita, ia membuat apa cara dia buat, di mana hak asasi yang kononnya dibawa oleh superpower seperti Amerika kepada dunia. Kalau sekiranya mereka sendiri dengan agenda tersendiri menjalankan usaha-usaha menyekat membangunnya the emerging market, membangunnya negara-negara yang hendak muncul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan kepada negara-negara yang miskin terutamanya di Afrika. Tidak mungkin negara-negara ini dapat mewujudkan satu sistem demokrasi, mewujudkan hak asasi manusia kalau sekiranya mereka sendiri tidak ditebus dari segi perekonomiannya. Ramai yang miskin dapat US\$1, RM3.80 sehari hendak makan apa, kurang daripada itu 20 sen, 30 sen, apa yang boleh buat. Bukan sahaja miskin dari segi pendapatan, miskin dari segi ilmu pengetahuan, miskin dalam segala bidang.

Pernah kita utarakan di Dewan yang mulia ini juga supaya negara-negara ini dihapuskan segala hutang-hutangnya di peringkat awal, The High Indebted Country (HIC) banyak sangat hutang. Jadi, negara-negara yang maju setelah begitu lama mengeksploitasi khazanah kekayaan negara-negara di Afrika sepatutnya sekarang ini tebuslah dosa, hapuskan hutang supaya mereka bergerak dengan satu talian pergerakan ke hadapan dengan menyertai seolah-olah permainan di mana gelanggangnya sama rata, a level playing field, mohon iziz, Tuan Yang di-Pertua, barulah mereka dapat memainkan peranan .

Kalau sekiranya mereka tidak ditebus dari segi hutang-hutang ini, jangan haraplah piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini dapat dilaksanakan oleh negara-negara lain. Kita syukur alhamdulillah kerana kita sungguhpun ada lagi poket-poket kemiskinan terutama di Kelantan - sudah tidak ada wakil-wakil PAS - 19.2% di Kelantan di bawah pentadbirnya iaitu Dato' Nik Aziz, Menteri Besar,

yang paling banyak sekali kemiskinan di Kelantan – 19.2%. Untuk menguruskan negeri yang begitu kaya tetapi masih tercicir dari segi arus perdana perekonomian negara. Di mana letaknya penumpuan mereka untuk menegakkan hak asasi supaya kita semuanya menikmati khazanah kekayaan Allah s.w.t. Tidak wujud.

Apa salahnya Kelantan membuka satu ladang yang luas, di Gua Musang banyak lagi tanah 10,000 ekar, beri 10 ekar pada setiap orang yang miskin, kita menjayakan sendiri menerusi estet secara ladang dan mereka boleh mendapat RM200, RM300 sebulan. Duduk di rumah, yang tidak nampak, yang cacat, duduk di rumah tidak perlu pergi ke ladang, kita beri saham, kita beri dividen setiap tahun, dekat hendak Hari Raya beri double, banyakkkan lagi kerana dia pun hendakkan langsir yang baru, kerusi baru, kita beri sebab Tuhan beri kita tanah. Ini tidak sebut lagi minyak di Terengganu, menggunakan kekayaan berasaskan hak asasi ini tadi. Access maknanya kita mendapatkan access kepada pembangunan ekonomi, access kepada ilmu pengetahuan, access kepada telekomunikasi, ini penting untuk menegakkan hak asasi, jangan hendak tutup sahaja media massa yang berbeza pendapat sedikit, salah sedikit hendak lelong.

Ini PAS punya kerja, Putrajaya hendak lelong, Perlis hendak bawa keluar, hendak masuk ke mana tidak tahu. Hendak buat lapangan terbang Perlis pun terus pergi ke Thailand sebab kecil sangat. Itu hendak bawa keluar. Kita sepatutnya lebih toleran menerusi hak asasi manusia, kita terpaksa lebih toleran.

Walau bagaimanapun, menerusi Kementerian Luar Negeri, saya minta kepada Menteri kita yang gagah dan perkasa, apabila kita pergi ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, bersuara kuat sedikit terutama bagi membela nasib negara-negara yang membangun seperti yang dibuat oleh Perdana Menteri kita. Seolah-olah sekarang ini kita mempunyai satu jihad bagi menebus maruah dan martabat bangsa kita bahkan bangsa-bangsa yang terhimpit begitu lama oleh eksploitasi-eksploitasi negara-negara besar yang berkuasa.

Kita juga memohon kepada kerajaan apabila pergi ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, tukar cepat sedikit kuasa veto. Di mana wujudnya hak asasi manusia kalau peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri mewujudkan lima, enam buah negara mempunyai kuasa veto, tidak boleh buat ini kalau sekiranya sesebuah negara tidak bersetuju. Sebab itu kita melihat di Kosovo misalnya, banyak negara tidak bersetuju untuk mengambil tindakan yang cepat dan kuat menerusi NATO.

Begitu juga di Iraq, negara-negara Arab sendiri kali ini tidak bersetuju Amerika menggunakan di Saudi Arabia sebagai landasan kapal terbang untuk hendak meloncat ke Iraq dengan senjata-senjatanya. Tetapi Amerika Syarikat bersekongkol dengan WARS, ini satu kumpulan besar Western Anglo Section Protection, satu kumpulan (group) di mana Amerika menjadi ketuanya, Britain terikut-ikut sama. Hanya Amerika dan Britain sahaja yang bersetuju supaya bom dijatuhkan di Iraq.

Sehingga sekarang ini, orang lain tidak bersetuju tetapi apa yang boleh dibuat. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, saya tidak tahu Annan boleh buat apa, saya minta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita tidak lama lagi hendak bersidang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Amerika supaya bersuara bagi menentukan tidak wujudnya pakatan-pakatan sulit, agenda-agenda sulit untuk menahan negara-negara Islam, untuk mewujudkan Israel sebagai satu negara yang boleh menentukan masa hadapan Amerika dari segi minyak.

Kita tidak mahu agenda-agenda seperti ini, kalau benar-benar kita telus, kalau benar-benar kita mengamalkan ketelusan, mengamalkan demokrasi, mengamalkan globalisasi, trade globalisasi dan sebagainya, kita sepatutnya tidak membuatkan apa sahaja yang bercanggah dengan nilai-nilai yang kita dakwahkan itu.

Jadi, Amerika Syarikat, saya minta kita menghubungkan diri bersama-sama dengan negara yang membangun, meredakan keadaan supaya mereka tidak menjadi polis antarabangsa kerana kita ada Bangsa-Bangsa Bersatu. Tidak

merupakan satu – sungguhpun Albright mengatakan ini bukannya satu ‘superpower’, dia mengatakan dan menggunakan perkataan ‘Bernine Hedgement’. ‘Bernine’ ini maknanya ataupun ‘superpower’ yang not imperialist, ‘Talbord’ berkata. Maknanya, tidak menggunakan kuasa untuk hendak menguasai negara-negara lain tetapi bekerjasama untuk menjalankan tugas-tugas antarabangnya bagi menebus maruah dan martabat negara-negara yang perlu dipimpin dan pimpinannya diberi oleh Amerika Syarikat bukan secara percuma tetapi besar dan berat tanggungjawab yang dipikul oleh negara-negara ini kerana terpaksa bersekongkol dengan mereka. Yang ini kita tidak mahu.

Jadi, kita hendak wujudkan bukan ‘uni-pola’ tetapi ‘multi-pola’. Inilah sebabnya Perdana Menteri kita awal-awal lagi mengatakan, kita tidak perlu sangat kepada APEC, kita perlukan kepada EAEC – Majlis Perunding Ekonomi Asia Timur. Macam mana pendapat Amerika? Dia tentang, dia hendakkan APEC. Bila wujudnya APEC dia menjadi ahli termasuklah kerajaan masyarakat Anglo-Saxon yang lain, Amerika Syarikat, Kanada, Australia. Golongan ‘WASP’ yang saya sebutkan tadi - Western Anglo-Saxon- Protestant sebagai satu kumpulan termasuk dalam APEC. Kita hendakkan EAEC dan saya pernah katakan EAEC, saya sebutkan lagi Economic Association ‘Excluding’ Caucasian (EAEC). Maknanya, antara kita sahaja orang-orang Asia. Caucasian ini ‘Orang Putih’- hak yang hidung mancung, hak yang mata bulat. Jadi, kita katakan kepada hak-hak yang mata sepet ini sahaja, hak yang kuning-kuning dengan kulit ‘sawo’ macam kita menjadi ahli, Asia seluruhnya. Kita boleh.

Saya percaya Kementerian Luar Negeri mempunyai strategi. Asia sendiri yang boleh membangun. Saya nampak dari segi vision akan datang tahun 2020 ke depan ini, negara-negara Asia merupakan satu lagi tunjang kekuasaan. Satu lagi pola, kalau sekarang ini kita ada Amerika, Transatlantic Movement pun sudah wujud, adanya European Union. Yang kemudian nanti Asia sebagai satu lagi tunjang. Jadi, ‘tri-polar’, tiga polar, tiga tunjang. Amerika satu, sekarang ini

Amerika sahaja. Eropah pun baru hendak muncul, mata wang Euro pun tidak begitu kuat lagi, terumbang-ambing lagi. Kita hendakkan Eropah kuat kerana kita tidak mahu esok dari segi perdagangan kita gunakan Dollar sahaja.

Jadi, dominan ini kita tidak mahu mana-mana satu kuasa pun yang menjadi negara dominan, 'hegemonic', 'super power'. Kita hendak kalau ada untuk tiga, Asia ada, Eropah pun ada, Amerika ada. Itu tidak mengapa. Jadi, kita adakan satu keseimbangan. Sebab itulah dahulu apabila kita menghadapi krisis ekonomi, negara Jepun hendak wujudkan Asia Monetary Fund. Amerika tidak setuju, negara Jepun hendak tolong kita, hendak tolong negara Indonesia, hendak tolong negara Korea, hendak tolong negara-negara seperti Thailand, Amerika tidak bersetuju kerana menghakis kekuasaan IMF di mana mereka memainkan peranan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya perhatikan IMF ataupun World Bank dijadikan alat oleh negara maju seperti Amerika. Mereka menggunakan alat-alat ini untuk membuka luas perdagangan, untuk meruntuhkan sempadan. Kini mereka telah menguasai dua, tiga buah bank di negara Korea. Amerika apabila menjadi krisis ia hendak menggunakan IMF itu sebagai tekanan - Tabung Kewangan Antarabangsa ini. Sebab itu di dalam Dewan yang mulia ini kita syorkan supaya Michel Camdessus meletakkan jawatan.

Saya hendak minta Menteri Luar Negeri kita ini, sahabat saya ini bawa usul ini sampai kepada Bangsa-Bangsa Bersatu. Esok bila kita ada mesyuarat dengan Menteri Kewangan Antarabangsa, tentang IMF ini kita bawa usul. Orang tidak suka lagi kepada IMF. IMF sendiri sekarang ini mengakui mereka tersilap, kenapa atas kesilapan itu dia tidak berhenti? Kalau orang kita silap, terus berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendakkan pandangan sama rata, tidak ada 'hidden agenda', tidak ada 'double standard' antara negara maju dengan negara-negara lain. Konon hendak menolong tetapi ada 'udang besar di sebalik batu'. Itu yang kita takut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak merayu kepada pihak kerajaan dalam hal yang sama kita kena sekat eksport Amerika Syarikat yang terbesar, bukannya kereta, bukannya peluru berpandu – ‘hedonism’, ini hendak berhibur-hibur. Entertainment, hiburan dan juga software-software. Yang paling besar RM60.2 bilion eksport Amerika. Cuba bayangkan, kerana apabila dunia tidak ada sekatan, tidak ada sempadan, apabila Internet boleh digunakan, televisyen boleh dipancar melalui satelit, nilai-nilai bangsa kita sendiri akan tergugat. Kadangkala tidak kuat keyakinan pada diri kita sendiri, kerana apa?.. eksport negara Amerika RM60.2 bilion menerusi hiburan – entertainment. Baik dari segi filem Hollywood, *Star Wars* kah dan berbagai-bagi lagi dan di celah-celah hiburan itu melalaikan kita dan lebih-lebih lagi menanamkan pandangan serong. Bila dia buat filem *Entrapment*, ia tunjukkan bandar pencakar langit. Kita ingat hebatlah KLCC tetapi ‘back ground’nya, apa latar belakangnya? Rumah setinggan. Cuba bayangkan, secara senyap-senyap, secara perlahan-pelahan dia hendak pameran kepada dunia, Malaysia ini ada dua gambaran – bangunan gergasi, tinggi mencakar langit tetapi di kelilingnya dipenuhi oleh kampung-kampung setinggan. Ini hendak tunjuk kepada dunia – *Entrapment*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini ada agenda tersembunyi, ada sahaja yang dia hendak tunjukkan cara-caranya. Jadi, untuk itu apa yang dikatakan oleh Michael Bragman dalam bukunya *Asian Eclipse*, dia kata sumbangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bukannya pencakar langit, bukannya Putrajaya tetapi ketahanan diri - self confidence. Inilah sumbangan terbesar Perdana Menteri kita untuk menentukan maruah dan martabat bangsa itu dapat kita tebus menerusi keyakinan, self confidence. Sebab itulah sekarang ini universiti kita teruk, terlalu ramai kononnya mempunyai self confidence tetapi tidak ada toleran.

Apa yang berlaku di Universiti Kebangsaan Malaysia baru-baru ini ada sahaja orang UMNO masuk hendak berhujah, kena ‘boo’. Islam tidak

mengkhabarkan cara begini hendak dibuat. Tidak beri peluang. Toleran sudah tidak ada, kononnya ada jati diri. Kalau benar-benar mereka sudah memiliki keyakinan diri, dengar pendapat mana-mana pihak sekali pun. Ini PAS lah yang punca pasal, ia sudah pergi kacau semua universiti, orang lain masuk sahaja terus disekat. Hak asasi pun sudah tidak dapat.

Universiti sepatutnya adalah tempat gedung ilmu yang terbuka luas kepada semua pihak untuk menimbanya. Bagaimana pula ada pelajar-pelajar yang boleh menyekat suara yang hendak dikeluarkan, suara balasan kerana hendak berhujah. Mesti ada intellectual discourses dan intercourse, antara pelajar-pelajar, antara pemikiran-pemikiran yang berbeza-beza ini tetapi nampaknya universiti kita sekarang ini tidak memberikan bibit-bibit seperti ini 'menanam benih-benih' yang boleh menjernihkan lagi pemikiran intelek. Jadi, hak asasi terpaksa diwujudkan di peringkat bawah lagi – sekolah agar mereka memahami. Sebab itulah tadi, saya bertanya dalam Dewan yang mulia ini, tadi tidak sempat hendak bertanya Timbalan Menteri Pendidikan integrasi, moral, di luar kita buat, kita beri moral. Apabila orang-orang Islam belajar agama, orang-orang lain belajar subjek Moral. Kualiti pendidikan dari segi moral amat rendah.

Saya terperanjat membaca surat khabar baru-baru ini. Salah satu topik yang disebut dalam pengajian Moral ini, kalau sekiranya seseorang itu melanggar di kampung, mestilah orang itu cabut lari. Takut kena ketuk oleh orang kampung. Ini diajar menerusi sistem pendidikan kita. Buruk sangatkah orang kampung hendak membelasah orang yang melanggar sesiapa di kampung itu.

Saya tidak sempat hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan tadi, kalau inilah cara kita hendak memberi pelajaran moral kepada anak-anak kita, prejudis telah ditanam di dalam pemikiran mereka. Di kampung jangan main-main, kalau langgar orang kena cabut lari. Tidak boleh tinggal di situ, tidak boleh jaga orang itu kerana kalau tidak awak kena pukul. Backward sangatkah, kebelakangan sangatkah pemikiran orang-orang kampung sampai begitu. Berani

pula, dalam pendidikan buat begini – saya hairanlah. Bagaimana kurang sensitifnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak mengkaji hak asasi itu, kita kena pupuk. Janganlah pupuk hendak marahkan orang kampung sehinggakan kalau sekiranya ada orang bandar pergi ke kampung, terlanggar kena lari dahulu. Ini tidak perlu kita buat, saya ingat kena kaji.

Reformasi pertama, transformasi pertama sistem pendidikan kita dari segi kurikulumnya. Dahulu saya pernah kata bagaimana perlunya kita wujudkan sastera. Hari ini kita dengar sastera sudah banyak. Sungguhpun saya tidak begitu peka dari segi pemilihan buku-buku sastera itu. Saya tidak tengok, Tagore pun tidak ada, Mishima dari Jepun pun tidak ada. Saya nampak semuanya Charles Dickens, pasal mentaliti kita ini masih lagi ‘colonial oriented’. Kita masih lagi tunduk kepada pendekatan kolonial.

Charles Dickens, kita hendak belajar. Mungkin bagaimana dia hendak mengeksploitasi pemikiran kita pula. Kita kena tengok dari segi ‘advert science’, orientalism, bagaimana orang Putih mengkaji kita menerusi kaca mata dia semata-mata mencari kelemahan kita untuk menyenangkan mereka mengeksploitasi kita. Inilah sastera digunakan oleh orang-orang Barat seperti itu.

Jadi, saya mintalah Kementerian Pendidikan mengkaji dengan sebenar-benarnya. Kita ada banyak novelis yang telah menerima Anugerah Nobel, iaitu daripada Mesir, India, Jepun, Malaysia belum ada lagi. Indonesia saya rasa belum ada lagi – ‘Antatau’, saya tidak tahu sama ada sudah dapat atau tidak. Tidak ada yang menerima dari segi sastera. Tetapi kita perlu membangunkan idea-idea ketimuran ini menerusi sistem sastera kita, mengimbangkan, mengharmoniskan dari segi kepribadiannya semoga mereka benar-benar menghayati apa itu hak-hak asasi, bukan hak-hak asasi acuan Amerika, tetapi acuan kita sendiri.

Jadi, kita minta Suruhanjaya mewujudkan bukan sahaja dana yang cukup tetapi sistem pendidikan yang menular kepada sistem pendidikan perdana kita,



menerusi Kementerian Pendidikan. Kurikulum mesti mencerminkan nilai-nilai perjuangan bangsa patriotisme kerana integrasi kaum saya lihat sekarang ini meruncing. Sungguhpun kita telah merdeka 43 tahun tetapi nampak meruncing. Mungkin kerana wujudnya sekolah-sekolah berasrama penuh yang digariskan berpaksi kepada bangsa dan kaum. Saya tengok baru-baru ini dalam surat khabar murid-murid, pelajar-pelajar di Universiti Sains tidak mahu tinggal sebilik dengan kaum-kaum yang berbeza. This is indeed a very sad historical moment untuk kita, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Amatlah sedih bila kita mendengar peringkat universiti pun tidak boleh duduk bersama. Ianya mungkin bermula daripada sekolah-sekolah kecil, sekolah-sekolah rendah seperti taski yang PAS buat. Kita ada taska, ada pasti dan sebagainya, mungkin kita tidak tahu.

Jadi, saya hendakkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini meninjau juga dari segi sistem pendidikan kita – di sini ada wakil-wakil PAS – supaya sistem pendidikan kita ini tidak mengasingkan mana-mana pihak, tidak membenci mana-mana pihak tetapi menanamkan citarasa harmonis, to love untuk menimbulkan kesayangan daripada kebencian supaya semua kaum dapat hidup dengan penuh tolerant. Jadi, integrasi kaum di negara kita ini jangan kita pura-pura mengikatkan dengan bahasa Malaysia sahaja. Saya amat kagum saya tengok sekarang ini anak-anak kecil di sekolah bercakap bahasa Malaysia bukan main petah lagi, kalau saya tidak tengok muka saya ingat ini orang Melayu daripada mana, mereka bercakap bahasa Malaysia fasih. Kita sudah berjaya peringkat ini. Tetapi peringkat bahasa sahaja tidak akan memberikan jaminan integrasi kaum, integrasi dari segi nasional.

Jadi, saya ingin pihak kementerian bersama-sama dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia memikirkan kurikulum pendidikan yang boleh mencerminkan dan memberikan dorongan untuk menguatkan lagi....

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta laluan sedikit. Saya cuma di peringkat akar umbi ingin menyatakan di sini bahawa ada sedikit kebimbangan apa yang Dato' utarakan tadi dalam usaha

untuk mendapatkan atau menguatkan integrasi negara khususnya anak-anak muda kita di pusat-pusat pengajian tinggi yang diminta duduk sebilik antara berlainan kaum dan berlainan agama. Sebabnya misalnya kita lihat anak-anak kita dia sesama anak-anak Melayu dan Islam pun dia tidak sembahyang. Jadi, apa yang ibu bapa di kampung bimbang kalau dia duduk dengan orang lain lebih lagi dia akan tinggalkan sembahyang. Inilah kebimbangan ibu bapa kerana sembahyang merupakan tiang agama. Jadi, sudahlah ibu bapa tahu anaknya duduk di Kuala Lumpur dengan pelbagai cabaran dan tambah dengan satu lagi yang membingungkan sangat ibu bapa. Saya minta perkara ini dapat kita bahaskan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab saya rasa sudah sampai masanya untuk satu lagi laporan pendidikan, laporan pelajaran saya pernah utarakan, kalau dahulu kita Laporan Abdul Rahman Talib, Laporan Razak, kita perlu laporan Najib untuk mengkaji sedalamnya dalam kita menghadapi alaf baru bagaimana soal-soal seperti integrasi, kerana ini sebenarnya paksi pembangunan negara, integrasi kaum. Kekuatan negara kita berpaksi kepada itu. Wujudnya Barisan Nasional dengan mengambil kira toleransi kaum di antara orang Melayu, India, Cina, Iban dan sebagainya. Sekarang ini 14 komponen parti-parti Barisan Nasional. Yang baru hendak buat pakatan ini biarkanlah, dia buatlah cara dia. Kita buat sejak merdeka lagi, dahulu Perikatan sekarang Barisan Nasional menghormati dengan penuh toleran dengan hak-hak masing-masing. Tetapi kalau sekiranya di peringkat akar umbi sudah wujud bibit-bibit keretakan itu kita bimbang.

Jadi, kita hendak menyeru pihak kerajaan dalam isu hak asasi manusia ini supaya benar-benar memahami bagaimana Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya dapat hidup dengan penuh kemesraan menginsafi hak asasi masing-masing sebagai manusia yang dianugerah Allah dengan ilmu dan pancaindera dan sebagainya. Jadi, saya rasa laporan Najib amat perlu, kerana bukan sahaja integrasi

sudah kurang tetapi banyak lagi. Sistem patriotisme – saya hendak tahu itu bagaimana.

Semasa saya bersekolah dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya belajar di Maktab Tentera Diraja di Sungai Besi, dahulunya di Port Dickson. Kita kawad pakai uniform pergi sekolah semua serupa sahaja. Tidak ada baju kuning, baju biru, baju hijau semata-mata – mereka panggil katak hijau. Kita pergi belajar berkawad dengan penuh disiplin. Bersama-sama saya ada benggali, ada Cina, ada India, no problem. Tidur sebilik lapan orang. Sebelum kita naik pangkat lapan orang sebilik. Pergi mandi bersama-sama, pergi makan bersama-sama no problem, 30% bukan Melayu, 70% Melayu. Integrasinya bukan main hebat, sampai sekarang, kita masih lagi dekat dengan kawan-kawan kita daripada sekolah semacam ini.

Tetapi bila kita wujudkan MRSM 99.9% bangsa kita sahaja, selepas itu sekolah-sekolah lain, saya tidak tahu adakah mereka ini bila keluar akan merasa bimbang, kurang tolerant saya tidak tahu. ini persoalan besar yang terpaksa dijawab menerusi satu penyelidikan khas untuk kita menentukan sejajar dengan hak-hak asasi manusia yang kita hendak jaga baik-baik. Saya menyokong penuh rang undang-undang ini mudah-mudahan Menteri kita akan dapat menentukan kejayaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.  
**12.28 tgh.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana dapat saya menyuara dan mengutarakan pandangan saya dalam penubuhan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia akan memberi peluang yang bermakna sekiranya ianya dapat berfungsi secara bebas dengan mengambil kira hak-hak yang sewajarnya diberikan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, dalam membincangkan tentang hak asasi ini kita tidak sepatutnya

terpengaruh dengan perjuangan hak asasi Barat. Sebaliknya kita perlu melihat dari perspektif Islam yang mengambil kira budaya setempat.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada disedari atau tidak masyarakat kita telah terpengaruh oleh gerakan pembebasan wanita Barat. Kita dapati berlakunya penolakan nilai-nilai dalam masyarakat yang dianggap mengongkong perkembangan wanita dan memupuk hasrat untuk mendapatkan hak dan peluang yang lebih bagi wanita dalam semua sektor kehidupan, saya merasakan perlu disedari bahawa Islam ialah agama pembebasan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Saya rasa dalam pepatah Arab ‘kama tudin tudan’ kalau dia buat kepada saya, saya juga tergamak buat begitu kepadanya. Semasa Yang Berhormat Tuan Abu Bakar membahas jarang beliau memberi laluan kepada saya. Pada hari ini pula saya tidak akan memberi laluan kepada beliau. Terima kasih.

Tetapi pembebasan yang dianjurkan oleh Islam mempunyai pengertian yang khas. Kaum wanita turut terbela menerusi program pembebasan. Mereka mempunyai hak terhadap harta warisan, mereka mempunyai hak untuk bersuara. Oleh itu, saya ingin mencadangkan dalam membincangkan hak asasi suatu agenda yang khusus perlu dimasukkan tentang hak-hak wanita, kerana hak wanita dan lelaki terdapat persamaan tetapi berbezanya dari segi fitrah atau naturenya dengan izin. Allah berfiran *[membaca sepotong ayat Al-Quran]* bererti “tidaklah kaum lelaki itu serupa seperti bentuk kaum wanita”. Perihal ini dapat dilihat dalam suatu dialog di antara Asma’ binti Yazid, ketua rombongan wanita Ansar yang menemui Baginda Rasulullah s.a.w. apabila diberitakan kegelisahan wanita-wanita Islam di zaman awal Islam disebabkan mereka tidak dapat menunaikan sembahyang Jumaat, menghantar jenazah dan berjihad seperti kaum lelaki. Maka Rasulullah s.a.w. menyatakan dalam satu sabdanya bagi mendamaikan hati dan perasaan

mereka dengan menerangkan bahawa wanita yang mencintai suaminya, menggembirakan suaminya serta mentaatinya selagi suaminya mentaati Allah dan Rasulnya, maka wanita akan memperolehi balasan yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, saya menyeru dan mencadangkan supaya kebebasan berfikir, memberi nasihat atau teguran, mengkritik dan mengutarakan pendapat perlu diberikan kepada rakyat. Di samping rakyat juga perlu diberi hak atau kebebasan memilih, Al-Quran menyeru manusia supaya berfikir dan mengamati serta memerhati semua perkara dengan akal yang dikurniakan kepada mereka. Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian Dalam Negeri agar memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih bahan bacaan termasuk akhbar *Harakah*. Adalah tidak wajar hak rakyat untuk membaca akhbar *Harakah* dilarang kerana ini menunjukkan hak rakyat telah disekat. Biar rakyat memilih untuk membaca *Utusan Malaysia, New Straits Times, Malay Mail, Berita Harian* dan sebagainya kerana rakyat cukup matang untuk menilai berita-berita yang mereka terima. Adalah pelik bahan-bahan lain tidak disekat seperti majalah hiburan yang menjolok mata sekali pun boleh mempengaruhi jiwa remaja dan meninggalkan kesan yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjayakan segala penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini saya ingin mencadangkan agar pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dikaji semula. Akta ini dapati telah menghalang pelajar-pelajar dari berfikiran kretis dan kreatif dan seterusnya menyekat mereka daripada hak kebebasan bersuara, memberi pendapat dan memberi pandangan. Kita yakin bahawa pelajar-pelajar kita adalah pelajar yang bijak, waras dan matang. Maka sudah pasti pelajar kita boleh menilai setiap maklumat yang diterima dengan sebaik mungkin. Sebagai sebuah negara demokrasi hak rakyat sepatutnya tidak diabaikan sama ada mereka menyokong parti pemerintah atau parti pembangkang.

Saya ingin menyeru kepada Kementerian Kewangan sekali gus sekiranya peruntukan kewangan diberikan kepada kawasan parti kerajaan, maka peruntukan

yang sama juga perlu diberikan kepada kawasan parti pembangkang kerana ianya membelanjakan wang untuk rakyat yang mempunyai hak ke atas peruntukan tersebut tanpa mengira sama ada rakyat menyokong parti pembangkang atau parti kerajaan. Mereka juga perlu membayar cukai pendapatan, cukai jalan dan sebagainya yang menjadi hasil kepada kerajaan.

Oleh itu, adalah kurang adil sekiranya peruntukan kewangan di kawasan parti pembangkang disekat dan tidak diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, hak asasi di dalam Islam ada batas dan sempadannya. Batas sempadan yang dihadkan oleh Islam tidak melampaui batas dan mencabul hak-hak orang lain, juga tidak mendatangkan sebarang bahaya kepada mereka. Kebebasan hak merupakan suatu tanggungjawab, setiap kita adalah bertanggungjawab terhadap semua tindakan yang kita lakukan di atas nama hak asasi, ini dibuktikan dengan formula di dalam al-Quran suratul An-Nisa', firman Allah [*Membaca ayat al-Quran*] maksudnya, "bagi kaum lelaki ada bahagiannya dan usaha yang mereka lakukan, sebaliknya bagi kaum wanita juga ada bahagiannya daripada usaha yang mereka lakukan".

Dalam memperjuangkan hak asasi manusia adalah baik sekiranya media penyiaran maklumat diberi hak sama rata tanpa mengira parti politik. Penggunaan media televisyen telah dilarang haknya kepada parti-parti politik pembangkang, oleh itu saya ingin mencadangkan agar radio, televisyen dan sebagainya harus bertindak lebih demokrasi dengan membenarkan parti-parti pembangkang menggunakan slot sekurang-kurangnya satu ke dua jam setiap hari untuk menyatakan pandangan dan pendapatnya dan sebagainya, agar rakyat dapat menilai serta meneliti maklumat-maklumat yang disampaikan supaya tidak ternampak sangat berat sebelah.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan bahawa pengurusan manusia, di antara tugas yang paling rumit kerana kita diberi perasaan, kita diberi roh dan kita dijadikan dari tanah. Kita mempunyai keistimewaannya ialah akal. Oleh itu,

uruslah manusia ini dengan mengambil kira perasaannya dan rohnya yang bersih sentiasa cintakan kepada kebenaran.

Oleh itu, manusia tidak boleh ditipu dalam semua waktu, mungkin berjaya ditipu dalam waktu-waktu tertentu. Tetapi sesungguhnya sebaik-baik manusia ialah manusia membina diri dengan kebenaran, mengurus orang lain juga dengan kebenaran, tetapi oleh kerana manusia dijadikan dari tanah, kekotoran cara tidak kurang mempengaruhi hidup manusia, janganlah kita dipengaruhi hidup dengan kekotoran. Oleh itu kita cuba memujuk diri kita membuat sedaya upaya yang mungkin untuk memujuk kita supaya kita hidup, keluarga kita, zuriat kita, anak bangsa kita dan rakyat kita supaya masing-masing mencari kebenaran dan melaksanakan kebenaran.

Sejarah telah membuktikan melalui lembaran al-Quran, kaum yang tidak menegakkan kebenaran dihapus oleh Allah melalui pukulan angin dan taufan, tenggelam di dalam laut, tertimbus di dalam tanah, semua cerita ini amat mengerikan. Oleh itu, kita di perantauan dunia buat sementara ini biarlah beraakhirnya hidup kita dengan dipuji di atas usaha kita bagi menegak kebenaran, amat malangnya mati kita dengan meninggalkan nama dengan peninggalan penipu dan dikeji.

Maka oleh itu, saya turut menyokong Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat To' Puan Wan Seri binti Ahmad.

**12.40 tgh.**

**To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut ingin menyokong Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pagi tadi dan saya juga ingin

merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang akan bersara selepas Dewan ini bersidang iaitu seramai lima orang yang terdiri dari seorang wanita.

Sebelum saya menyentuh tentang Rang Undang-undang Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, saya inginlah juga mengutarakan apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah tadi mengenai keadilan. Manusia ini dijadikan oleh Allah s.w.t. mempunyai dua perkara iaitu akal dan nafsu. Maka sesiapa yang mengikut nafsu maka rosak binasalah ia, maka sesiapa yang mengikut akal maka selamat dan tenanglah jiwanya sentiasa.

Sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah s.w.t. iaitu [*Membaca surah Al-‘Asr*] bermaksud, ‘bahawasanya demi masa, sesungguhnya manusia itu di dalam rugi melainkan sesiapa yang beriman dan beramal dengan amal yang soleh maka mereka itulah yang akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat’.

Semua manusia menyebut tentang keadilan. Kita hanya hendak membuat keadilan dan semua berjanji dengan Allah s.w.t. setiap waktu sehari semalam berikrar dengan Allah s.w.t. setiap kali sembahyang bahawasanya ‘Ya Allah, hidupku, matiku, ibadatku, lillahi Ta’ala’ tidak ada yang lain daripada itu.

Tetapi kita manusia memungkir janji kepada diri kita sendiri, setelah kita keluar daripada sembahyang apakah yang kita buat? Apatah lagi dalam soal-soal memimpin dan kita dipimpin.

Saya kira, tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawasanya sejak saya mengingati perkembangan hidup sejak saya dari kecil dan saya hidup di dalam dua zaman iaitu zaman pemerintahan British dan zaman pemerintahan Kerajaan Perikatan seterusnya Kerajaan Barisan Nasional.

Saya kira betapa sedih dan susahnya ketika Kerajaan British. Pengiktirafan tentang agama Islam langsung tidak diambil kira. Tetapi alhamdulillah, sejak kita merdeka, agama Islam dan agama-agama yang lain diletak sama tinggi dengan apa



juga undang-undang di Malaysia kita hari ini dan diberi pengiktirafan sama dengan kelulusan agama-agama lain.

Saya kira Kerajaan Perikatan sampailah Kerajaan Barisan Nasional, kalau hendak kata tidak telus itu bohong, tetapi saya rasa tidak banyak penyeksaan yang diberi layanan kepada parti-parti pembangkang. Buktinya, anak-anak ahli-ahli parti pembangkang sama diberi tempat dalam pengajian tinggi dan sekolah-sekolah menengah rendah, IPTS dan IPTA.

Begitu juga jawatan-jawatan di dalam institusi agama, walaupun mereka menjadi parti pembangkang kerajaan, tetapi mereka diberi layanan yang sama. Berbanding dengan apa yang diutarakan oleh kawan-kawan saya yang dari Kelantan bahawasanya setelah Kerajaan PAS mengambil alih menang di Kelantan, banyak imam-imam, ketua-ketua kampung yang telah disingkir dari jawatan dan ini adalah satu penganiayaan. [*Tepuk*] Ya, silakan.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk penjelasan, yang sebenarnya Yang Berhormat Puan Wan Seri, yang kita singkir itu bukanlah kata kita buang mereka tetapi sampai umur, yang kena buang itu adalah yang sampai umur mereka.

**To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang sampai umur itu memang ada, tetapi yang tidak cukup umur pun yang masih boleh berkhidmat pun ada, Yang Berhormat! [*Tepuk*] Jadi, kita sebagai seorang Islam, [*Membaca Hadis*] kenapa kita berkata barang yang kita tak boleh buat, kita jangan berkata bila kita buat, kita kata tidak. [*Membaca ayat al-Quran*] kita mesti berani bertanggungjawab, berkata benar kalau perkara itu benar, berkata tidak benar kalau perkara itu tidak benar.

Banyak rakan saya yang tidak menyertai politik yang mana menjadi mangsa daripada tindakan ini. Jadi, saya berharap perkara-perkara ini tidak ditimbulkan lagi dan begitu juga mengenai surat khabar *Harakah*, saya tidak suka sangat hendak menyentuh perkara-perkara yang walaupun kecil, tetapi oleh kerana

telah banyak diperkatakan tadi, saya ingin menyentuhkan bahawasanya saya kira surat khabar *Harakah* ini banyak memberi perkara-perkara yang negatif, yang meracuni fikiran anak-anak muda dan rakyat negara ini.

Memanglah dalam pepatah Arab menyatakan [*Bertutur dalam bahasa Arab*] akhbar-akhbar itu semuanya mengandungi perkhabaran benar dan khabar yang tidak benar. Tetapi saya dok kira, saya jarang baca *Harakah* ini, sebab saya takut perkara-perkara yang seumpama ini mengelirukan fikiran saya, lebih baik saya tidak baca, lebih baik saya baca benda-benda yang manfaat daripada sejarah-sejarah tafsir al-Quran yang lebih memberi manfaat dan berpahala kepada saya, cuma saya hendak minta supaya akhbar *Harakah* ini biarlah sedikit sahaja memberi keadilan. Janganlah menonjolkan perkara-perkara yang boleh meracun dan menimbulkan pergaduhan, perselisihan faham antara kita umat Islam sebenarnya.

Memang benar Rasulullah s.a.w. menegaskan kepada kita, bahawasanya umat Islam tidak dihancurkan, tidak diduga dengan bala-bala yang lain seperti umat Nabi Nuh diturun bala akibat ribut dan taufan, tetapi umat Muhammad hanya satu sahaja iaitu Allah menurunkan bala dengan hawa nafsu semata-mata. Maka sebagai pemimpin-pemimpin PAS yang mengaku memperjuangkan berlandaskan Islam al-Quran dan Hadis, maka ia hendaklah benar-benar menggambarkan apa yang disebut iaitu melambangkan Islam dan Hadis.

Saya kira sudah banyak penganut-penganut Islam sendiri sudah keliru dan sudah berpecah belah, maka saya menyeru wahai adik-adikku berdua dalam Dewan ini, marilah kita sama-sama merapatkan kembali hubungan antara ukhwah Islamiah dan persaudaraan Melayu kepada generasi-generasi kita yang telah banyak keliru dan sudah banyak berpecah belah, kita kembali kepada semangat ukhwah Islamiah, kita bersatu, kita buat atas landasan yang benar, terangkan apa yang sebenar, apa yang tidak benar.

Sesungguhnya Allah meredai saya kira Barisan Nasional memerintah negara kita ini sekian lamanya kerana kalau kita mengikut akan sejarah dan juga ayat yang diturunkan oleh Allah s.w.t. yang berbunyi [*Membaca ayat al-Quran*] bermaksud, “kiranya kamu menolong kepada jalan Allah, maka Allah akan menetapkan pendirian kamu dan menolong kepada kamu”.

Maka saya kira sejak tahun 1955 hingga sekarang, apa jua yang dijanji, yang diutarakan oleh kerajaan dari sejak tahun 1955 hingga sekarang, saya kira semua kita dapat menikmati, tidak siapa boleh menafikan, semua kita boleh dapat menikmati apa jua hasil dari perjuangan Kerajaan Barisan Nasional.

Dari itu, supaya mengelak daripada bala-bala Allah yang akan Tuhan turunkan kepada kita semua, tidak kira kepada orang PAS, UMNO, DAP atau mana-mana parti pembangkang sekalipun, kalau kita banyak sangat menidak, maka saya bimbang takut mala-petaka akan menimpa kita dan kita akan hancur, tenggelam semua sekali.

Maka, saya menyerulah wahai saudara-saudara saya daripada parti-parti pembangkang supaya kita kembalikan ketenangan hati kita sebagai hamba Allah yang mana dari Allah kita datang, kepada Allah kita kembali. Janganlah buat perkara yang merugikan kita dan merugikan bangsa, agama dan negara kita. Kembalilah kita kepada bersatu-padu.

Saya pergi kepada tajuk Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Saya mengucap tahniah dan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah dapat mewujudkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Dengan wujudnya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini akan terdapat satu forum yang formal dan wajar untuk melindungi, menangani, mendengar dan menyelesaikan sebarang isu atau masalah semasa serta aduan-aduan yang berkaitan dengan hak asasi manusia Malaysia.

Saya hanya ingin menyentuh dua, tiga perkara sahaja di dalam rang undang-undang ini. Yang pertama, saya ingin menyentuh mengenai Fasal 4(1)(a)

iaitu mengenai salah satu daripada fungsi dan kuasa Suruhanjaya itu - untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan berhubung dengan hak asasi manusia. Saya kira ini adalah merupakan satu fungsi yang amat penting yang perlu disusun dengan efektif.

Sehubungan dengan itu juga undang-undang yang wujud ini perlu dihebahkan kepada semua rakyat . Saya bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi bin Haji Ramli sebentar tadi bahawasanya bengkel-bengkel, seminar dan juga penerangan-penerangan dari masa ke semasa perlu diberi supaya rakyat mendapat tahu dan faham apakah tujuan rang undang-undang ini diwujudkan dan apakah hubung-kait dengan mereka dan apakah faedah kepada mereka dan bagaimana mereka hendak memanfaatkan rang undang-undang ini supaya pihak-pihak yang berkepentingan tidak mengambil sebarang kesempatan daripada sebarang hak asasi manusia ini. Saya percaya dengan adanya kefahaman rakyat mengenai rang undang-undang ini, maka akan lebih mudah kita mencapai matlamat kewujudannya.

Yang kedua, mengenai kriteria yang perlu diambil kira dalam segi pemilihan ahli. Mereka hendaklah diambil kira dari segi bertanggungjawab dan mempunyai rekod-rekod yang baik, beramanah, bermoral serta memahami tentang undang-undang hak asasi manusia baik dari segi ilmiah, sosial, kebajikan serta tidak mengeketepikan kehendak-kehendak agama. Dari itu, mereka yang berlatarbelakangkan agama perlu diambil kira dalam pelantikan ini.

Ketiga, Fasal 5(1)(4) mengenai tempoh perkhidmatan Suruhanjaya ini. Mengikut Fasal tersebut, tempoh jawatan adalah selama dua tahun dan layak dilantik semula. Saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan hendaklah menilaikan prestasi ahli-ahli dalam pelantikan semula itu. Bagi ahli-ahli yang memberi sumbangan yang positif dan membina, harus dikekalkan untuk tempoh yang semaksimum demi untuk kepentingan dan menjaga kualiti dan juga kewibawaan Suruhanjaya itu.

Maka, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Abas.

**12.55 tgh.**

**Puan Hajah Ramlah binti Abas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Sebelum itu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Senator yang baru dilantik, sama ada minggu lepas, seperti Yang Berhormat Dr. Charlie Chau-Lap Chang, Yang Berhormat Puan Norsimah binti Hashim, Yang Berhormat Puan Hajah Che Jam binti Haron dan Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin serta tiga orang lagi pada pagi ini iaitu Yang Berhormat Dato Haji Mazlan bin Abu, Yang Berhormat Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim dan Yang Berhormat Puan Chua Chui Ket Melanie.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, adalah dicadangkan sekurang-kurangnya 25 peratus keanggotaannya terdiri daripada golongan wanita yang mewakili penduduk bandar dan luar bandar.

Yang kedua, hak asasi manusia yang diiktiraf, diamal dan dihayati oleh masyarakat Timur khususnya, masyarakat majmuk di Malaysia kerana 'manusia' yang dimaksudkan masyarakat negara ini bukan manusia yang hidup di Amerika ataupun di Eropah yang mempunyai daya hidup dan matlamat yang berlainan. Contohnya, hak asasi ini yang bersesuaian dengan masyarakat di sini dengan nilai-nilai murni Islam sejagat dan budaya-budaya lain yang serupa yang mempunyai nilai-nilai sejagat.

Yang ketiga, kebanyakan wanita memerlukan kepada perlindungan. Adalah diharapkan agar Suruhanjaya ini menjalankan tugasnya selepas ia ditubuhkan supaya mengkaji hak asasi wanita di negara ini dengan tujuan membela mana yang teraniaya dan menaikkan taraf yang masih tertindas sesuai dengan peradaban manusia kini di zaman sains dan teknologi dan menghapuskan perhambaan manusia terhadap manusia.

Yang keempat, wanita yang dimaksudkan di sini merangkumi wanita-wanita Islam yang tertakluk di bawah pelbagai sistem adat resam tempatan yang diwarisi turun-temurun.

Yang kelima, kumpulan-kumpulan wanita bukan Islam di seluruh negara yang juga tertakluk kepada budaya yang berlainan supaya Suruhanjaya ini dapat menetap dan menentukan taraf hak asasi manusia di peringkat Persekutuan bagi sekalian wanita di Malaysia.

Yang keenam, tertakluk juga kepada wanita-wanita yang bukan warganegara Malaysia yang berada di permukaan bumi Malaysia demi untuk menjaga imej negara dan tamadun manusia yang kita dokong sehingga kini. Misalnya kepada wanita-wanita warga asing Islam yang bekerja di rumah bukan Islam di mana ada ketika diminta wanita ini memandikan anjing dan sebagainya. Jadi, ini perlulah diberikan hak asasi yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999. Sekian. terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor.

**12.59 tgh.**

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 1999.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia adalah merupakan suatu langkah yang baik. Apa yang diharapkan ialah kesungguhan ini perlu diiringi dengan pelaksanaan yang seimbang dan wajar tanpa mengandungi apa-apa sentimen yang boleh menggagalkannya. Oleh itu, saya mencadangkan langkah awal yang perlu ialah dengan mengkaji semula akta-akta yang sedia ada yang didapati telah menyekat hak asasi manusia.

Di sini saya ingin memberi penekanan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri di mana adalah wajar untuk mengkaji semula tentang pelaksanaan akta ini. Menahan seseorang tanpa dibicarakan adalah sesuatu yang melanggar hak asasi manusia. Kita tidak mahu melahirkan rakyat yang pasif tetapi kita mahu rakyat Malaysia yang berfikiran tajam, kreatif dan kritikal bersesuaian dengan keadaan rakyat sekarang yang semakin bijak dan matang.

Adalah mendukacitakan sekiranya seseorang yang belum pasti bersalah ditahan sedangkan dia mempunyai hak ke atas dirinya dan keluarganya. Seseorang yang ditahan tanpa dibicarakan akan menyebabkan maruah mangsa akan terjejas kerana maruah merupakan harga diri seseorang agar dilihat berkeperibadian mulia. Ia wajib dilindungi dan dipelihara oleh orang lain. Maka, dalam konteks ini Islam mempunyai undang-undang dan syariat bagi menentukan maruah seseorang itu dipelihara dan terjamin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menyambung selepas makan tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini dtempohkan sehingga 2.30 petang ini.

*Dewan dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah. Sambung ya.

**2.30 ptg.**

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya terus menyambung ucapan saya iaitu mencabuli hak-hak seseorang sama ada harga diri atau maruah sehingga dilihat oleh orang lain rendah akhlaknya. Juga dikira sebagai satu jenayah di dalam Islam. Dalam syariat Islam, satu daripada hak asasi yang dilindungi ialah kehormatan diri kerana ia berkait-rapat dengan zuriat ataupun keturunan. Oleh itu, saya di sini ingin mencadangkan perlaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri dikaji semula bersesuaian dengan penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membincangkan hak asasi manusia bukannya bermaksud manusia bebas melakukan apa sahaja di bumi Allah ini. Manusia juga memerlukan peraturan dan undang-undang khususnya. Islam telah menyatakan dengan jelas tentang yang halal dan yang haram, yang boleh dilakukan dan yang tidak boleh dilakukan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Oleh itu, saya mencadangkan adalah perlu pendidikan hak asasi manusia diberikan kepada rakyat agar mereka mengetahui hak mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Saya hendak pendekkan ucapan saya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, laluan sedikit sahaja. Tadi, Yang Berhormat ada mengatakan bahawasanya salah satu daripada hak asasi ialah maruah. Maruah hendak jaga, jangan menjatuhkan air muka orang dan sebagainya. Jadi, macam mana pula, apakah tidak melanggar hak



asasikah sekiranya Shahnnon Ahmad mengeluarkan buku yang mencarut, menghentam Perdana Menteri kita itu? Saya hendak tanya dari segi itu.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Yang Berhormat, maknanya memang kita bagilah hak asasi dia itu hendak mengeluarkan apa-apa, itu hak asasi, bebas. Ya?

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Yang maki itu.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Bukan masalah maki.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Hak asasi? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dari segi syaraknya?

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Kalau sekiranya, contohnya Allah s.w.t, ada satu ayat Al-Quran itu, katanya *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*, Tuhan kata, Aku sediakan neraka jahaham itu bagi manusia dan jin. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*, mereka itu ada hati tetapi ia tidak memahami, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*, bagi mereka ada mata, tidak mahu tengok, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* mereka itu ada telinga, tetapi tidak mahu mendengar. Ertinya, kita tengok benda-benda kejadian Allah ini, kita tidak memikir, tidak memahami dan selepas itu, Tuhan kata *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*, maknanya, Tuhan kata, orang macam ini, ada hati pun tidak mahu memikir, ada mata tidak mahu tengok, ada telinga tidak mahu mendengar, maknanya, mereka ini ...*[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* sepertilah binatang.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** *[Bangun]*

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bahkan, maknanya kita ini lemah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu, Yang Berhormat. Yang itu, biar dulu. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Panjang sangat.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Yalah, maknanya, Tuhan boleh sebut. Tuhan bagi juga kepada kita...*[Disampuk]*

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tetapi tidak mencarut.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** ...untuk menggerunkan kita supaya kembali kepada Allah.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tidak mencarut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengikut undang-undang, ada hukum syaraknya, ya tak?

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Ya.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan perkara yang biasa, ajaran biasa Islam tetapi itu bukan mencarut. Masalah memaki hamun, mencarut sehingga menyebut perkataan 'PM'. PM bukannya Penyelia Masyarakat, bukan Perdana Menteri. 'PM' itu..., tidak boleh sebut.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Ya. Makna...

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Saya tidak boleh sebut, tetapi orang ini boleh sebut. Apakah Yang Berhormat mewakili parti agama boleh mengizinkan penggunaan 'PM' berpanjangan dalam buku *SHIT*nya. Tahukah perkataan 'PM' itu?

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Maknanya...

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Ha, tak nak sebut.

**Seorang Ahli:** Tak baca buku kot!

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Tak baca. Ini mencarut, Tuhan tidak mencarut. Mendengar dengan telinga itu nasihat biasa tetapi tidak ada perkataan mencarut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mengapalah.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Masalahnya dari segi apa yang Dato' Aziz katakan tadi, apakah boleh bebas, macam penilaian Yang Berhormat sehingga mencarut, memaki hamun kerana kebebasan yang menguntungkan parti

Yang Berhormat tetapi kepada kita tidak boleh. Teori ‘wahalal’ ke ‘waharam’ ini, hendak guna lagi ke? Itu persoalannya kepada kita, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Yang sebenarnya, masalahnya bukan benda itu kepada sesiapa. ‘PM’ itu kita tidak tahu kepada siapa. Cuma dia sebut sahaja.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** ‘PM’ itu. Baca buku tak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah tu. Tidak mengapalah.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Baca.

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Kalau sebut ini, nanti perempuan marah. Tidak payah sebutlah, semua orang tahu. Tak boleh sebut? Mencarut!

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Itu terpulanglah mereka yang hendak memahami benda itu. Saya hendak teruskan ucapan saya.

**Puan Jaya Partiban:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada orang minta laluan lagi, di belakang. Yang Berhormat, ada orang minta laluan.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Tidak payahlah. Saya ada sedikit sahaja lagi ni.

**Puan Jaya Partiban:** Saya hendak minta sedikit penjelasan. Walaupun saya ini bukan seorang Islam tetapi buku itu membuatkan saya rasa macam hendak..., minta maaf ye, muntah. Bahasanya begitu kasar sekali, begitu lucah sekali, apakah hak kebebasan ini yang kita mahukan? Lagipun, adakah agama Islam membenarkan seseorang itu memaki sesiapa walaupun dia benci setakat mana, gunakan bahasa kasar seperti itu? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Teruskanlah.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Gelak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskanlah, teruskanlah.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor:** Yang boleh dilakukan dan tidak boleh dilakukan. Oleh itu saya mencadangkan adalah perlu pendidikan hak

asasi manusia diberikan kepada rakyat agar mereka mengetahui hak mereka dan agar hak mereka tidak mudah dicabuli orang lain. Pendidikan ini meliputi pendidikan hak wanita dan lelaki dan juga perkhidmatan hak asasi menurut kehendak Islam.

Di sini saya juga menyentuh mengenai hak untuk berkumpul, berbincang dan sebagainya yang telah terhakis dan tidak bebas lagi di negara ini. Apabila rakyat berkumpul dan berbincang lebih daripada lima orang, permit diperlukan. Oleh itu saya menyeru agar hak untuk berkumpul dan berbincang serta bertukar-tukar fikiran ini diberi ruang yang luas atau kerajaan sendiri menyediakan tempat-tempat yang khusus agar rakyat dapat bebas memberikan pandangan mereka tanpa ada sekatan. Berkumpul dan berbincang secara aman tidak wajar disekat kerana ia akan membantut perkembangan minda rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi paling lewat mungkin Jun 2000. Kita amat mengharapkan pilihan raya kali ini dapat berjalan dengan baik dan bersih. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hendaklah mencerminkan sebagai suruhanjaya yang benar-benar bebas. Kebebasan untuk rakyat mengundi di tempat masing-masing adalah perlu diberikan supaya hak mengundi rakyat dapat dilaksanakan dengan baik. Rakyat yang bekerja perlu diberi cuti pada hari tersebut agar mereka dapat mengundi di kawasan masing-masing dan bukannya melalui undi pos atau mengundi di tempat kerja.

Kita mengharapkan hak asasi rakyat dalam pilihan raya terpelihara dan terjamin supaya pilihan raya pada masa akan datang akan menjadi pilihan raya yang bersih dan bukannya seperti anggapan sesetengah orang bahawa pilihan raya kali ini akan menjadi pilihan raya yang terkotor, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dengan hak-hak dan tanggungjawab, kerana itu Allah memerintahkan Rasulullah s.a.w. supaya melaksanakan undang-undang dengan adil. Firman Allah s.w.t. ....

**Datuk Haji Hashim bin Safin:** Hak Asasi Manusia, hak asasi. *[Ketawa]*  
Yang Berhormat boleh bercakap saya pun hendak bertanya. Yang Berhormat mempunyai hak asasi untuk bercakap, saya, hak asasi untuk bertanya di atas tuduhan. Bila dikatakan pilihan raya terkotor, bolehkah Yang Berhormat buktikan bahawa pilihan raya di Malaysia ini terkotor dan saya juga diminta beri hak untuk membuktikan bagaimana rakusnya, fanatiknya, ganasnya penyokong-penyokong PAS bila berlaku pilihan raya. Saya minta Yang Berhormat buktikan dahulu jenis-jenis kekotoran sama ada maki hamun, mencarut ada, okay, buktikan, kita hendak tahu yang mengatakan pilihan raya di Malaysia ini terkotor. Terima kasih.

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Saya tidak jawablah, saya hendak terus hak saya. Maksud ayat yang saya baca tadi, “dan jika kamu memutuskan perkara mereka, maka putuskanlah perkara itu di antara mereka dengan adil. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang adil, sesungguhnya Allah telah menurunkan syariat yang satu untuk dilaksanakan kepada semua manusia”. Oleh itu, tidak ada perbezaan hak di antara seseorang dengan yang lain sama ada pemerintah atau rakyat yang kuat atau yang lemah, kaya atau miskin. Apabila undang-undang sudah tidak diperuntukkan kepada semua manusia dan tidak dilaksanakan kepada semua orang, maka tidak akan ada kebaikan di dalam sesebuah masyarakat itu. Oleh itu pelaksanaan dan penciptaan undang-undang perlu mengambil kira hak asasi manusia keseluruhannya.

Sekian, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah tutup ya.

**2.45 ptg.**

**Dato' Chet Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana berikan saya peluang untuk menyertai perbahasan rang undang-undang demi menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Malaysia.

Penggubalan undang-undang ini merupakan langkah yang kukuh dalam era menuju ke arah millennium yang akan datang. Walau bagaimanapun, keupayaan

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang dapat menyumbang secara positif ke arah pencapaian matlamat-matlamat yang kukuh dan berterusan adalah lebih penting. Matlamat-matlamat yang dimaksudkan di sini ialah untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu dan pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berusaha demi mencapai matlamat-matlamat tersebut dan kerajaan pula mesti dapatkan sokongan rakyat. Rakyat Malaysia sememangnya adalah berdisiplin di samping menghargai, keamanan, kestabilan dan kesejahteraan hidup. Rakyat Malaysia biasanya berasa malu untuk tampil ke hadapan dan melibatkan diri dalam isu-isu yang dibincangkan lalu meninggalkan isu-isu tersebut kepada para pemimpin.

Walau bagaimanapun, penglibatan orang awam dalam konsep penyertaan beramai-ramai adalah penting selaras dengan kemajuan kita demi kepentingan kita membentuk mekanisme untuk bertukar pendapat, mengadakan perundingan dan aktiviti-aktiviti kerajaan, orang awam yang disokong oleh kerajaan. Penglibatan orang awam dan kerajaan itu nescaya akan membentuk suasana saling hormat-menghormati dan mempercayai satu sama lain. Penglibatan mereka juga akan membantu dalam bentuk perkongsian rakyat dan kerajaan yang sesuai dan praktis dan seterusnya membenarkan interaksi bebas demi kebaikan negara dan orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebuah negara seperti negara kita yang mempunyai pelbagai etnik dan agama memerlukan suasana yang membenarkan interaksi bebas, saling hormat-menghormati dan mempercayai satu sama lain. Justeru itu, kita harus menggalak dan memupuk perasaaan muhibah dan menghormati orang lain dan bukannya perasaan benci dan keji. Kita memerlukan sebuah negara yang bersatu dan bukannya sebuah negara yang berpecah belah berdasarkan perbezaan etnik dan kepercayaan agama yang berlainan. Seandainya negara kita tidak bersatu dan kuat, nescaya akan timbul keadaan huru-hara dan

pemusnahan seperti Bosnia, Kosovo dan Rwanda. Oleh itu, sekiranya setiap rakyat Malaysia, tidak kira sama ada pemimpin-pemimpin kerajaan, kakitangan awam atau orang awam, bekerja dengan saling hormat-menghormati satu sama lain nescaya masa depan negara kita akan cerah dan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia merupakan satu cara untuk memperkukuhkan lagi kedudukan keamanan dan keadilan negara kita di samping meningkatkan lagi perlindungan dan menggalakkan hak asasi manusia.

Suruhanjaya juga boleh menyiasat atas kehendak sendiri atau atas aduan. Ini nescaya dapat memperkukuhkan lagi proses dalam memastikan kepercayaan yang lebih dalam pelaksanaan suruhanjaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita masih mentah dari segi kemerdekaan. Justeru itu beberapa prinsip dan isu asas demokrasi dan kebebasan masih dalam proses perkembangan. Kerajaan dan para pemimpin kita memainkan peranan yang amat penting dalam membantu memperkembangkan proses tersebut. Kerajaan mesti terus cuba mendapatkan keyakinan rakyat dan juga rasa hormat mereka. Satu cara yang terbaik untuk memperolehinya ialah dengan mengambil kawalan yang rapi, dengan izin, '*good governance*' kepada seluruh mekanisma kerajaan. Penglibatan yang sama daripada pihak kerajaan dan juga perkhidmatan awam mesti diwujudkan lebih-lebih lagi dengan penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tidak lama lagi agar prinsip-prinsip kawalan kerajaan, dengan izin, *good governance* yang utama dapat diamalkan iaitu kebertanggungjawaban, sifat ketara, kebolehan meramal, penyertaan dan peraturan undang-undang

Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini merupakan masa yang sesuai untuk memperkenalkan konsep ombudsmen. Kerajaan patut menelitinya dan memerhati cara menyepadukan ombudsmen dalam lingkungan rangka Suruhanjaya Hak Asasi

Manusia dan Tribunal Tuntutan Pengguna di bawah Undang-Undang Perlindungan Pengguna Tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, menurut enakmen ini tafsiran hak asasi manusia adalah merujuk kepada kebebasan asasi sebagai mana yang termaktub di Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan. Ini berperanan sebagai asas bagi kebanyakan pihak demi melindungi dan mengadakan hak asasi manusia setiap rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun bagi sesetengah pihak pula tafsiran ini tidaklah memadai dan harus diperluaskan lagi. Memang sukar sekali untuk memuaskan semua pihak tetapi biarlah kita memberikan Suruhanjaya tersebut atau peluang memandangkan wujudnya satu langkah positif untuk menubuhkannya. Kita haruslah bersabar dan seterusnya memperkenankan tafsiran hak asasi manusia berkembang menurut konsep kemalaysiaan.

Tuan Yang di-Pertua, tafsiran kita patut berasaskan nilai, budaya dan kepercayaan kita. Setiap masyarakat hidup secara berlainan. Justeru itu memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap masyarakat akan mempunyai anggapan hak asasi manusia yang berbeza sedikit. Oleh itu adalah wajar kita bermula sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan kita dan seterusnya bergerak dari situ.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perkembangan dan kemajuan masyarakat kita Suruhanjaya tersebut juga akan memainkan peranan yang penting. Oleh yang demikian adalah penting agar pengerusi dan para ahli Suruhanjaya tersebut memainkan peranan mereka tanpa rasa takut atau menyebelahi mana-mana pihak. Mereka haruslah berdikari dan bersikap adil pada setiap masa di samping melaksanakan tugas mereka berdasarkan kepentingan masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia sememangnya satu langkah yang wajar dan baik serta nescaya akan menyumbang ke arah proses perkembangan demokrasi dan juga terhadap kesedaran hak asasi



kita. Penubuhan Suruhanjaya tersebut juga dapat menghapuskan rasa bimbang penyalahgunaan hak manusia. Tambahan lagi kematangan masyarakat kita dan penerimaan masyarakat kita tentang tanggungjawab akan membawa kepada pemansuhan undang-undang yang dianggap sebagai menindas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *when we talk of human rights, we think about freedom. What we forget is that freedom is not just freedom in the political sense. But freedom from ignorance, freedom from poverty, freedom from bigotry, and narrow nice.*

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya akan mengakhiri ucapan saya dengan menyokong enakmen ini iaitu untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dengan harapan agar suruhanjaya yang ditubuhkan itu dapat memenuhi aspirasi kita dalam melindungi dan menggalak hak asasi manusia. Terima kasih.

**2.54 ptg.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Perbahasan saya ringkas dan saya bangun kerana hendak menyokong rang undang-undang ini. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, selepas sahaja rang undang-undang ini diluluskan suruhanjaya ini akan dapat ditubuhkan dalam masa yang singkat kerana penubuhan suruhanjaya ini sudah kita tunggu-tunggukan kerana pada pendapat saya masanya adalah tepat untuk kita mengadakan Suruhanjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum negara kita selalu sahaja dikritik oleh NGO-NGO dari luar negeri apabila timbulnya perkara-perkara yang ada bersangkutan paut dengan hak asasi manusia. Saya berharap dengan adanya Suruhanjaya ini ianya akan dapat menjadi satu saluran bukan sahaja untuk rakyat kita di Malaysia mengadu ataupun menuntut hak asasi mereka tetapi ianya

juga akan menjadi satu saluran yang akan dapat menangani kritikan-kritikan daripada luar negara mengenai hak asasi manusia di negara kita.

Seperti mana yang kita maklum selalunya perkara-perkara yang ada hubung kait dengan hak asasi dalam negara kita diperbesar-besarkan oleh pihak luar negara. Ini timbul kerana ada unsur-unsur dalam negara yang berhubung dengan mereka untuk mendapat sokongan dan bantuan. Apatah lagi dalam masa teknologi moden ini di mana apa-apa hubungan mengenai perkara ini dapat diedarkan dan disebarkan dengan cepat dan meluas melalui internet dan seterusnya. Seperti apa yang telah berlaku pada suatu ketika di negeri Sarawak pihak yang tertentu dalam negeri telah memperbesar-besarkan satu isu di mana dikatakan kepentingan sebilangan kaum yang kecil tidak dipedulikan sehingga pihak luar telah menggunakan isu ini hampir memulaukan perdagangan seperti kayu di negara Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya kerajaan negeri telah memberikan banyak bantuan kepada kaum yang kecil ini bukan sahaja untuk memberi mereka pendidikan dan banyak lagi bantuan yang lain telah diberi supaya mereka juga akan dapat ikut serta dalam arus pembangunan dalam negeri. Tetapi dukacita mungkin tidak ada saluran untuk pihak tertentu menyuarakan kepentingan mereka maka pihak yang berkepentingan telah mengambil kesempatan untuk menggunakan isu ini diperbesar-besarkan sambil mendapat bantuan daripada luar. Saya percaya dan telah juga difahamkan bahawa pihak yang menganjur bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan bantuan daripada luar dari segi moral tetapi juga digunakan untuk mendapat wang. Perkara seperti ini mungkin tidak akan timbul sekiranya telah ada Suruhanjaya berhubung dengan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana kandungan rang undang-undang ini adalah padat. Bagi saya setakat ini ianya mencukupi dan antara lain seperti mana yang terkandung, Suruhanjaya ini kelak akan dapat memberi pandangan, maklumat kepada rakyat mengenai hak asasi

manusia dan seterusnya membuat kajian serta penyiasatan ke atas sesuatu perkara yang difikirkan ada berkait dengan hak asasi manusia.

Dengan adanya Suruhanjaya seperti ini mungkin ataupun saya percaya perkara-perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia dapat ditangani dengan baik supaya ianya tidak akan menimbulkan perkara yang tidak menyenangkan dalam negara ini yang rakyatnya berbilang kaum akan menjadi tidak senang di antara satu sama lain kerana kemungkinan sesetengahnya akan terasa hak asasinya terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya berharap Suruhanjaya ini akan bertindak bukan secara bebas kerana saya takut kalau terlalu bebas ianya akan melebihi batas. Tetapi saya berharap Suruhanjaya ini akan bertindak berkecuali di mana ianya tidak akan bertindak sewenang-wenangnya tetapi mengambil kira daripada semua sudut untuk menentukan keamanan dan keharmonian akan wujud di negara kita. Begitu juga dalam usahanya untuk menangani kritikan dari luar negara terhadap negara kita di mana perkara-perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia disentuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memperuntukkan bilangan ahli seramai 20 orang. Dengan ramainya ahli seperti ini saya berharap ramai ahli daripada berbilang kaum dan juga pelbagai bidang dalam negara kita akan dapat dipilih untuk menganggotai Suruhanjaya ini. Dalam pemilihan anggota ini, saya berharap kerajaan akan memilih mereka yang benar-benar prihatin ke atas hak asasi manusia supaya tidak mudah dipengaruhi dengan emosi dan tidak mudah terpengaruh oleh tekanan-tekanan dari luar supaya mereka akan dapat terkecuali dan memberi pandangan yang wajar, adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya juga ingin mencadangkan supaya ketua-ketua NGO yang berpengaruh dalam negara kita dijemput untuk menjadi ahli supaya mereka akan dapat menyumbang kepada

Suruhanjaya ini dalam menjalankan tugas mereka. Dengan ini saya percaya rakyat akan lebih mempunyai kepercayaan yang penuh ke atas penubuhan Suruhanjaya itu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sudahi ucapan perbahasan dengan menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Datuk Nor Azah.

**3.05 ptg.**

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan sulung saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada kerajaan yang telah melantik saya untuk menjadi ahli Dewan yang mulia ini. Insya-Allah, saya akan mencuba dengan sedaya-upaya saya untuk melaksanakan kepercayaan ini dengan penuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Penubuhan Suruhanjaya ini memanglah kena dan tepat pada masanya memandangkan negara kita telah pun menandatangani beberapa konvensyen antarabangsa mengenai hak-hak manusia termasuk dengan izin, Convention on the Elimination of all forms of Discrimination Against Women (CEDAW) pada tahun 1995 dan dengan izin, Convention on the Rights of the Child (CRC) pada tahun 1994. Tindakan kita mengiktirafkan kedua-dua konvensyen yang telah saya sebutkan tadi dan dengan meluluskan rang undang-undang penubuhan Suruhanjaya ini adalah membuktikan bahawa negara ini beriltizam atau menyatakan komitmen dan mengambil berat tentang soal hak asasi manusia bagi negara kita yang bercorak demokrasi lebih-lebih lagi bagi negara yang berbilang kaum, aman, maju dan berpandangan ke hadapan.

Saya berpendapat bahawa penubuhan Suruhanjaya ini boleh melonjakkan lagi imej negara di kalangan komuniti antarabangsa oleh sebab ianya serentak dan seirama dengan nada perjuangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Berkaitan dengan Suruhanjaya ini, saya ingin mencadangkan bahawa dalam melantik anggota Suruhanjaya ini kerajaan hendaklah berusaha memenuhi 30% daripada anggotanya dengan tokoh-tokoh dan cerdik pandai wanita. Ini adalah sekadar yang minimum, kalau boleh 50%, memandangkan wanita adalah separuh peratusan penduduk negara kurang lebih 1%, 2% sahaja ataupun timbalan pengerusinya hendaklah seorang wanita.

Dalam usaha kita mempertingkatkan taraf wanita dan memberi kepada mereka hak-hak yang sama dalam semua bidang kita berpegang kepada prinsip iaitu dengan izin, *women rights are human rights* seperti yang sewajarnya dan saya rasa kaum wanitalah nanti yang akan mengemukakan kes-kes pelanggaran human rights sekiranya masih terdapat diskriminasi-diskriminasi dan keganasan terhadap wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang keganasan terhadap wanita. Kelulusan akta bagi mencegah dengan izin, *Domestic Violence Acts 1994* adalah satu-satunya petanda (milestone) dalam sejarah perundangan kita. Kita merasa bangga bahawa tindakan positif kita ini sedang dicontohi oleh beberapa negara lain seperti Turki, Kanada dan Brunei. Malahan beberapa negara pula berminat melihat kesan-kesan pelaksanaan akta ini.

Saya mengucapkan syabas kepada institusi dan agensi-agensi kerajaan yang kini sedang mempertingkatkan usaha untuk menguatkuasakan undang-undang ini. Kita berharap dapat mendengar laporan yang menyenangkan iaitu semakin berkurangnya keganasan terhadap wanita di rumah di mana sepatutnya mereka mendapat perlindungan. Dalam hal ini, kita perlulah mewujudkan satu mekanisme yang boleh memberi kuasa kepada agensi bukan kerajaan (NGO) dan orang awam untuk bekerjasama dengan kerajaan terutama dalam mengambil tindakan awal dan

segera, membantu dan menolong mangsa-mangsa keganasan seperti memberi perlindungan sementara sebelum dan sambil kuasa undang-undang dikenakan.

Berkaitan dengan izin, violence against women, saya merayu kepada pihak kerajaan dan pihak yang berprihatin untuk menumpukan perhatian pula kepada masalah pelacuran dan dengan izin, 'trafficking in women and girls'. Dari semasa ke semasa kita mendengar kisah-kisah gadis terutama mereka dari luar bandar yang datang beradu nasib di kota-kota raya dipujuk dan ditipu oleh ibu dan bapa ayam sehinggalah mereka terperangkap dalam kancah jenayah tanpa disedari. Sebagai satu perjuangan, kita hendaklah membasmi dan mengharamkan perdagangan perkhidmatan sex dengan undang-undang dan pelaksanaannya yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekarang menyentuh pula isu undang-undang syariah dan wanita Islam. Memindungi hak-hak wanita Islam hendaklah menjadi tanggungjawab Mahkamah-mahkamah Syariah seluruh negara. Akan tetapi kadangkala kita dapati wanita-wanita Islam terpaksa bertentangan dengan anggota mahkamah itu untuk mendapat hak dan menuntut hak dan mendapatkan layanan yang adil. Soal nafkah, soal penceraian, soal menyara dan menjaga anak-anak, soal mendapatkan harta warisan, semuanya ini belum lagi dapat ditangani dengan efisien dan berkesan. Kelewatan penyelesaian beratus-ratus malah beribu-ribu kes menyebabkan ramai wanita khususnya ibu-ibu tunggal menderita dan mengalami kesusahan.

Saya merayu agar dapat disegerakan proses keseragaman urusan Mahkamah Syariah yang telah dipermulakan. Janganlah tunggu sehingga semua negeri bersetuju baru hendak mengemaskinikan perkara-perkara berkaitan. Laksanakanlah dahulu di negeri yang telah bersetuju diseragamkan. Saya juga merayu supaya disegerakan perlantikan pegawai-pegawai wanita yang bertauliah ke mahkamah-mahkamah ini. Kita juga hendaklah berusaha menyeragamkan atau

menyatukan undang-undang sivil dan syariah di mana mungkin. Dalam hal hendak menggerakkan proses mahkamah, saya ingin mengetengahkan cadangan NCWO dan persatuan-persatuan wanita supaya diwujudkan dengan izin, Mahkamah Keluarga (family courts) dan cadangan supaya dilantik wanita-wanita yang berkelayakan sebagai kadi di mahkamah tersebut.

Saya diberi faham bahawa tidak ada larangan bagi wanita menyandang jawatan-jawatan ini dari segi Islam. Mahkamah Syariah hendaklah lebih 'mesra wanita' atau dengan izin, 'women friendly'. Ramai wanita yang terpaksa menjejakkan kaki ke mahkamah adalah suri-suri rumah dan mereka yang agak terpinggir daripada masyarakat awam dan mereka bukanlah agresif atau yang tahu akan undang-undang dan hak-hak mereka dan berani tampil ke tengah. Wanita-wanita yang bergantung nafkah daripada suami bukanlah mereka yang mampu mengadakan peguam untuk mewakili mereka malah ada yang tidak mampu meninggalkan anak-anak kepada penjaga untuk hadir di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi inilah beberapa perkara yang saya ingin kemukakan. Saya harap dapat kerajaan memberi perhatian segera kerana isu-isu yang saya bangkitkan itu sudah pun lama diperkatakan. Kita mestilah berani membuat pertukaran dalam membuat persediaan menempuh alaf baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Kar no.

**3.13 ptg.**

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut membahar Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 dan saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kerana ianya diadakan pada masa yang tepat dan pada waktunya untuk dibawa ke Dewan Negara yang mulia ini untuk diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengalami pelbagai pengalaman, pelbagai akta di negara kita seperti Internal Security Act (ISA), Official Secrecy Act, Akta Hasutan, Akta Penerbitan dan pelbagai akta lagi yang dianggap mencabul piawaian antarabangsa hak asasi yang kita telah terimapakai. George Steward Mill mengatakan di dalam kita mencari kebahagiaan jangan sampai menjejaskan cara orang lain mencari kebahagiaan. Yang bermaksud, kebebasan ada batasnya dan Perlembagaan kita telah menentukan keterbatasan itu. There is no perfect model for democracy, dengan izin. Dalam satu seminar International Seminar of Democracy ianya telah dipersetujui. Begitu juga dengan juara-juara demokrasi yang banyak memperkatakan mengenai demokrasi seperti General Sue dari Perancis yang menulis tentang demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada perkara yang menjadi topik utama terutama daripada pihak pembangkang, malangnya wakil daripada PAS tidak ada di sini, yang meminta supaya Internal Security Act ini dihapuskan. Kita masih ingat bahawa tahun lepas slogan kita sempena Hari Kemerdekaan “Negara Kita Tanggungjawab Kita”. Pemangkin perkauman dan senario-senario termasuk 13 Mei yang pernah melanda negara kita dan senario di mana negeri Sabah ingin dikeluarkan dari Malaysia dan beberapa pemimpin yang ingin mencetuskan huru-hara di dalam negara kita yang tercinta ini dan hanya dengan ISA ianya telah dapat ditutup mulut-mulut dan pandangan mereka. Sehingga akhirnya keamanan tercipta kerana demokrasi kita adalah demokrasi ala Malaysia.

Saya teringat satu cerita yang telah diceritakan oleh sahabat kita di mana kisah Lukmanul Hakim. Apabila bapa dan anaknya menarik ataupun membawa seekor keldai, bapanya naik keldai lalu di sebuah kampung, orang kampung itu mengatakan, “Apalah orang tua ini tidak bertimbang rasa dengan anak. Dia naik keldai itu, anaknya jalan kaki”. Lalu ayahnya mengatakan, ‘Nak dengar apa cerita orang itu?’ Di a kata, ‘Ya’. Turunlah si ayah, anak ganti menunggang keldai itu. Sampai di satu daerah, sampai di satu tempat, kes yang sama berlaku, punyalah



kejam anak ini, ayahnya tidak diberi peluang, anak pula yang menunggang keldai itu. Mendengar cerita itu kedua-dua mereka menaiki keldai itu dan lalu di satu kampung, orang itu lagi mengatakan bahawa, “Punyalah kejam manusia ini sudahlah keldai ini kecil, diseksanya pula keldai, dua-dua orang naik di atas keldai itu”. Lalu mereka mengambil keputusan dengan memikul keldai itu. *[Ketawa]* Sampai di satu tempat, orang itu mengatakan bodoh punya manusia, ada kemudahan diberi, keldai dipikul. Inilah antara cerita mengenai dengan demokrasi ini.

Saya teringat bila rakan-rakan memperkatakan tentang demokrasi. Pada pandangan saya secara peribadi demokrasi Malaysia adalah demokrasi yang terbaik. Dan tidak dapat dinafikan bahawa antara sebab kenapa demokrasi ini dapat kita pelihara kerana adanya Internal Security Act. Kita tahu bahawa demokrasi Malaysia adalah lain dari yang lain. Seperti juga permainan-permainan yang telah dicipta oleh manusia seperti kita ini. Kalau kita kira bulu tangkis, semua pemain-pemainnya boleh memegang bulu tangkis tetapi kalau permainan bola sepak yang boleh memegangnya hanya ‘goal keeper’. Kalaulah kaptennya yang memegang bola, maka alamatnya paneliti akan diberikan kepadanya. Begitu juga dengan sepak takraw dan begitu juga bola tampar di mana kesemua pemain mempunyai peluang untuk memegang bola ini.

Pada pandangan saya demokrasi kita ialah demokrasi terpimpin, demokrasi berparlimen dan memang sesuai untuk negara kita yang mempunyai pelbagai etnik, suku kaum, agama dan anutan politik ini. Seandainya ISA ini dihapuskan seperti cadangan daripada parti pembangkang tadi, saya ragu-ragu negara kita akan huru-hara dan akan bergaduh sesama sendiri seperti apa yang berlaku di negara-negara yang tidak ada ISA ini. Jangan pergi jauh, kalau kita ke negara jiran kita sendiri pun hari ini pilihan raya yang mereka adakan begitu panjang sehingga menimbulkan pelbagai kontroversi. Barangkali kalaulah ada ISA di

negara kita, insya-Allah, saya ingat mereka juga akan menikmati keamanan seperti yang diperkenalkan oleh pemimpin-pemimpin negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penerbitan juga yang dianggap sebagai mencabuli hak asasi kalau kita lihat. Meskipun ada suara-suara yang meminta supaya surat-surat khabar yang 'hanya untuk ahli' sahaja tersebar luas, dijual kepada ahli-ahlinya sahaja tetapi dijual di khalayak ramai tanpa mengira keahlian mereka. Ini adalah merupakan satu kelonggaran yang saya rasa kerajaan perlu lihat dan kalau boleh .....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, saya-minta laluan. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat mengenai akhbar *Harakah*. Kita bincangkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Saya rasa – saya bercadang hendak bercakap tetapi oleh kerana perbincangan akta ini begitu panjang saya mengambil peluang untuk meminta laluan semasa Yang Berhormat bercakap. Orang mungkin melihat bahawa kerajaan agak kejam ataupun pihak-pihak yang menyokong kerajaan menyuarakan supaya akhbar *Harakah* ini tidak dijual berleluasa. Itu mungkin satu pandangan dalam satu sudut tetapi bagi saya dan Yang Berhormat boleh jelaskan, tidakkah akhbar *Harakah* ini cuma dibenarkan, lesen yang diberi untuk edaran kepada ahli-ahli sahaja. Itu yang dibenarkan, yang diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri kepada akhbar *Harakah*. Sedangkan akhbar-akhbar yang lain, akhbar utama *Utusan Malaysia*, akhbar *Berita Harian* diberi peluang menjadi akhbar nasional negara dengan dibolehkan mengikut peraturan dan undang-undang. Mereka boleh menyebar luas akhbar ini, akhbar ini boleh dibeli oleh sesiapa sahaja.

Jadi, jika akhbar ini cuma diberikan kebenaran untuk diedarkan kepada ahli-ahlinya sahaja, kenapa akhbar ini boleh diedarkan dengan begitu luas sedangkan mengikut peraturan, kelulusan yang dibenarkan kepada ahlinya sahaja, tidakkah ia mencabuli undang-undang yang telah ditetapkan oleh negara kerana

limitation, dengan izin, yang diberi kepada akhbar ini telah dicabul secara berleluasa?

Jadi, kalau dalam konteks itu kita melihat sebenarnya kerajaan telah pun bersikap begitu gentleman ataupun bersikap begitu liberal dalam soal ini membiarkan pengedaran akhbar *Harakah* ini berleluasa di seluruh negara. Saya fikir itu yang menjadi rasa tidak puas hati di kalangan penyokong-penyokong kerajaan, kenapa kerajaan tidak bertindak. Tetapi dalam masa yang sama kita tahu jika kerajaan bertindak kepada akhbar ini, mereka akan menggunakan tindakan kerajaan ini menghasut rakyat yang tidak tahu dan rakyat yang tidak mengetahui dari segi perundangannya mengatakan kerajaan kejam. Pada hal kerajaan sudah bersikap cukup liberal pada pandangan saya. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin. Inilah yang saya cerita tadi macam kisah Lukmanul Hakim. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini terutama Menteri kita yang ada di sini, sebenarnya kalau cerita fasal menghentam kerajaan, membuat fitnah, membuat cerita yang bukan-bukan, di negeri Sabah pun tidak terkecuali. Di sana ada dua surat khabar yang kadang-kadang ceritanya indah khabar dari rupa. Kadang-kadang teruknya lebih kurang teruk dengan *Harakah* ini, iaitu akhbar *Waktu* dan akhbar *Berita Sabah*.

Jadi, menjawab kepada soalan Yang Berhormat tadi ialah sudah terang lagi bersuluh, sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula. Yang Berhormat tahu jawapannya. Tetapi saya percaya masalah kita di sini sebenarnya saya lihat penguatkuasaannya. Dari segi undang-undang kita lihat penguatkuasaan kita agak longgar. Kalau kita ke Singapura hendak buang sampah fikir dua kali – RM5,000, sampah terpaksa disimpan dalam poket.

Saya teringat seorang pemanjat Bangunan Yayasan Sabah dari Perancis suatu ketika dahulu. Bila beliau memanjat bangunan itu beliau adalah seorang perokok, beliau lipat rokok itu kemudian simpan dalam poket. Jadi, orang menengok ini suatu ketertiban yang ditunjukkan sikapnya dari awal. Kita di Malaysia jelas ditulis di situ 'No Smoking' tetapi di situlah orang-orang kita 'non-stop smoking'. Bila kita tegur dia marah kita, you siapa?

Begitu juga telefon bimbit. Bila dalam kereta tidak boleh digunakan, mesti didenda kalau ditangkap. Tetapi kerana tidak ditangkap kadang-kadang mengalami kemalangan kerana penguatkuasaan kita kurang dan memang sikap orang kita Malaysia ini perlu senantiasa ingat memperingati. Kita terpaksa mengetahui bahawa kita kekurangan dari segi disiplin penguatkuasaan undang-undang yang telah ditetapkan.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kalau boleh ikut undang-undang yang telah ditetapkan. Kalau warna merah kita langgar alamat kita accident. Kalau warna hijau yang memutuskan kita jalan, kita tidak jalan orang honk sama kita. Dia kata buta punya mata, tidak nampak, macam-macam lagi. Tetapi kalau kita ikut undang-undang ini, insya-Allah, kita selamat dunia dan akhirat.

Saya juga ingin meminta pihak kerajaan supaya memperketatkan hal ini, tidak mengharamkan untuk ahli-ahlinya, itu okay, tetapi menjual di publik, menjual secara berleluasa – sekarang akhbar *Harakah* pun sudah sampai di Sabah. Di Sabah mana ada ahli PAS. Kalau ada pun kita bagi kosong semasa pilihan raya yang lalu. Kita bukan angkuh dan takbur tetapi memang kita tidak mahu PAS memerintah negara kita yang tercinta ini sebab akhirnya kita juga akan seperti yang mereka nyatakan kebebasan yang disuarakan di sini minta ISA dihapuskan. Tetapi dari banyak hal mereka juga anti kepada kebebasan, mereka juga seperti yang kita ketahui imam-imam yang sepatutnya umur mereka belum sampai pada waktu bersara, mereka ditamatkan. Begitu juga dengan jawatan-jawatan agama

yang pro kepada parti Barisan Nasional akan diberhentikan, tidak diberikan kontrak dan sebagainya.

Jadi, saya masih menyokong dan bersetuju supaya ISA ini diteruskan dan undang-undang yang sudah ditetapkan di sini terutama dari segi penguatkuasaan, untuk ahli, ahli sahaja. Saya ingat tidak payah dijuallah. Kalau mereka hendak dapatkan, dapatkan dari pejabat PAS, jual di tempat PAS itu. Orang PAS hendak beli pergilah di pejabat PAS ataupun di pejabat perhubungan atau ada cawangan PAS di situ, juallah. Tetapi jangan di publik yang kita nampak sekarang di khalayak ramai dijual begitu meluas seolah-olah undang-undang kita tidak ada, walhal undang-undang telah kita tetapkan dan orang luar akan mentertawakan kita, ia menguatkuasakan undang-undang tetapi tidak dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum juga bahawa Akta Penerbitan ini adalah merupakan satu akta pada pandangan saya adalah masih sesuai. Teruskan mana-mana akta yang masih bagus. Memanglah pada pandangan mereka tidak bagus, tetapi kalau itu menguntungkan kepada kita, yang memerintah negara kita yang tercinta ini adalah Barisan Nasional dan Barisan Nasional ini adalah hak politik. Kita ikutlah pepatah Inggeris yang mengatakan 'politic is a power game, when you are in power make sure you are powerful. If you are not powerful then you are bloodyful. [*Ketawa*] Jadi, saya rasa go ahead sahaja. Kalau di Sabah makna hentam sahaja, teruskan. Kita sokong seratus peratus apa yang kerajaan laksanakan ini.

Ini mengenai BPR. Saya ingin mencadangkan di sini supaya BPR pada masa akan datang ini kalau belum terlaksana, kita mohon supaya ianya bertindak lebih bebas. Jangan tunggu lama-lama terlampau arahan, asal sahaja ianya boleh dilaksanakan kerana ianya mencabul hak-hak asasi, maka kita dibenarkan untuk mengeluarkan sapina seperti kalau tidak silap saya cadangan Yang Berhormat Dato' Zuki. Bukan itu sahaja, malah dibenarkan untuk mendakwa kepada sesiapa yang terbabit. Jadi, kalau yang sudah terbabit itu serah sahajalah, siapa suruh buat

silap supaya warganegara kita, pemimpin-pemimpin kita akan terus berhati-hati pada masa-masa akan datang.

Untuk lebih berkesan saya juga turut mencadangkan supaya ahli-ahli yang bertugas untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ini yang pada masa ini bertugas separuh waktu ataupun part-time, dengan izin, dilantik untuk – saya tidak berapa pasti sama ada dua atau tiga tahun tempohnya seorang ahli dilantik dua tahun. Jadi, jikalau boleh saya mencadangkan supaya dua tahun ini dipanjangkan sampai lima tahun. Rasionalnya, kalau lima tahun kadang-kadang ada kes yang dua tahun belum selesai, tiga tahun belum selesai seperti cadangan Yang Berhormat Tuan Long Jidin mengenai hak asasi Orang-orang Asli.

Sebetulnya bila disebut hak asasi di Sabah ini pun kadang-kadang banyak tanah adat yang bertitlekan native title - NCR, di Sabah dipanggil native title. Kadang-kadang ada pihak-pihak tertentu yang dengan sengaja menukar status daripada anti native title kepada CL. Penyebab utama ini sebenarnya adalah orang-orang kampung itu sendiri, orang-orang tempatan itu sendiri pun kita tidak boleh salahkan mereka sebab mungkin dari segi wawasan mereka dan dari segi fikiran jangka panjang mereka, mereka tidak melihat sampai Wawasan 2020 atau mereka tidak dapat melihat sampai ke Putrajaya yang terindah di seluruh dunia yang saya difahamkan lebih moden dan lebih canggih daripada bandar Atlanta yang ada di Amerika.

Jadi, saya mohon supaya walaupun hak atau kuasa tanah di negeri Sabah dan Sarawak ini sekali sekala pihak Kerajaan Persekutuan kena melihat sebab ada tanah yang sepatutnya jadi milik orang-orang di situ tetapi dengan sewenang-wenangnya telah ditukar milik terutama apabila berlaku pembalakan di mana pembalakan-pembalakan ini tanpa melihat perkuburan orang-orang asli di situ terutama yang ada di Sepulut, Pensiangan dan di beberapa tempat di pedalaman Sabah yang mempunyai commercial value terutama dalam konteks kayu balak ini telah

bongkar, telah diambil tanpa merujuk kepada pihak-pihak yang memiliki perkuburan dan perkampungan asal mereka.

Jadi, saya rasa kerajaan juga perlu melihat ini sebagai salah satu daripada perkara yang perlu dititikberatkan dan lantikan untuk lima tahun ini, saya ingin mencadangkan. Di samping itu juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah Kerajaan Malaysia boleh membuat satu cadangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ala Malaysia yang kita kemukakan di Bangsa-Bangsa Bersatu kerana ianya akan bersidang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri membawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ala Malaysia ini sebab saya nampak hak asasi yang diperjuangkan oleh Malaysia adalah jauh lebih baik daripada negara-negara yang maju terutama seperti Amerika. Di Amerika bercerita fasal hak asasi undang-undang tetapi negara-negara yang mengamalkan korupsi yang terlalu tinggi, kalau boleh saya sebut di sini macam satu ketika dahulu Presiden Marcos daripada Filipina yang menjadi kroni Amerika yang telah membuat pengkhianatan kepada negaranya sehingga didakwa sampai ke Mahkamah Dunia.

Jadi, kalau ada cadangan, kalau boleh, saya juga ingin mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ala Malaysia ini yang patut dibuat oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, tidak seperti yang dibuat oleh Amerika, dengan tidak semena-mena cari alasan yang tidak munasabah dia serang Afghanistan hanya kerana Osman Laden dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah membawa Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Maka dengan ini saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

**3.33 ptg.**

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan pertamanya tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dilantik sebagai Senator dan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian untuk pertama kali berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Keduanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Yang Berhormat Dato' Zainuddin bin Maidin, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim, Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah binti Ahmad, Yang Berhormat Hajah Ramlah, Yang Berhormat Hajah Hunaizah, Yang Berhormat Dato' Chet Singh, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim, Yang Berhormat Dato' Nor Azah dan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno. Saya ingin menjawab secara umum dan kalau ada satu persatu yang mungkin boleh saya sentuh akan saya sentuh.

Pertamanya, sebelum saya menjawab apa-apa, saya ingin menegaskan berkenaan pendirian dan ucapan-ucapan yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari PAS, saya fikir salah satu dari ajaran Islam yang terpenting sekali ialah apabila kita membuah dan memberikan pendapat, kemudiannya kita patut tunggu untuk mendengar pendapat jawapan kepada setiap yang telah dikemukakan. *[Tepuk]* Malangnya ini menjadi satu amalan orang-orang PAS di Dewan Rakyat dan juga saya lihat di Dewan Negara, bercakap lepas itu tinggalkan, mana ada hak asasi macam itu? *[Tepuk]*

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bukan hendak respond dengan perkara itu, tetapi apakah boleh nanti, ini minta maaf bukan mahu ambil kuasa Tuan Yang di-Pertua, cuma ingin pandangan, apakah pada masa yang akan datang supaya pembangkang ini yang hanya dua



orang datang ke sini, biar dia penghabisan sekali berucap baru dia ada masa untuk mendengar penjelasan kita. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, dia tadi baca .....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ada lagi.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, biar saya jawab dahulu perkara itu, lepas itu boleh saya beri laluan kemudian.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Boleh, saya hendak sentuh isu yang sama.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sama? Okay.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri yang memberi laluan kepada saya. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri yang saya terbaca dalam surat khabar mengenai penampilan Datuk Seri semasa di persidangan antarabangsa, begitu mendapat komen yang begitu baik dan penampilan Datuk Seri telah pun mengharumkan nama negara. Tahniah saya ucapkan! [*Tepuk*]

Saya hendak sebut di sini, kerana soal PAS meninggalkan Dewan ini, ini ada hubung kaitnya dengan apa yang Yang Berhormat sebutkan. Pada persidangan yang lepas, saya sebenarnya menegur dan juga saya menegur wakil-wakil bila bercakap, meninggalkan Dewan, saya juga ada memberi komen mengenai pandangan yang telah dikemukakan oleh wakil PAS. Rupa-rupanya mereka, bukan sahaja mencabuli hak asasi manusia apabila meninggalkan Dewan, saya telah diberi surat seperti 'surat layang' ditujukan atas nama saya sendiri, di bawah itu disebut mereka yang prihatin, menegur, mencerca, mengata kepada saya dengan perkataan-perkataan yang kesat-kesat. Misalnya, 'Ahli Dewan yang berkarat' dan sebagainya menyentuh soal-soal yang diperbahaskan di Dewan ini.

Saya rasa mereka telah mencabul hak asasi manusia dan mencabul hak saya sebagai Ahli Dewan Negara di mana saya boleh bercakap, boleh mengemukakan pandangan dan boleh mengemukakan hujah di sini tanpa tertakluk kepada mana-mana undang-undang negara.

Oleh kerana tidak ada undang-undang yang boleh memberi hak kepada mereka untuk mereka mendakwa saya, mereka menghantar surat secara peribadi secara untuk mewujudkan kalau saya tidak silap psychology depress agaknya, serangan secara psikologi, ini yang saya hendak maklumkan kepada Dewan ini, walaupun dalam ucapan saya yang lepas telah saya maklumkan, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Seri. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Sairin dan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah di atas pandangan dan teguran.

Saya suka orang membaca al-Quran dan membaca Hadis, tetapi al-Quran dan Hadis ini bukan untuk dibaca tetapi untuk diamalkan, ia satu pakaian, dia baca tadi dalam satu ayat yang mengatakan 'ada manusia yang diberikan telinga tetapi tidak mendengar, diberikan mata tetapi tidak melihat', ini malangnya ahli-ahli PAS ini dia kata, dia baca, benda itu semua yang dia buat.

Jadi, saya paling berasa sedih kerana saya menganggap misal kita mengambil tindakan, kalau kita menegur berkenaan dengan hak asasi, ambil contoh *Harakah* tadi yang disebut-sebut oleh Yang Berhormat daripada PAS, kita kena jujur, dalam Islam kejujuran dan keikhlasan amat penting sekali. *Harakah* dikhaskan kepada ahli tetapi dijual kepada bukan ahli. Bila kita menegur, dia melanggar peraturan dan undang-undang, sebagaimana dia sendiri bercakap tadi, Yang Berhormat Puan Hunaizah tadi bercakap, bahawa ada peraturan, ada undang-undang dia melanggar, lepas itu dia suruh kedai-kedai jual juga, letak untuk ahli-ahli sahaja dan tidak mungkin kedai itu hendak mengetahui siapa ahli

PAS atau tidak ahli PAS. Bermakna dia bertalam dua muka, dia bertopeng untuk menghalalkan apa yang dia buat.

Jadi, saya berharap sangat daripada ahli-ahli PAS, kembalilah kepada jalan yang benar, kembali untuk melakukan sesuatu yang mendatangkan faedah dan kebaikan kepada masyarakat kita dan saya fikir patut Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara, Dewan yang mulia ini, mungkin suka meluluskan satu Usul untuk censor ahli-ahli PAS yang mengambil sikap yang tidak bertanggungjawab setelah mengemukakan pelbagai soalan yang boleh membawa kepada pertelingkahan, mereka tidak langsung mempunyai kesabaran dan ketenangan untuk mendengar orang lain bercakap, sebab itu bila ditanya berkenaan soal buku Shahnnon Ahmad tadi, dia tak dapat jawab, bukan kerana apa, kerana dia hendak mencari jalan berdalih, bagaimana hendak bohong, ini cara PAS – bohong.

Dan bila dia ambil ayat al-Quran itupun, Tuhan melaknatkan bukan Tuhan maki, dan tuhan tak marah, Tuhan mengatakan masuk ke neraka jahanam, itu hukuman Allah dan ada pakaian yang diberikan untuk manusia melakukannya dan ada pakaian yang dikhaskan kepada Allah, kita tidak boleh berbuat demikian.

Saya tadi, kalau ada memang saya bercakap lagi banyak, tetapi fasal mereka sudah decide, Tuan Yang di-Pertua, untuk keluar awal-awal, fasal saya fikir dia pun tahu dia akan kena, mengikut cakap orang Sabah ‘hantam sajalah!’

*[Ketawa]*

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Datuk Seri, saya ingat ‘ngamlah itu!’, hantamlah itu. Cuma ada disebut tadi, talam dua muka. Barangkali kalau kita boleh panggil ini muka star fruit, dia punya muka terlampau banyak, bohong sana, cakap sini betul, sana bohong, sini bohong, barangkali bolehlah kita panggil muka belimbing. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya tidak berani hendak panggil muka orang, fasal saya suka makan belimbing. *[Ketawa]* Jadi, walau bagaimanapun, jelas sekali bahawa mereka berada di sini hanya dengan tujuan untuk mengelirukan, fasal dia lihat ada pilihan raya, macam kita buat tuduhan ke atas pilihan raya, kalau pilihan raya kita tidak bebas, kalau suruhanjaya kita tidak bebas, tak mungkin PAS memerintah Kelantan, macam-macam dia buat di negeri Kelantan dan begitu juga pada satu masa, seketika dia memerintah negeri Terengganu, tetapi dia menafikan ini semua, walau bagaimanapun, saya fikir cukuplah saya bercakap berkenaan dengan itu.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian kerana segala ucapan yang disuarakan dan pandangan yang diberikan adalah pandangan-pandangan yang saya anggap sangat bernas, matang dan mengandungi pelbagai perkara yang boleh kita ambil perhatian dan tindakan di mana ianya perlu dan kita menghargai pandangan-pandangan ini oleh kerana ia akan memperkukuh dan memperkayakan kita di dalam niat dan tujuan kita untuk melahirkan satu masyarakat madani, masyarakat yang bertamadun, yang mempunyai adab sopan dan mempunyai nilai-nilai yang sejagat di masa yang sama mengambil nilai-nilai yang sesuai untuk kepentingan masyarakat tempatan, yang hendak kita elakkan sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Datuk Zainuddin bin Maidin ialah mereka yang tidak mempunyai sikap toleransi, yang mempunyai sikap keterlaluan, yang mempunyai sikap chauvinist, yang tidak mempunyai langsung perasaan memahami pandangan dan pendapat orang lain.

Alhamdulillah, di negara kita keadaannya aman dan sejahtera tetapi aman dan sejahtera ini tidak datang bergolek dengan sedemikian. Kita sering merasa apologetic iaitu kita merasakan seolah-olah undang-undang sekatan yang kita ada seperti ISA, seperti OSA dan undang-undang yang bersabit dengan kawalan-kawalan, seolah-olah itu adalah undang-undang lazim Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, dengan izin, these laws are only exceptional to the rule, tetapi jangan secara khususnya negara kita tidak mengamalkan satu sistem negara polis atau tidak membenarkan kebebasan, kita melaksanakan kebebasan dengan sepenuhnya selagi ia tidak menjejaskan kepentingan orang lain ataupun keselamatan dan kesejahteraan dan kebahagiaan negara.

Sebab itu, kita sebagai orang-orang Malaysia, mesti berani berhadapan dengan semua orang di peringkat antarabangsa yang cuba menjual satu konsep yang bertujuan untuk menguasai negara kita kembali iaitu konsep kesejagatan atau universalism yang berasaskan kepada individualism dan berasaskan kepada sikap-sikap yang sepenuhnya liberal dengan tujuan ia akan membakukan, saya menggunakan perkataan 'baku' atau menstandardkan kefahaman kita, dengan itu mereka dapat menakluk negara-negara di Asia dan di negara-negara lain dengan menggunakan kekuatan ekonomi mereka yang ada pada hari ini melalui sistem kapitalisme.

Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sering memperkatakan di dalam kita hendak menentukan kedaulatan dan juga kemerdekaan negara, kita perlu berhati-hati menjaga dan mengawal bahawa kemerdekaan dan kedaulatan kita tidak diambil semula dengan cara tidak langsung melalui sistem ekonomi ataupun penguatkuasaan ekonomi.

Kita bukan bongkak kepada IMF tetapi kita menganggap ubat yang diberikan oleh IMF boleh membunuh kita, oleh itu kita membuat pengubahsuaian di dalam melaksanakan dasar-dasar ekonomi yang sejajar dan sesuai dengan iklim dan suasana persekitaran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai perkara telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ada yang mahukan wanita 30%, ada yang mahukan supaya suruhanjaya ini bebas, ada yang mahukan bahawa suruhanjaya ini dilanjutkan tempohnya daripada dua sehingga lima tahun.

Saya fikir yang penting ialah di Malaysia ini, hak wanita tidak dinafikan, wanita diberikan kedudukan dan diberikan penghormatan, ini perlu kita jaga, siapa pun yang menjalankan tugas, sama ada lelaki ataupun perempuan, ia mesti menghayati hak dan kepentingan wanita. Selagi keadilan dilakukan kepada wanita, walaupun orang yang melaksanakannya bukan wanita, itu adalah bersesuaian dengan kehendak dan kemahuan kaum wanita di negara kita.

Insyallah, kerajaan kita mempunyai dasar-dasar dan mempunyai hala tuju yang jelas dan nyata sekali berkenaan wanita dan kita tidak akan mengabaikan tanggungjawab kita kepada wanita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan tambah tempoh ini daripada dua tahun kepada lima tahun, sebenarnya sebelum kita merangka rang undang-undang ini, kita mengambil dan melihat rang undang-undang di negara-negara lain. Salah satu negara yang mempunyai tempoh ahli-ahlinya lima tahun adalah Sri Lanka dan kalau kita lihat kuasa yang ada kepada suruhanjaya ini, kuasanya amat luas dan ia mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi dan menentukan sesuatu yang ada kesan yang jauh sekali, kesan yang mendalam.

Salah seorang daripada anggota suruhanjaya di Sri Lanka mengikut pengalaman mereka telah menyalahgunakan kuasa sebagai ahli suruhanjaya dan diminta untuk dibuang. Maka pihak kerajaan menjawab tidak boleh dibuang kerana tempohnya lima tahun, kita kena tunggu lima tahun, orang berkuasa sebegitu yang mempunyai kebebasan lebih baik kita pendekkan tempohnya dan melihat prestasinya jika prestasinya elok maka ianya boleh disambung daripada kita memberi masa yang panjang, yang boleh memudaratkan kita. Jadi, sebab itu, kita mengambil pendekatan iaitu dua tahun mencukupi untuk tujuan melaksanakan tugas sebagai ahli suruhanjaya.

Walau bagaimanapun, jika difikirkan perlu, mereka boleh dilantikkan sepuluh tahun atau dua puluh tahun, kalau mereka adalah orang-orang yang berwibawa dan dapat melaksanakan tugas.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang bercakap, boleh dikatakan keseluruhannya ada menyebut dan menyentuh soal kebebasan. Saya ingin mengatakan bahawa kebebasan di dalam pembentukan dan keahlian suruhanjaya hak asasi ini dijamin oleh kerana kita ditentukan dibuatkan syarat supaya melantik mereka yang mempunyai wibawa, mempunyai integriti dan ianya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, walaupun melalui syor yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jangan kita lupa bahawa syor dari mana ianya datang tidak penting tetapi orang yang dilantik itu penting untuk memberikan keyakinan kepada masyarakat umum dan orang-orang yang ingin berurusan dengan pihak suruhanjaya.

Jadi, saya memberikan jaminan bahawa pihak suruhanjaya ini apabila mereka, individu yang dilantik itu telah dikenal pasti, insya-Allah, mereka dapat menjalankan tugas mereka oleh kerana status mereka, integriti mereka, kedudukan mereka adalah sesuatu yang boleh diyakini oleh rakyat secara keseluruhan.

Jadi, saya tengok kalau di England – Dato' Haji Mohd. Zuki ada mengatakan, takut orang ini boleh dipengaruhi, yang bertanggungjawab Menteri. Menteri ini yang bertanggungjawab kerana mesti ada Menteri untuk membentangkan rang undang-undang. Jadi, saya terpaksa membentangkan rang undang-undang. Selepas ini saya tidak ada kena mengena dengan bagaimana Suruhanjaya itu menjalankan tugas tetapi apabila ada soalan daripada Ahli Yang Berhormat, mesti ada Menteri untuk menjawab. Macam juga badan kehakiman. Badan kehakiman adalah bebas melaksanakan rule of law, melaksanakan hukum mengikut undang-undang, tidak perlu khuatir, tidak perlu takut selagi ia menjalankan tugas selaras dengan kehendak Perlembagaan dan undang-undang negara tetapi yang pentingnya ialah kita sebagai wakil rakyat ataupun Ahli Dewan Negara perlu memberi jawapan. Jadi, itulah sahaja perhubungan kita yang tidak perlu dikhuatirkan.

Berkenaan dengan dana yang besar. Sebab itulah kerajaan memilih untuk menubuhkan Suruhanjaya. Kalau kita biarkan sebagai satu badan NGO sahaja, sudah tentu ia memerlukan sumber kewangan dan dana daripada pembiayaan yang bermacam-macam dan pelbagai. Ada kepentingan luar yang mungkin akan cuba mempengaruhi dan membiayai Suruhanjaya ataupun sebagaimana yang berlaku kepada NGO-NGO tertentu – mereka lebih mengharapkan ilham daripada negara luar untuk menyuarakan pendapat dan sering apa yang mereka katakan sama suaranya dengan negara-negara yang cemburu dan iri hati dengan kedudukan dan kelantangan negara kita sendiri. Oleh itu, lebih baik kita adakan Suruhanjaya ini sebagai sebahagian daripada Suruhanjaya yang bebas, mempunyai hak untuk diambil tindakan undang-undang dan berhak untuk mengambil, berhak untuk membuat penyiasatan. Tetapi saya menganggap salah satu daripada tugas terpenting yang diberikan kepada Suruhanjaya sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sebutkan dan memberikan penumpuan ialah di atas tugasnya untuk mendidik dan memberikan kefahaman terhadap hak asasi kerana saya menghadiri banyak mesyuarat antarabangsa sekarang. Saya melihat bahawa soal-soal kesejagatan hak asasi dan alam sekitar akan digunakan sebagai unsur utama bagi mempengaruhi sesebuah negara ataupun menentukan negara-negara tersebut tunduk kepada kehendak negara lain.

Jadi, kita kena berhati-hati. Kita kena beritahu kepada rakyat, kita mendidik rakyat, kita memberikan penjelasan kepada rakyat kita, apakah maknanya hak asasi sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Chet Singh tadi, bahawa kebebasan terhadap kejahilan, kebebasan terhadap melepaskan diri daripada kemiskinan, kebebasan untuk mendapat pembangunan sosial untuk menentukan kita boleh bergerak tanpa diganggu adalah satu kebebasan yang perlu bagi kemanusiaan untuk menjayakan kemanusiaan. Inilah pegangan kerajaan kita, sebab itu dasar-dasar dan tindakan kita adalah berasaskan kepada kepentingan sedemikian.



Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Long bin Jidin. Semasa berbahas tadi beliau telah membangkitkan soal Orang Asal ataupun Orang Asli negara kita. Alhamdulillah, di negara kita, sebagaimana beliau sebutkan adalah salah sebuah negara yang tidak mendiskriminasikan dan memberikan kedudukan dan hak untuk semua rakyatnya, sama ada kepada Orang Asal ataupun mereka yang telah memilih untuk menjadikan negara kita tanah tumpah darah kita, tempat kita menanamkan kesetiaan, menanamkan patriotisme kepada negara kita dan sebab itu kerajaan mempunyai dasar-dasar tertentu kepada Orang-orang Asal di dalam negara kita supaya mereka tidak terpinggir dan tidak tersisih daripada arus utama. Masih banyak lagi perlu dilakukan, masih banyak lagi taraf hidup dan kualiti hidup perlu diperbaiki di kalangan Orang-orang Asal di dalam negara kita ini.

Dalam masa yang sama, berkenaan dengan penipuan-penipuan yang berlaku, ini bukan soal penipuan kerana orang itu Orang Asal ataupun bukan Orang Asal. Penipuan berlaku kerana ada orang yang rakus, tamak dan ada mereka yang boleh bekerjasama dengan orang yang sebegini. Ia berlaku di semua komuniti, sama ada Orang Asal ataupun tidak Orang Asal. Di kampung pun, ada orang kampung yang telah tertipu menjual tanahnya kepada golongan-golongan tertentu kerana orang yang diberikan tanggungjawab tidak melaksanakan tanggungjawabnya. Saya akan mengambil nama, tempat dan saya percaya itu telah dilaporkan kepada kementerian yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, saya akan usul untuk bertanya berkenaan dengan kes yang telah dibawa oleh Yang Berhormat semasa membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Saya ingin menyatakan bahawa declaration ataupun Pengisytiharan Hak Asasi Manusia dan pengisytiharan-pengisytiharan - covenant yang ada sebanyak 25 dan hanya 6 ditandatangani oleh Malaysia adalah bertujuan apa juga covenant yang kita tandatangi ianya tidak bertentangan dengan kedudukan dan

kepentingan untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan di dalam negara kita. Akhirnya sama ada kita berjaya atau tidak, bergantung kepada kita sendiri untuk kepentingan negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya akan menjawab secepat mungkin beberapa soalan khusus yang telah dibawa... [*Mencari nota*] Ini saya kena atur balik soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat. Mulanya saya ambil ini tidak semestinya mengikut sequence, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua tetapi mengikut apa yang saya ada dekat sini, yang telah saya kumpulkan.

Pertamanya, Dato' Ghazi bin Haji Ramli, berkenaan Fasal 4(1)(a) dengan 4(2)(a). Saya bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan kerana memang salah satu fungsi untuk membangkitkan kesedaran dan kita akan bekerja rapat dengan orang awam. Ini tidak boleh hanya dibiarkan kepada kerajaan atau ditinggalkan kepada Suruhanjaya. Suruhanjaya perlu berinteraksi, bekerjasama dan berhubung rapat dengan kepentingan rakyat dan orang awam. Dengan itu ia dapat memahami keperluan, kemahuan, kehendak dan mengadakan ataupun teller latihannya, teller kursus-kursus dan seminar supaya ia menepati kemahuan dan kehendak golongan sasaran yang telah kita tentukan.

Berkenaan bagaimana hendak dilaksanakan fungsi ini, saya fikir buat masa ini yang utama sekali ialah kita perlu menubuhkan Suruhanjaya ini selepas rang undang-undang ini diluluskan. Bila dilantik ahli-ahli Suruhanjaya ini, maka kita percaya ahli-ahli Suruhanjaya ini akan mengenal pasti bidang-bidang khusus untuk mereka mengambil tindakan dan membuat senarai keutamaan, the priority list untuk tujuan melaksanakan tugas mereka dengan berkesan. Jangan kita lupa bahawa...., saya menganggap Suruhanjaya ini akan diberikan tumpuan, bukan sahaja oleh masyarakat dalaman tetapi juga akan diberi tumpuan oleh masyarakat antarabangsa. Oleh itu, segala tindakan mereka, peri laku mereka, segala usaha mereka perlu mempunyai hikmah dan hemah yang betul-betul dapat memberikan imej mereka itu diletakkan di tahap yang tinggi.

Oleh itu, saya percaya bahawa mereka akan melaksanakan tugas mereka dengan baik dan ia perlu bermula di peringkat sekolah rendah – kefahaman sekurang-kurangnya, sekolah menengah dan seterusnya ke peringkat universiti. Kita tidak boleh bercakap berkenaan hak tanpa kita seimbangkan dengan tanggungjawab. Every duty carries with it responsibility, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan jika kedua-duanya seimbang, maka barulah kita boleh melahirkan manusia yang mempunyai sikap yang adil, saksama, toleran dan harmonis kepada bukan dirinya sahaja tetapi kepada masyarakat negeri dan negara yang ia menjadi sebahagian daripadanya. Oleh itu, penting sekali kita melaksanakan tugas ini dengan baik.

Cadangan-cadangan untuk kita mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti – pelajar-pelajar universiti ada mengatakan ada sekatan untuk berpolitik di universiti. Sebenarnya kalau kita melihat kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti yang ada sekarang ini, ia tidak menyekat campus politic, dengan izin. Kalau kita tengok pertandingan untuk jawatan-jawatan di dalam pertubuhan-pertubuhan di universiti, kempen yang dilaksanakan macam kempen politik. Dilaksanakan dengan hebat, ada kempen dan ada pihak yang mendapat sumbangan daripada luar untuk mendapat kedudukan. Yang kita tidak bersetuju ialah universiti digunakan sebagai satu medan partisan politic iaitu politik yang berbau siasah kepartian yang boleh memudaratkan pendidikan mereka dan juga boleh membawa kepada kesan yang negatif. Selain daripada itu, mungkin dari masa ke semasa saya percaya kita akan terus mengkaji apa-apa juga akta untuk menentukan perkembangan ini sejajar dan selaras dengan perkembangan kemanusiaan dan negara.

Yang Berhormat Dato' Ghazi juga membangkitkan berkenaan dengan globalisasi dan macam-macam perkara. Saya ingin menyatakan bahawa kalau kita hendak menggunakan globalisasi ini, adalah salah satu instrumen yang terpenting, yang digunakan masa ini untuk menentukan keseragaman dunia dan apabila dunia

diseragamkan, maka sudah tentu kita tidak mempunyai hak untuk menentukan syarat-syarat dan terma-termanya. Kita akan terpaksa menerima syarat dan terma yang dibuat oleh orang lain dan akhirnya kita mudah terpengaruh dengan apa yang ditunjukkan oleh orang asing kepada kita dan kita menidakkan nilai budaya dan adat resam kita sendiri.

Oleh itu, kalau kita lihat daripada pemimpin-pemimpin kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri sentiasa membuat ucapan yang mempunyai unsur pendidikan dan kefahaman supaya kita mengambil tindakan yang berhati-hati di dalam kita melalui era baru ini. Salah seorang Yang Berhormat tadi ada menyebut berkenaan kita lahirkan era, iaitu Yang Berhormat Dato' Aziz, mengatakan era Eropah, era Amerika, selepas itu kita boleh mempunyai era Asia.

Pandangan kerajaan pada masa kini, tidak usah kita bahagikan dunia kepada Asia, Eropah dan Amerika. Yang hendak kita tentukan ialah kita melahirkan era dunia sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, era dunia di mana ada kesaksamaan, ada keadilan, ada kesamarataan dalam pengagihan kekayaan dan juga di dalam kita berinteraksi di dalam bidang perdagangan. Buat masa ini, kita tidak mahu seperti Undang-undang WTO, diadakan conditionality ataupun syarat-syarat tertentu sebagai cara untuk kita melaksanakan perdagangan yang merugikan negara-negara membangun dan akan menguntungkan negara-negara maju. Sebab itu kita mempunyai kesangsian terhadap kejujuran beberapa perkara yang hendak dilaksanakan yang mempunyai, mengikut pepatah kita "ada udang di sebalik batu".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memang banyak perkara yang kita sentuh pada hari ini adalah perkara-perkara mustahak yang boleh digunakan sebagai iktibar di dalam kita melaksanakan tugas kita. Yang Berhormat Dato' Sairin kata, kebebasan ada batasan. Saya pun bercakap macam itu juga tetapi berkenaan ISA ini, saya fikir kita memang mengkaji dari masa ke semasa. Memang pada satu

masa, kerajaan mengkaji untuk menghapuskan ISA. Kita tengok tetapi dalam mengkaji, bermakna kita kena tengok pengalaman masa lalu, iktibar-iktibar.

Kalau tidak ada ISA, saya fikir mungkin kita ini akan menghasut di antara satu sama lain tanpa batasan dan akhirnya ia mencetuskan rusuhan kaum. Cukup sekali kita ada Mei 13, kita tidak mahu ulang Mei 13 lagi. PAS tadi mengatakan tadi bahawa kita perlu beri kebebasan untuk mereka bercakap. Kalau Yang Berhormat semua, saya percaya sedia maklum, PAS membuat ceramah-ceramah umum, saya tidak tahu dari mana dia dapat permit di mana beribu-ribu orang dia jemput. Dan dia punya ceramah adalah ceramah menghasut orang. Dan kalau kita mengambil tindakan, memang kita boleh mengambil tindakan.

Kebebasan yang luas diberikan. Kerajaan begitu bersikap bertoleransi tetapi pada masa yang sama, mereka perlu berhati-hati supaya tidak mendatangkan mudarat kepada negara. Kalau ianya mendatangkan mudarat kepada negara, kita akan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi memastikan kepentingan masyarakat dan negara diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Aziz buat banyak research juga. Saya tengok tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang bercakap, masing-masing ada researchnya yang tersendiri dan dalam research itu pula jelas bahawa kerana ada research, ada masanya kita terpaksa bercakap dalam bahasa Inggeris kerana tidak ada masa untuk terjemahkan. Apa juga pendekatan kita, ingin saya mengatakan ini adalah memberikan saya nilai yang amat tinggi sekali untuk kita gunakan pengalaman ini apabila kita berhadapan di peringkat antarabangsa dengan hujah-hujahnya yang akan membolehkan kita melaksanakan tugas dengan lebih baik.

Kita dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik kerana kita tahu di belakang kita adalah rakyat Malaysia yang bersatu padu yang memberikan sokongan yang kuat kepada kerajaan untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Nor Azah tadi ada sebutkan berkenaan anggota Suruhanjaya, dia kata dia minta 30% kah atau 50%. Pegawai saya tulis 50%. Dia wanita juga. *[Ketawa]* 50 kah atau 30?

**Datuk Nor Azah binti Awin:** 30% minimum, tetapi kalau boleh 50%. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Itulah manusia ini Tuhan jadikan special, pasal kalau boleh kita semua bila hujan, kita kata mengapa hujan. Lepas itu kita kata, pasal apa Tuhan turunkan hujan. Lepas itu bila panas, kita kata terlampau panas. Kalau hujan, kita kata baju kita tidak kering, sekarang tidak perlu dijemur. Bermakna, kita akan terus maju kalau tidak berpuas hati dengan apa yang kita ada dan sikap itu baguslah, minta minimum. Selalunya minta minimum, dapat minimum atau kurang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya mengatakan tadi, kita ambil perhatian, akan ada ahli-ahli daripada wanita. Berkenaan peratusannya, itu sesuatu yang kita kena fikir baik-baik. Apabila wanita masuk di dalam arus utama pemerintahan negara dan sistem negara, kita tidak boleh lagi mendiskriminasikan wanita sebagai wanita kerana wanita dianggap sama juga macam orang lelaki yang lain. Oleh itu, dia tidak perlu diberikan keistimewaan tetapi dia memang sudah istimewa dan mempunyai kekuatan untuk bersaing di dalam dunia yang serba maju ini. *[Tepuk]* Jadi, maknanya, adalah wanita itu, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bersetuju bahawa masalah keganasan terhadap wanita, pelacuran. Sebenarnya di dalam mesyuarat ASEAN baru-baru ini, saya bercakap di atas tajuk berkenaan *Trafficking of Woman and Girls Among ASEAN Countries*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini sudah menjadi satu masalah yang amat berat, bukan sahaja di peringkat dunia, di peringkat antarabangsa, negara-negara yang menggalakkan hak asasi pun, mereka menjadi importer of young men and women to their countries especially daripada negara-negara Asia. Jadi, sebab itu kita mengatakan di dalam hak asasi ini, dia bukan cakap yang penting, yang

pentingnya ialah kita dapat melaksanakan, mengamalkan apa yang kita cakap dan kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya di peringkat rantau dan di peringkat antarabangsa untuk tujuan ini.

Berkenaan akta woman (domestic violence), kita adalah salah sebuah negara yang saya fikir maju daripada segi ini. Walau bagaimanapun, tujuan kita ialah untuk melahirkan satu masyarakat yang penyayang, seimbang dan tidak semata-mata menggunakan undang-undang tetapi pendekatan yang berasaskan kepada institusi kekeluargaan untuk menentukan institusi kekeluargaan dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah, fungsi yang amat penting mestilah efektif. Yang Berhormat bawa berkenaan fungsi ini mesti dilaksanakan dengan efektif dan kita mengambil kira pandangan-pandangan untuk menentukan keberkesanan tugas dan tanggungjawab kita dan apa juga yang perlu dilakukan untuk memasukkan nilai budaya dan agama yang bermacam-macam di dalam negara kita ini akan diberikan keutamaan.

Jadi, segala pandangan telah saya catat dan mana yang saya tidak jawab satu persatu, yang mana perlu diambil tindakan yang aktif atau khusus, akan kita ambil tindakan. Saya ingin sekali lagi mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ramai yang telah mengambil bahagian, memberi pandangan dan pendapat yang boleh memperkukuh dan memperkuatkan tugas kementerian kita dalam melaksanakan tugas harian dan menentukan persoalan berkenaan hak asasi ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sudahi dengan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 23 -**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menyentuh berkenaan Fasal 4 – Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya, yang mana tadi saya tidak sempat hendak bercakap kerana ada urusan di luar iaitu perkara:

- (2)(c) untuk mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran hak asasi manusia mengikut peruntukan akta ini;
- (e) untuk mengeluarkan pernyataan awam mengenai hak asasi manusia apabila perlu; dan
- (f) untuk mengaku janji apa-apa aktiviti sesuai lain yang perlu mengikut undang-undang bertulis yang berkuat kuasa, jika ada, berhubung dengan aktiviti itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini, terlalu ramai pihak-pihak yang bercakap fasal hak asasi manusia. Dalam masa yang sama mereka lupa bahawa negara ini mempunyai satu perlembagaan dan bila kita bercakap mengenai hak asasi ini kita tidak boleh tersimpang daripada Perlembagaan negara. Oleh yang demikian seperti yang sering kita dengar pihak parti pembangkang selalu mempersoalkan kebebasan akhbar, kebebasan media-media lain yang digunakan oleh kerajaan. Kita dapati kadang-kadang kita merasai seolah-olah kerajaan terlalu liberal membenarkan akhbar-akhbar ataupun sebarang maklumat yang tidak betul, tidak tepat yang berbentuk fitnah disebarikan begitu berleluasa sekali macam tadi pihak pembangkang seperti yang saya sebutkan selalulah, bila selepas tengah hari mereka tidak ada lagi. Bila bercakap pagi-pagi cukup lantang menuduh kerajaan dan sebagainya. Katanya kerajaan menyekat akhbar Harakah daripada dibaca oleh rakyat sedangkan mereka tidak tahu di antara media yang



dibenarkan dijual kepada orang ramai dengan akhbar yang dikeluarkan oleh parti politik iaitu telah jelas, kerajaan memberi kebenaran mengeluarkan akhbar ini untuk ahli sahaja.

Jadi, tidak timbul masalah kerajaan tidak membenarkan akhbar-akhbar ini dibaca oleh orang ramai sebab ini khusus untuk ahli politik dan kita tahu isi di dalam akhbar ini pun kadang-kadangnya cukup teruk mendakwa yang bukan-bukan. Oleh sebab itu kerajaan perlu tegas dalam hal yang sebegini supaya rakyat jelata tidak nampak dari segi penguatkuasaannya, kerajaan betul-betul tidak ada makna kita adakan satu rang undang-undang hak asasi manusia sedangkan kita tidak boleh tangani isu ini dengan berkesan dan memberi manfaat kepada rakyat termasuklah parti-parti pembangkang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan apa yang disebut oleh parti pembangkang tadi dari segi diskriminasi terhadap wanita dan sebagainya. Saya cuba hendak bangun minta penjelasan tadi sedangkan kita tahu parti pembangkang yang boleh memerintah sebuah negeri di Kelantan pun mereka mendiskriminasikan, belum dapat memerintah lagi pun mereka telah ugut hendak tutup media dan sebagainya. Jadi, apakah bercakap satu pihak dari segi hak asasi sedangkan apa yang berlaku perkara yang sebaliknya. Ini satu gambaran seolah-olah mereka tidak faham mengenai apa itu hak asasi manusia.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kebebasan pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi. Saya berpendapat sehingga ini kalau kita terlalu liberal, terlalu longgar dan kita hapuskan akta universiti dan sebagainya, saya bimbang dalam masa kita mengalami masalah pelajar-pelajar Melayu masih lagi tidak menjadi pelajar yang cemerlang, menghadapi berbagai-bagai masalah dan terlibat dalam berbagai gejala sosial yang negatif. Saya bimbang kalau akta ini dihapuskan ada kemungkinan pelajar-pelajar ini akan terlibat di dalam berbagai aktiviti seperti di Indonesia sekarang ini.

Indonesia, sekarang ini walaupun keputusan pilihan raya sudah selesai masih lagi tidak boleh membuat satu keputusan untuk membentuk kerajaan. Oleh sebab itu apa yang kerajaan buat, mereka mesti tahu kalau di universiti, pusat pengajian tinggi adalah tugas untuk belajar. Kalau hendak bagi pandangan, hendak buat forum, majlis dan sebagainya kerajaan tidak pernah halang. Malah kerajaan sendiri menganjurkan perjumpaan, forum, buat berbagai perjumpaan dengan pelajar-pelajar serta membenarkan persatuan-persatuan pelajar ini adakan perjumpaan ini. Ini menunjukkan kerajaan memberi kebebasan tetapi kita kena tahulah kalau golongan pelajar hendak biar macam parti politik ertinya bercanggah balik dengan hak asasi itu sendiri.

Kemudian, saya juga hendak sentuh, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan berpersatuan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** [Bangun]

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya tidak bagi laluan, Tuan Pengerusi, sebab...

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Point of order.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Point of order, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya, adakah Tuan Pengerusi membenarkan kita membahaskan balik ataupun bertanyakan soalan sahaja semasa kita membentangkan ini di peringkat jawatankuasa ini. Kalau hendak berbahas balik, saya pun hendak berbahas juga.

**Tuan Pengerusi:** Hadkan dalam fasal-fasal sahaja.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ya, saya hendak sentuh perkara ini sahaja sebab tadi kalau kita hendak tafsir memang tafsiran dalam perkara ini saya timbulkan ini umum. Sebab itulah dia tidak spesifik berkenaan dengan (c), (e) dan (f) yang saya baca tadi. Saya rasa Dato' Aziz mesti sedia maklum kalau lihat balik perkara yang saya timbulkan itu.

Perkara yang akhir sekali ialah berkenaan kebebasan menubuhkan persatuan. Kita tahu sekarang ini kita benarkan rakyat menubuhkan berbagai-bagai persatuan termasuklah persatuan Hindu, persatuan Buddha dan sebagainya. Ini maknanya kerajaan tidak menyekat, cuma ada perkara-perkara yang bercanggah dari segi perlembagaan yang kita tidak boleh. Oleh itu saya harap pihak kerajaan dapat memberi penjelasan mengenai maksud perkara yang saya timbulkan tadi iaitu cerai (c), (e) dan (f). Sekian.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Pengerusi, yang saya selalu tertarik datang ke Dewan Negara ini banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjawab bagi pihak saya, jadi saya tidak perlu jawab sebab dia cukup jelas tetapi apa yang penting ialah sebagaimana yang saya katakan tadi, ialah kita mesti tidak berasa apologetic dan tidak berasa segan. Masa untuk kita menerima pandangan orang sahaja, apa yang kita lakukan sudah berakhir. Masa sekarang ialah untuk kita mengambil tindakan yang offensive.

Jadi, dengan adanya peruntukan-peruntukan begitu, saya berharap pihak suruhanjaya dapat memainkan peranan untuk dilihat sebagai satu badan bebas, tidak perlu seperti ombudsman atau Biro Pengaduan Awam. Kita ada Biro Pengaduan Awam yang diperluaskan tugas dan tanggungjawabnya. Suruhanjaya ini pula tidak bertujuan untuk menduplikasikan kerja-kerja agensi lain seperti BPR, jabatan-jabatan kerajaan lain. Ia melihat perkara-perkara yang menyentuh soal hak asasi, soal yang berhubung dengan kebebasan individu semasa dia bergerak sebagai seorang individu dan tugas dan tanggungjawab dia sebagai rakyat.

Kalau difikirkan ada penafian keadilan terhadap hak dia, jadi, saya fikir cukup jelas di dalam peruntukan undang-undang yang kita ada berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan saya menganggap bahawa kita tidak perlu juga kluatir berkenaan pelajar-pelajar, hanya kita perlu pergi ke universiti-

universiti untuk berhadapan dengan pelajar supaya kita mendengar apakah pandangan mereka dan berikan pandangan kita.

Saya ingin menyatakan apa yang Yang Berhormat Dato' Chet Singh katakan tadi, kadangkala kita hendak tentukan kita ini free daripada ignorant. Kalau orang-orang yang tidak mempunyai maklumat yang cukup sememangnya dia jahil dan dia tidak tahu dan orang lain daripada parti pembangkang masuk ke universiti, beri maklumat yang berbagai untuk memutarbelitkan fakta.

Jadi, kita bertanggungjawab untuk rapat dan menerangkan serta menjelaskan perkara-perkara ini. Di atas asas itulah macam saya sendiri pergi ke Universiti Sains, Universiti Teknologi, Universiti Kebangsaan dan insya-Allah, saya akan pergi ke Universiti Islam Antarabangsa. Bukan untuk berceramah, saya berceramah mungkin setengah jam, dua jam kita berikan untuk mereka menyuarakan pendapat. Jadi kita dapat dengar pandangan mereka dan kita memberi jawapan dan maklumat yang tepat.

Jadi, dengan adanya akta ini kita ada lagi satu badan bebas untuk melaksanakan tugas selain daripada kerajaan sahaja yang melaksanakannya. Jadi, suruhanjaya ini adalah suruhanjaya yang ditubuhkan sepenuh masa, bukan suruhanjaya yang separuh masa, it is a full time suruhanjaya, Tuan Pengerusi.

**Fasal 1 hingga 23** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN (KUASA MEMINJAM) 1999**

### **Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga**

**4.24 ptg**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk mewujudkan peruntukan undang-undang bagi menghendaki semua badan-badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang persekutuan dan semua syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan selain daripada menteri yang mengawal agensi berkenaan sebelum membuat pinjaman, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semakan yang dibuat ke atas akta-akta Parlimen mengenai penubuhan badan-badan berkanun didapati wujud ketidakseragaman di kalangan agensi-agensi ini berhubung dengan kuasa meminjam. Terdapat sebanyak 24 badan berkanun, perbadanan di mana akta tidak memperuntukan keperluan kelulusan Menteri Kewangan sebelum membuat pinjaman. Contoh akta berkenaan ialah Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992 dan Akta Akademi Sains Malaysia 1994. Manakala di antara akta yang memperuntukan keperluan kelulusan menteri mengawal dan persetujuan Menteri Kewangan sebelum meminjam ialah Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983.

Di samping itu peruntukan kuasa meminjam dalam akta tubuh badan-badan berkanun yang ada sekarang hanya merujuk kepada kuasa meminjam oleh badan-badan berkanun itu sendiri dan tidak termasuk syarikat-syarikat anak, syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama yang ditubuhkan olehnya.

Kini terdapat lebih kurang 400 buah syarikat yang ditubuhkan oleh agensi Persekutuan di mana 293 buah syarikat dengan pegangan ekuiti lebih daripada 50%. Akta yang dicadangkan memperuntukkan supaya syarikat-syarikat ini mendapat kelulusan Menteri Kewangan serta Menteri mengawal perbadanan yang menubuhkan syarikat terbabit. Keadaan ketidakseragaman kuasa meminjam dan

peruntukan kuasa meminjam yang hanya merujuk kepada kuasa meminjam oleh badan berkanun sahaja boleh menjejaskan keberkesanan Menteri Kewangan untuk mengawal segala hal ehwal kewangan kerajaan. Menurut perintah menteri-menteri Kerajaan Persekutuan 1995, Menteri Kewangan antara lainnya diberi tanggungjawab ke atas semua pinjaman luar dan dalam negeri berserta pinjaman-pinjaman dan guarantee-guarantee kewangan mengenai negeri-negeri, badan-badan berkanun, perbadanan-perbadanan dan badan-badan yang lain.

Oleh yang demikian adalah perlu supaya peruntukan kuasa meminjam diselaraskan bagi semua badan berkanun, syarikat-syarikat anak, syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat usaha sama badan berkanun berkenaan. Keberkesanan untuk mengawal pinjaman oleh semua badan berkanun, syarikat-syarikat anak, syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama yang ditubuhkan oleh badan berkanun berkenaan harus diberi perhatian memandangkan kebanyakan institusi kewangan bersedia untuk memberikan pinjaman kepada agensi kerajaan dan syarikat yang ditubuhkan olehnya dengan anggapan bahawa Kerajaan Persekutuan akan menjamin pembayaran balik pinjaman apabila berlaku keadaan di mana pinjaman tersebut tidak mampu dibayar balik.

Pinjaman berlebihan tanpa kawalan juga boleh mengakibatkan mana-mana badan berkanun itu menanggung beban kewangan dan mungkin mengakibatkan badan itu menjadi muflis. Sekiranya ianya berlaku Kerajaan Persekutuan perlu bertanggungjawab kerana ia adalah agensi kerajaan. Di samping itu keadaan yang tidak terkawal juga akan meningkatkan dengan izin contingent liability kerajaan.

Bagi menjaga kepentingan Kerajaan Persekutuan terhadap apa juga bentuk komitmen kewangan yang dibuat oleh badan-badan berkanun, syarikat-syarikat anak, syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat usaha sama yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu adalah wajar kelulusan Menteri Kewangan diperolehi sebelum pinjaman itu dilakukan oleh badan berkanun dan badan yang ditubuhkan olehnya. Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 adalah

merupakan satu '*umbrella act*' dengan izin. Akta ini penting demi untuk menjaga kepentingan Kerajaan Persekutuan dari segi tanggungjawab kewangan.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengawal selia perjalanan kuasa meminjam oleh semua badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan dan oleh semua syarikat dan perdagangan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Aziz.

**Dato' Abdul Aziz bin Abd. Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh badan-badan berkanun dan dalam masa yang sama membawa Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 ini merupakan satu kesedaran supaya tidak wujud, di mana badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat yang berkaitan boleh meminjam tanpa pengetahuan kerajaan kerana dengan izin, off budget financing ini atau pinjaman di luar belanjawan ini merupakan satu sumber kewangan yang boleh menjejaskan kerajaan kalau sekiranya pinjaman-pinjaman ini yang digunakan untuk membiayai projek-projek tertentu tetapi tidak berjaya untuk dibayar balik.

Saya amat terperanjat apabila mendengar bahawasanya kita mempunyai hampir 400 syarikat yang dimiliki penuh oleh 24 badan dan juga 293 syarikat pula yang dipunyai 50% ekuitinya dan kita ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, sebanyak mana sekarang ini di mana badan-badan ini telah pun menjalankan pinjaman tanpa mempunyai kelulusan kerajaan kerana ia memerlukan satu

pendekatan khusus kerana saya dapati pengawalan syarikat-syarikat dan badan-badan berkanun ini kadangkala terkeluar daripada asas penubuhannya.

Misalnya laporan tahunan badan-badan berkanun, kita perhatikan mutakhir ini hanya dapat diberikan kepada Dewan yang mulia ini kadangkala dua, tiga tahun kebelakangan. Maknanya mereka tidak menepati supaya laporan-laporan tahunan yang telah diaudit dibawa kepada pengetahuan pihak yang berkuasa, pihak kementerian dan juga pihak Dewan kerana ahli-ahli Dewan pun ingin hendak menyaksikan bagaimanakah cara perjalanan yang dibawa oleh badan-badan berkanun ini.

Pada suatu ketika di Dewan yang mulia ini, saya minta pihak kerajaan memberitahu saya lima syarikat atau badan yang meminjam daripada pihak kerajaan yang terbanyak. Saya dapati lima badan berkanun meminjam setakat ini RM6.2 bilion daripada pihak kerajaan dan yang terbanyak sekali, paling top Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, saya lihat menterinya ada di sini, FELDA - RM2.7 bilion, Perbadanan Aset Keretapi - RM1.1 bilion, Lembaga Lebuhraya Malaysia - RM1.1 bilion, Jabatan Penerbangan Awam - RM784 juta dan Bank Pertanian Malaysia - RM506 juta.

Kita ingin bertanya dengan pinjaman yang begitu banyak adakah mereka ini menepati plan pembayaran balik (schedule) kepada pihak kerajaan dan adakah pihak kerajaan menunjukkan di dalam buku-bukunya mohon izin, provision for double debts. Sebab kalau dia tidak mengikut jadual bayaran bererti satu, apabila ia memohon pinjaman itu, dia mesti ada kertas kerja, cash flow dia tunjuk dan pelbagai lagi maklumat yang diperlukan oleh pihak Kementerian Kewangan. Kalau ia diluluskan oleh pihak kementerian sahaja bagi hendak mengetahui apakah gunanya wang pinjaman sebanyak ini, apakah kemampuan untuk membayar balik dengan faedah yang begitu rendah yang diberikan oleh pihak kerajaan.



Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan dengan adanya lima sahaja yang saya tahu, lima yang paling tinggi RM6.3 bilion. Bagaimanakah schedule pembayarannya kepada pihak kerajaan? Saya juga ingin mengetahui kepada pihak kerajaan dengan wujudnya badan-badan berkanun serta syarikat-syarikat yang begitu besar di Malaysia. Dalam kita sekarang ini menjalankan dasar penswastaan, hendak menggalakkan bumiputera dan bukan bumiputera dalam IKS, dalam perdagangan dan perindustrian. Adakah kita mengkaji semula untuk hendak mengurangkan jumlah badan-badan berkanun dan juga syarikat-syarikat yang kepunyaan mereka? Kalau sehingga 693 buah syarikat yang dimiliki penuh dan juga 50% lebih ekuiti, saya rasa pihak kerajaan mesti mengkaji cara bagaimana badan-badan berkanun berkecimpung dalam bidang perekonomian secara komersial.

Adakah kita sekarang ini masih lagi kurang dengan tenaga ataupun pengusaha-pengusaha terutama sekali dengan bumiputera untuk mengambil alih ataupun dari segi mohon izin, management bailout, pembelian syarikat-syarikat diambil alih oleh syarikat mereka yang sekarang ini bertugas sebagai pekerja-pekerja di syarikat ini. Saya rasa bagi mengurangkan beban kerajaan, kalau benar-benar 693 buah syarikat ini mempunyai keupayaan (viability), saya rasa pihak badan-badan berkanun lepaskan sahaja. Biarkan pihak swasta, pihak secara individu, usahawan-usahawan yang kini amat giat untuk membiarkan mereka tumbuh, ambil alih syarikat ini dan lebih-lebih lagi kalau sekiranya mereka yang kini bertugas dalam syarikat-syarikat ini kita berikan dia peluang untuk menjalankan Management Bailout (MBO), pembelian atau mengambil alih saham-sahamnya oleh pekerja-pekerja pengurusan dan juga pekerja-pekerja bawahan supaya mereka terlibat secara langsung kalau sekiranya syarikat-syarikat ini viable.

Atau adakah syarikat-syarikat ini tidak viable dan kerajaan terus menanggung kerugian dan berapakah kerugian yang dibebankan kepada pihak

kerajaan oleh syarikat-syarikat ini? Saya rasa perlu pihak kerajaan membentangkan kepada di Dewan yang mulia ini kerana kita hendak mengetahui secara jelas dalam keadaan kerajaan berusaha meningkatkan ekonomi kita, di dalam kita sekarang ini berhadapan dengan keadaan kegawatan ekonomi yang baru-baru sahaja hendak tumbuh. Kita rasa perlu sekali kita mengkaji semula kedudukan syarikat-syarikat ini dari segi viability.

Tuan Yang di-Pertua, amat sesuai sekali rang undang-undang ini kita bentangkan di sini kerana kita amat prihatin terhadap perjalanan badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat di bawahnya mempunyai corporate governance sendiri. Kita memerlukan syarikat-syarikat yang berdaftar di Bursa Saham Kuala Lumpur untuk mematuhi satu sistem pengawalseliaan iaitu corporate governance dengan etika-etika tertentu tetapi adakah kita juga memberikan pendekatan yang sama kepada syarikat kepunyaan kerajaan menerusi badan-badan berkanun ini supaya mereka juga tertakluk kepada corporate governance dengan ketelusan (transparency) untuk kita semua dapat meneliti dan menyaksikan kedudukan sebenarnya.

Jadi, dalam masa yang sama kita memerlukan kementerian-kementerian yang berkaitan menerusi Kementerian Kewangan yang mengawasi secara menyeluruh kedudukan syarikat-syarikat ini supaya semua syarikat, semua badan berkanun mengikuti corporate governance tersendiri. Maka barulah kita dapat menentukan keupayaan syarikat-syarikat ini berjalan dengan baik. Kita juga ingin mengetahui adakah syarikat-syarikat ini membentuk jawatankuasa auditnya sendiri. Kita tahu dari segi audit pihak kerajaan kadangkala menjalankan kerja-kerjanya mungkin terlewat kerana terlalu banyak syarikat dan badan berkanun yang memerlukan audit kerajaan. Saya tidak nampak bagaimana pegawai-pegawai audit kerajaan boleh menjalankan kerja dengan sempurna mengaudit kegiatan tahunan syarikat-syarikat ini supaya mereka akan memberikan audit

opinion mohon izin, pada setiap tahun dalam masa dan jangka waktu yang ditetapkan.

Kalau sekiranya kita tidak dapat berbuat demikian, kita juga terbengkalai dari segi usaha untuk mengawasi kegiatan-kegiatan syarikat ini. Begitu juga dengan ahli-ahli lembaga pengarah, kita dapat ahli lembaga pengarah syarikat atau badan berkanunnya mempunyai lembaga pengarah, anak-anak syarikatnya lembaga pengarahnya semuanya terdiri daripada orang yang sama. Kita hendak tahu juga daripada pihak kerajaan adakan perkara sebegini kita teliti. Tidak mungkin salah seorang daripada ahli lembaga pengarah induk ini boleh menduduki kadangkala sehingga 20, 30 anak-anak syarikat. Bagaimana masa yang diberikan, tumpuan yang diberikan?

Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan pada setiap ahli lembaga pengarah daripada peringkat induk, peringkat badan berkanun siapa yang paling banyak sekali memegang keahlian lembaga pengarah di peringkat syarikat anak. Adakah sehingga lima, enam, adakah kita menghadkan setiap ahli lembaga pengarah peringkat induk, peringkat badan berkanun hanya boleh menganggotai empat paling tinggi atau lima anak-anak syarikat, tidak lebih daripada itu kerana saya tidak nampak keberkesanan seseorang yang diberi tempat, diberi tugas sebagai ahli lembaga pengarah untuk menjalankan secara sepenuhnya keupayaannya sebagai ahli lembaga pengarah mengawasi perjalanan syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ahli-ahli lembaga pengarah ini kadangkala baik dalam syarikat-syarikat swasta mahupun dalam syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan kadangkala tidak memahami tanggungjawab sebenar yang patut dijalankan misal kata kepada syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan mungkin mereka tidak terlibat dari segi memberikan bon, memberikan guarantee kepada pinjaman-pinjaman terutamanya pinjaman-pinjaman kepada kerajaan. Saya ingin mengetahui adakah ahli lembaga pengarah ini memberikan personal guarantee. Saya rasa mereka tidak, walhal syarikat-syarikat swasta dengan komitmennya

untuk hendak berusaha syarikat-syarikatnya dengan baik, mereka kadangkala memberikan personal guarantee kepada bank-bank yang memberikan pinjaman.

Jadi, sejauhmana komitmen ahli-ahli lembaga pengarah ini terutama sekali dalam anak-anak syarikatnya untuk menentukan supaya apa yang dimaklumkan kepada pihak bank atau mereka yang meminjam kepada pihak yang meminjam yang memberi pinjaman. Komitmen mereka untuk mengusahakan plan tindakan-tindakan yang dirancang supaya mendapatkan pendapatan yang lumayan, keuntungan yang baik, cash flow yang baik, kecairan yang baik untuk hendak bayar balik hutang-hutang ini. Kalau mereka tidak berbuat demikian seolah-olah tidak ada komitmen sebab itulah kadangkala syarikat-syarikat kepunyaan badan-badan berkanun ini berjalan secara tempang, tidak dapat bergerak dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon pihak kerajaan kalau boleh memberikan butir-butir lanjut kerana berapa banyak pinjaman yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada pertamanya, badan-badan berkanun, syarikat-syarikat anak dan berapa banyak yang tidak mendapat kelulusan daripada kerajaan setakat ini kerana baru sahaja kita dapati kini ianya dikeluarkan. Berapa banyak yang tidak mendapat kelulusan dan sejauhmana keyakinan kerajaan untuk menentukan badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat ini dapat membayar balik atau berapakah banyak hutang lapuk ataupun banyak mohon izin, provision for double debts yang telah pun disediakan kerana ini pun merupakan bebanan kerajaan secara langsung. Saya tidak nampak bagaimana ia dicerminkan menerusi belanjawan tahunan yang kita bentangkan setiap tahun kalau sekiranya mereka ini meminjam secara bersendirian tanpa pengesahan daripada pihak menteri dan juga Menteri Kewangan.

Saya menyokong Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 dan mengucap syabas kerana ianya amat penting bagi menjaga badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany.

**4.40 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengulas tentang Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Akta yang dibentangkan ini bertujuan untuk mengawal kuasa meminjam bagi:

- (i) badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan; dan
- (ii) syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh badan-badan berkanun tersebut.

Pada asasnya pelaksanaan akta ini adalah untuk membolehkan Kementerian Kewangan mengetahui dengan tepat jumlah pinjaman yang akan dibiayai oleh kerajaan dan mengawal jumlah pendedahan pinjaman kerajaan. Kawalan ke atas pinjaman perlu dilakukan bagi menjaga kepentingan rakyat dan juga negara. Pada masa yang sama, saya percaya dengan terlaksananya akta ini, amalan-amalan meluluskan pinjaman yang selama ini dibuat oleh badan-badan berkanun itu sendiri dapat dikawal oleh kerajaan secara tidak langsung. Kerajaan dapat membendung, dengan izin, 'malpractice' yang mungkin berlaku akibat kelonggaran dan kelemahan sistem kawalan pinjaman.

Pada pandangan saya akta ini sangatlah sesuai dilaksanakan kerana meminjam adalah satu aktiviti yang perlu dikawal di semua tahap. Aktiviti pinjaman bermula dari sesebuah keluarga kemudian syarikat dan seterusnya kerajaan. Jika pinjaman keterlaluan dilakukan pada zaman kemerosotan ekonomi, maka ianya boleh menyebabkan bukan sahaja kepada keruntuhan institusi

keluarga tetapi juga boleh memuflikan sesebuah syarikat serta membankrapkan status negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengimbas kembali sejarah ekonomi dunia. Pada awal tahun 1980-an krisis hutang negara dunia ketiga atau dengan izin, 'third world debit crisis' berlaku. Pada masa itu negara-negara seperti Mexico mempunyai kadar hutang yang tidak dapat dibiayai. Negara kita diklasifikasikan pada masa itu sebagai negara, dengan izin, 'top twenty third world's debtors'. Walaupun hutang-hutang negara dibayar tepat pada masanya, susulan daripada krisis ini pihak Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil langkah yang berkesan untuk mengurangkan pinjaman negara.

Sehingga awal tahun 1990-an pinjaman negara telah berkurangan ke tahap yang rendah. Kemudian apabila kerajaan tidak meminjam dan ekonomi negara terus maju pada kadar pertumbuhan 8%, sektor swasta pula mula diberi kemudahan pinjaman yang keterlaluan tanpa mengehadkan kawalan ke atas pinjaman.

Sehubungan dengan ini, pihak badan-badan berkanun mula mengambil peluang meminjam untuk melaksanakan projek masing-masing. Ketika itu tidak ada masalah besar dialami oleh pihak-pihak berkenaan sehingga krisis mata wang melanda negara pada bulan Julai 1997. Akibat daripada krisis ini kadar faedah pinjaman telah melambung daripada 7% sehingga 22%. Mujurlah Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sememangnya prihatin terhadap implikasi dan kesan yang timbul akibat daripada krisis tersebut mengambil langkah mengawal kadar pertukaran Ringgit dan merendahkan kadar faedah pinjaman. Jika langkah-langkah ini tidak diambil sudah pastilah lebih banyak syarikat swasta akan mufli. Keadaan seperti ini jika berlarutan akan mewujudkan keadaan di mana ekonomi negara menjadi tidak menentu sehingga boleh menjejaskan keadaan sosio-ekonomi rakyat.

Pada kebiasaannya keadaan yang tidak menentu ini boleh menjejaskan kestabilan negara. Apabila keadaan ini berlaku ianya akan mendedahkan negara kepada pengaruh dan elemen-elemen luar negara yang tidak diingini. Walaupun krisis ini tidak begitu serius sebagaimana yang dihadapi oleh negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand, namun secara tidak langsung ianya menimbulkan implikasi seperti berikut:

- (i) pinjaman dan pengambilan hutang dari Danaharta dan Danamodal yang melebihi RM20 bilion dalam sistem perbankan negara; dan
- (ii) pinjaman-pinjaman dan geran tambahan kepada badan-badan berkanun dan kerajaan negeri di mana badan-badan ini atau anak syarikatnya menghadapi masalah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang saya telah huraikan tadi jelas menunjukkan bahawa kuasa meminjam perlu dikawal dengan baiknya di semua tahap swasta mahupun kerajaan. Akta ini menunjukkan dengan jelas komitmen kerajaan terhadap pengawalan kredit oleh kerajaan di negara ini. Walau bagaimanapun, izinkan saya menyatakan bahawa langkah ini belum mencukupi sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan kerana akta ini tidak melibatkan badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat milik kerajaan negeri.

Perkara berhubung dengan pengawalan kredit badan-badan berkanun milik kerajaan negeri adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jika badan-badan berkanun yang di bawah kuasa kerajaan negeri meminjam dan menghadapi masalah kewangan, maka kerajaan negeri yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah badan-badan berkanun tersebut.

Tanggungjawab ini pula secara tidak langsung di bawah Kerajaan Pusat pula dalam bentuk pinjaman dan geran tambahan yang diperlukan. Sekali lagi Kementerian Kewangan akan dibebankan dengan tanggungjawab ini. Jika kerajaan-kerajaan negeri pula lambat dalam pembayaran pinjaman kepada Kerajaan Pusat maka beban Kementerian Kewangan akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya akta ini dicontohi dan dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri supaya jumlah pinjaman negara dapat diketahui secara keseluruhan bagi membolehkan dikawal dengan rapi bagi mewujudkan suasana ekonomi negara yang mantap. Kawalan pinjaman seharusnya meliputi bukan sahaja badan-badan berkanun dan anak syarikat milik Kerajaan Persekutuan, malahan juga milik kerajaan negeri. Adalah harapan saya bahawa cadangan ini dapat dipertimbangkan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengajak Dewan yang mulia ini menyokong pelaksanaan Akta Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 ini yang mempunyai hasrat mulia untuk mengawal pentadbiran pinjaman di negara ini yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia.

**4.51 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberi sedikit pandangan tentang rang undang-undang yang telah dibentangkan. Cuma ada tiga perkara sahaja.

Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana telah dapat mengatasi satu lagi masalah mengenai pengurusan kewangan di badan-badan berkanun dan saya percaya juga ini adalah salah satu daripada usaha-usaha kerajaan terutamanya Kementerian Kewangan untuk menyelaras dan seterusnya meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan terutamanya dari segi



memantau pengurusan kewangan yang kita dapati memang merupakan satu masalah bila mananya sesuatu pengurusan kewangan itu lemah, maka ianya tidak akan dapat memberikan satu performance yang baik dari segi badan-badan berkanun yang juga merupakan badan-badan yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan jika tidak kerajaan-kerajaan negeri.

Saya ketahui memang banyak pengurusan akaun dan finance yang telah diperkenal dan juga dilaksanakan di peringkat Persekutuan seperti apa yang disebut dalam buku *The Civil Service of Malaysia Towards Excellent Through ISO 9000*. Banyak mekanisme yang telah diperkenalkan bagi digunakan untuk memastikan bahawa wujudnya prosedur dan juga guidelines untuk memastikan bahawa kaedah kewangan atau perbelanjaan kewangan badan-badan berkanun dilaksanakan dan dapat dimantau.

Walau bagaimanapun, kita dapati walaupun wujudnya badan-badan tersebut masih lagi ada pelbagai masalah dan kita dapati juga bahawa kalau tadi disebut banyak hutang yang telah diambil, yang telah dipinjam tetapi juga telah menyebabkan pelbagai masalah di mana banyak daripada anak-anak syarikat ataupun badan-badan berkanun mempunyai masalah dari segi pengurusan kewangan, tentu sekalilah saya rasa ada lagi mekanisme pemantauan ini yang masih tidak mencukupi. Adalah seperti mana yang dicadangkan oleh kedua-dua rakan saya terlebih awal tadi bahawa mekanisme pemantauan ini perlulah dilihat dan dikaji semula supaya ianya lebih efisien. Mungkin tidak mencukupi jikalau ianya diadakan secara bulanan ataupun mungkin di sini secara enam bulan yang wujud dalam prosedur dan guidelines Treasury circulars ini, mungkin pihak kementerian perlu melihat kepada mekanisme lain yang juga boleh memberikan tahap pemantauan yang lebih tinggi.

Mungkin salah satu sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ialah kerana terlalu banyaknya agensi ini yang wujud di peringkat Persekutuan dan juga di

peringkat negeri. Seperti mana yang dikatakan oleh Dato' Abdul Aziz tadi mungkin ada eloknya kita mengkaji semula jumlah agensi-agensi yang ada.

Saya telah dapat melihat kepada satu laporan yang bukan sengaja saya pilih, iaitu Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia, tetapi saya mengambilnya sebagai satu contoh. Saya lihat dalam laporan ini ianya memang standard. Dalam semua laporan tahunan yang kita terima di Dewan ini ianya merupakan satu laporan yang satu tahun kebelakangan. Ini sendiri menunjukkan kita tidak akan dapat melihat apakah laporan semasa yang boleh kita kaji dan kita dapat tahu apakah sebenarnya kedudukan satu-satu badan-badan agensi itu. Kerana memang kita tahu kalau audit tidak akan dapat memberi semasa, dia akan hanya dapat memberi kepada apa yang boleh diauditnya dalam satu tahun yang lepas. Mungkin ini perlu kita ubah. Seperti saya katakan tadi mungkin ianya perlu kita dapat kalau boleh semasa mungkin, mungkin enam bulan dalam tahun yang berkenaan jikalau kita dapat menerima laporan itu ialah laporan yang sekurang-kurangnya enam bulan kebelakangan, jadi mudah kita untuk mengawal keadaan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu dalam satu-satu laporan audit itu adakalanya perkara tertentu tidak akan dapat kita kesan kerana ada perkara-perkara yang tertentu dalam sistem audit itu sendiri yang tidak dapat menjelaskan dengan nyata apakah kedudukan sesuatu syarikat itu ataupun sesuatu perbadanan itu. Itu juga saya rasa adalah salah satu sebab mengapa kita lambat hendak mengesan kelemahan sistem kewangan dalam satu-satu perbadanan. Mungkin itu juga perlu dikaji dan dari sistem audit itu sendiri saya rasa ada perkara-perkara tertentu yang perlu dilihat semula dan untuk satu-satu perbadanan itu mungkin bukan cara audit biasa yang dilaksanakan itu kita gunakan, mungkin kita perlu memperkenalkan cara audit baru.

Seperti saya katakan juga tadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah dari segi laporan tadi saya ingin juga melihat daripada cara pengurusan badan-badan berkanun yang juga kita rasa boleh menyebabkan mengapa kita menghadapi

masalah-masalah pengurusan kewangan yang tidak begitu baik dan sempurna dan tidak juga memberikan keuntungan yang tinggi kepada perbadanan-perbadanan. Saya lihat contoh seperti saya katakan tadi dalam Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Lembaga ini telah ditubuhkan dalam tahun 1957, ini satu lembaga yang lama. Saya lihat dalam kandungan ini kita akan lihat struktur organisasi, carta organisasi, fungsi lembaga, ahli-ahli lembaga. Lembaga ini semua serupa kalau kita lihat semua laporannya. Memang itu ditentukan sebagai satu standard untuk semua laporan. Tetapi kalau kita lihat dari segi pengurusan kewangan untuk membawa kepada keuntungan, saya lihat daripada carta organisasi itu sendiri kalau ianya telah diwujudkan dalam tahun 1957 ianya akan dikepalai oleh seorang yang bernama ketua pengarah dan ianya akan terbahagi kepada beberapa bahagian.

Pada hemat saya nama ketua pengarah yang digunakan itu juga terlalu mempunyai kaitan yang begitu rapat dengan satu agensi ataupun cara jentera kerajaan bergerak. Jadi, bila kita dapati bahawa struktur organisasi itu sendiri merupakan satu refleksi apa yang dilaksanakan dalam kerajaan tentu sekalilah kalau satu-satu lembaga, sebagai contohnya Lembaga Nanas ini yang sepatutnya juga membolehkan membawa kepada keuntungan kepada satu industri ataupun perbadanan lain yang sepatutnya membawa kepada keuntungan yang tertentu, ianya tidak akan dapat menggerakkan jentera itu sewajar yang mana patut bagi sesuatu jentera yang berkenaan, kerana ianya akan bergerak seolah-olah ianya sebagai satu badan kerajaan yang hanya sebagai satu jentera pelaksana polisi-polisi tertentu.

Tetapi kalau kita lihat badan-badan berkanun yang diwujudkan ia sepatutnya merupakan badan-badan yang menghasilkan juga keuntungan, mempunyai objektif-objektif tertentu untuk membawa kepada keuntungan supaya ianya dapat mengembangkan ekonomi satu-satu sektor yang tertentu seperti nenas, koko dan banyak lagi. Kalau saya lihat di bawah Kementerian Perusahaan Utama

contohnya ada 12 lembaga. Saya dapati juga lembaga-lembaga ini merupakan lembaga-lembaga contohnya dalam Lembaga Nanas ini ia hanya merupakan 103 pekerja sahaja. Tetapi ia merupakan satu badan berkanun yang mempunyai undang-undang sendiri dan sebagainya.

Begitu juga saya rasa penyelidikan getah, minyak kelapa sawit, perhutanan. Jadi, terlalu banyak kita dapati di bawah satu kementerian. Badan-badan berkanun yang mana boleh dari segi pengurusan ekonominya juga tidak mempunyai economic benefit dan juga dari segi pengurusannya juga tidak merupakan satu pengurusan yang dinamik.

Justeru itu, kita dapati bahawa ada baiknya jikalau kita melihat balik dan mungkin dalam kita menangani kemelesetan ekonomi dewasa ini, dengan adanya merger of banks untuk lebih berkesan dan lebih efisien, saya rasa kerajaan juga perlu membuat perancangan baru untuk mengadakan percantuman kepada badan-badan berkanun yang telah banyak diwujudkan sejak merdeka lagi. Saya percaya rasional mengadakan lembaga-lembaga, institut-institut dan sebagainya pada awal-awal dahulu ialah untuk memberikan satu catalyst dan juga untuk membantu industri-industri tertentu untuk mula bergerak. Tetapi saya rasa sudah tibalah masanya bahawa badan-badan berkanun ini memainkan peranan yang lebih proaktif dan lebih dinamik dan ianya lebih kepada orientasi membawa kepada keuntungan dan berorientasi agar ianya lebih mempunyai kesan yang lebih tinggi.

Saya juga ingin melihat kepada perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mencadangkan bahawa badan-badan berkanun ini jika dicantumkan supaya ianya lebih fokus kepada sektor-sektor tertentu. Kalau ianya merupakan penyelidikan supaya ia dapat dikenalpastikan sektor-sektor yang berkenaan dicantumkan supaya kita mengurangkan kos pengurusan sekali gus juga kita menggunakan guna tenaga (expertise) yang ada itu dengan lebih berkesan. Saya ada seorang kawan yang bekerja di MARDI. Kalau ikut masa tempoh saya bekerja sudah 20 tahun, saya tanya dia apakah research yang dia buat. Dia kata dia buat research cabai. Jadi,

saya terfikir kalau cabai memakan masa 20 tahun untuk jadi satu bahan, mungkin banyak lagi research dia buat. Tetapi saya rasa kalau kita tidak menggunakan sepenuhnya secara maksimum expertise atau profesional yang kita ada dalam bahagian penyelidikan, saya rasa kita akan terus rugi dan ini akan mengakibatkan lagi banyak kerugian kepada badan-badan berkanun atau agensi-agensi kerajaan seperti yang disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh pihak Kementerian Kewangan melihat kepada badan-badan berkanun yang wujud ini untuk lebih kepada sektor fokus terutamanya pada hemat saya selain daripada R&D ialah dari segi pemasaran. Pemasaran pada saya adalah satu daripada bidang yang sangat penting, yang perlu diberikan perhatian yang khusus dan kalau saya lihat daripada Laporan Tahunan Lembaga Perindustrian Nanas ini, saya berpendapat bahawa lembaga ini kurang prestasinya tidak berapa menarik kerana telah tidak dapat memberikan satu laporan yang baik mengenai contohnya dari segi industri nenas, kalau kita lihat nenas ini pun laporan daripada lembaga ini, ianya hanya meliputi dua kawasan di Johor tetapi kita mempunyai satu lembaga khas untuk nenas, pada hal bolehlah kita gabungkan menjadikan ia sebagai komoditi tertentu bukan sahaja kita dapat mengawal pengurusan kewangan yang lebih baik tetapi juga kita dapat mengawal pengurusan dari segi prestasi lembaga-lembaga yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengalu-alukan juga sekali lagi rang undang-undang ini, seperti yang saya katakan rang undang-undang ini yang membawa kepada good governance dan transparency yang lebih tinggi bagi pihak Kementerian Kewangan, ianya dapat melihat dengan lebih teratur dan diselaraskan bahawa semua badan berkanun apabila membuat pinjaman hendaklah mendapat kelulusan menteri dan Menteri Kewangan, tetapi saya juga agak hairan mengapa perkara ini boleh berlaku, dengan ada wujudnya badan-badan berkanun yang boleh meminjam tanpa mendapat kelulusan menteri ataupun Menteri Kewangan dan kalau inilah merupakan satu perkara yang an oversight, saya kira kalau ada

perkara-perkara lain perlulah diperhatikan balik, ini pun saya rasa telah dapat dikesan oleh kerana berlakunya kemelesetan ekonomi baru-baru ini.

Saya percaya dan yakin bahawa perlu ada lagi penyelarasan yang lebih mengenai badan-badan berkanun dan badan-badan berkanun ini seperti yang saya cadangkan tadi, ada banyak yang perlu dilihat semula kerana banyaknya telah diwujudkan begitu lama dan perlu difikirkan adakah mereka itu masih relevan atau tidak terutamanya untuk melihat daripada tidak berlakunya peminjaman ataupun berlakunya kos-kos yang tinggi tanpa sebenarnya diperlukan dan kita boleh melihat badan-badan berkanun ini sebagai agensi-agensi penggerak yang mungkin berfungsi di atas landasan yang lebih dinamik seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya katakan dan dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar.

#### **5.08 ptg.**

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana membentangkan rang undang-undang ini walaupun agak terlambat sedikit dan kita dapati salah satu sebab mengapa kita mengalami kegawatan ekonomi yang teruk dan lambat pulih dalam sektor perbadanan ini disebabkan loopholes yang terdapat di dalam akta yang berkaitan dengan perjalanan badan-badan berkanun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi iaitu kerajaan mempunyai banyak badan berkanun yang ditubuhkan di peringkat negeri mahu pun Persekutuan dan pada masa-masa yang lepas badan-badan berkanun ini ditadbirkan oleh orang-orang yang mempunyai kedudukan yang penting dalam kerajaan, misalannya menteri

besar, ketua menteri, setiausaha kerajaan dan sebagainya. Ini mungkin salah satu sebab di samping mempunyai bidang tugas yang banyak dan mereka kadang-kadang overlook, dengan izin, membenarkan pihak pengurusan di dalam badan berkanun dan anak-anak syarikat itu sendiri menggunakan kuasa membelanjakan wang dengan tidak ada kawalan yang cukup rapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin supaya pihak kerajaan memberi senarai lengkap badan-badan berkanun termasuklah syarikat-syarikat anak yang terdapat sekarang ini yang sama ada terletak di peringkat negeri ataupun Kerajaan Persekutuan dan kita juga ingin mendapat penjelasan yang sebenar tujuan dan fungsi penubuhan badan-badan berkanun ini serta prestasinya sehingga kini, sebab kita tahu ada banyak badan berkanun apabila mengeluarkan penyata dan sebagainya, masalahnya ialah penyata itu tidak telus, agaknya transparency itu terhad, kita susah hendak baca dan kadang-kadang terkebelakang sedikit, ia tidak up-to-date, oleh sebab itu pihak kerajaan seharusnya memberi penjelasan tentang prestasi badan-badan berkanun yang ada ini dan jumlah harta ataupun aset yang dimiliki oleh badan-badan berkanun dan kita tahu badan-badan berkanun ini diberi peruntukan secara outright grant, dengan izin, dan ada juga melalui pinjaman-pinjaman institusi kewangan dan bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan badan-badan berkanun ataupun syarikat-syarikat anak yang mengalami kerugian dan jumlah kerugian yang dialami serta sebab-sebab badan-badan berkanun itu mengalami kerugian dan kita juga ingin mendapat penjelasan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang diberi tanggungjawab, amanah menguruskan badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat ini dan kemudiannya anak-anak syarikat dan badan-badan berkanun ini mengalami kerugian yang begitu banyak, yang telah dikenal pasti disebabkan ketidakamanahan, pecah amanah, penyelewengan yang berlaku, salah guna kuasa, wang dan sebagainya. Contohnya, badan berkanun di negeri Perlis melalui Perbadanan Ekonomi Negeri

sendiri yang mempunyai anak syarikatnya iaitu Syarikat Perkongsian Pengangkutan Bas yang telah mengalami kerugian lebih daripada RM14 juta yang terang-terang menunjukkan pengurusannya tidak amanah dan tidak cekap, pengurusnya boleh belanja wang sebegitu banyak dan boleh mengumpul wang yang tidak dimasukkan ke dalam bank dan kita tahu, tetapi oleh kerana dokumen-dokumennya itu selepas penyiasatan dibuat dikatakan hilang dan sebagainya, perkara itu senyap begitu sahaja, ini suatu penyelewengan, suatu penyalahgunaan kuasa yang kita agak boleh merugikan kerajaan.

Oleh sebab itu, perkara-perkara yang sebegini seharusnya tidak boleh dibiarkan begitu sahaja, kerajaan perlu bertanggungjawab mencari sebab-sebab dan orang yang didapati bersalah mesti dikenakan tindakan. Inilah menunjukkan kerajaan yang betul-betul menjalankan tugas untuk memelihara kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan di sini berkenaan dengan kawalan dan juga pengawasan yang selalu disebut corporate governance, dengan izin. Kita dapati di dalam pengurusan badan-badan berkanun dan anak-anak syarikat aspek-aspek corporate governance itu terutama dari segi transparency, agaknya tidak begitu diberi perhatian sangat, mungkin ini dianggap hak kerajaan dan kalau apa-apa yang berlaku kadang-kadang itu boleh diambil ringan begitu sahaja dan kalau kerugian pun sekurang-kurangnya pegawai yang bertanggungjawab itu ditukar dan apabila dia berhenti, dia buka syarikatnya sendiri, dia masih boleh hidup tetapi syarikat yang diuruskan sebelumnya bankrap, tidak bermaya lagi, kerajaan terpaksa memberi injection duit begitu sahaja.

Saya juga pernah mengalami di mana pihak-pihak yang diberi tugas untuk mengurus boleh membuat satu kertas kerja kepada pihak kerajaan meminta peruntukan tambahan untuk hendak memberi modal untuk memulihkan semula, tetapi apabila wang itu dilulus hampir-hampir dekat setengah juta dan kadang-kadang lebih, tetapi masih lagi tidak boleh diurus dan digunakan wang itu untuk pergi melancong ke luar negara dan akhirnya syarikat itu tidak boleh hidup juga.



Perkara-perkara yang seperti ini sepatutnya diberi perhatian. Macam saya sebutkan tadi, kita mempunyai undang-undang yang cukup elok, tetapi kemampuan untuk penguatkuasaan itu kalau tidak diberi perhatian mungkin perkara yang sama akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya ingin menegaskan di sini, apa juga yang kita buat kalau sekiranya kita tidak memberi perhatian dan kita tidak belajar dari kesilapan-kesilapan yang telah berlaku, saya percaya undang-undang dan peraturan yang kita luluskan ini tidak akan berhasil dan manusia yang mencari kesempatan untuk menggunakan kelemahan orang lain untuk kepentingan dirinya memang banyak dan akan berterusan. Oleh sebab itu, kerajaan mesti tegas dalam perkara ini dan kita bersyukur Kerajaan Barisan Nasional sehingga ini dalam banyak hal yang mengalami keadaan seperti yang saya sebutkan tadi masih mampu mengatasi dan masih sedar dan masih boleh menerima apa-apa kesilapan yang telah berlaku dan mencari jalan untuk memulihkan keadaan yang merugikan itu.

Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Teirma kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila jawab.

**5.15 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid, Yang Berhormat Puan Kamalia dan akhir sekali Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail yang telah pun berbahas mengenai Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 ini.

Saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat kerana permasalahan yang dibangkitkan itu semuanya bernas belaka terutama kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid yang telah banyak menjawab

soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz sendiri, saya ucapkan terima kasih kerana ini meringankan beban saya.

Cuma apa yang dibangkitkan ialah pada ketika ini saya ada mempunyai senarai Akta Badan Berkanun, perbadanan yang tidak diperuntukkan keperluan kelulusan Menteri Kewangan sebelum membuat pinjaman, sebanyak 24 badan berkanun dan ini kita kena perbaiki semula.

Mengenai jumlah syarikat-syarikat di bawah agensi Persekutuan dan kerajaan negeri mengikut pegangan ekuiti kerajaan, ingin saya maklumkan di sini ialah Persekutuan kita ada 35 agensi dan syarikatnya 400. Bilangan syarikat mengikut ekuiti 50% ke atas yang dimiliki oleh kerajaan ialah 293 daripada 400; dan kurang daripada 50% ialah 107, ini Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan negeri, kita ada 53 agensi, anak syarikat yang ada 711, 50% ke atas yang dimiliki oleh kerajaan ialah 574; dan 50% ke bawah ialah 187. Jadi jumlah semua agensi ialah 88 termasuk Kerajaan Persekutuan dan negeri, syarikat-syarikat ini ialah 1,111; 50% ekuiti syarikat ke atas ialah 817; dan kurang daripada 50% ialah 294.

Saya mengambil maklum tentang cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat memantau badan-badan ini dengan lebih berkesan lagi dan ini telah pun diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahid supaya bukan sahaja di peringkat Kerajaan Persekutuan tetapi kita hendak juga kalau boleh akta ini diterimapakai oleh kerajaan negeri.

Kementerian Kewangan memantau badan-badan berkanun dari segi pinjaman, bayaran balik serta penjadualan semula pinjaman yang melibatkan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan sahaja, tetapi pemantauan secara menyeluruh dibuat oleh kementerian mengawal badan-badan berkanun berkenaan seperti Ketengah misalnya, badan-badan pengawalan atau kementerian pengawal ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Mengikut maklumat, tahun 1998 jumlah pinjaman oleh syarikat kawalan kerajaan di peringkat Persekutuan berjumlah RM80,399 juta dan sebahagian besar pinjaman adalah dari institusi kewangan tempatan RM30,170 juta dan juga sumber luar RM29,363 juta. Maklumat ini tidak dapat dipastikan sama ada pinjaman yang telah dibuat mendapat kelulusan Menteri Kewangan.

Dari segi implikasi kewangan sekiranya pinjaman ini menemui kegagalan, kerajaan terpaksa menanggung jumlah pinjaman yang telah dibuat oleh syarikat badan-badan berkanun berkenaan. Ini telah dinyatakan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Sekiranya Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 ini diluluskan, kerajaan akan dapat memantau pinjaman yang dibuat oleh syarikat dan komitmen kerajaan bergantung kepada jumlah pegangan ekuiti dalam syarikat-syarikat berkenaan.

Namun begitu, buat masa sekarang kerajaan masih lagi belum dapat memantau pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh anak-anak syarikat badan-badan berkanun secara terperinci dan hanya mempunyai maklumat-maklumat umum berkenaan pinjaman yang telah dibuat.

Jadi, kalau Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar minta semua laporan iaitu 1,111 ini, saya rasakan tidak dapat kita memberinya kerana kerajaan negeri mempunyai badan berkanun tersendiri dan Kerajaan Persekutuan juga mempunyai badan berkanun yang dikuasai oleh kementerian berkenaan.

Walau bagaimanapun, kata Yang Berhormat Puan Kamalia tadi, kita boleh melihat daripada laporan-laporan tahunan dan kita akan menggesa badan-badan berkanun ini supaya laporan tahunan akan dibuat enam bulan seawal mungkin selepas closing a financial year bulan Disember.

Antara syarikat badan berkanun yang menghadapi banyak masalah kerana pertamanya ialah pengurusan dan kedua ialah struktur itu sendiri, seperti kata Puan Kamalia tadi bahawa struktur organisasi itu merupakan dan melambangkan

struktur organisasi kerajaan. Sepatutnya struktur itu mestilah 'flat' kerana sekarang ini banyak menggunakan komputer dan juga menggunakan metrik.

Pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.24 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan pengguna merupakan perkara yang penting bagi semua rakyat di negara ini kerana tidak kira apa juga taraf seseorang dalam masyarakat, sama ada berpangkat tinggi atau rendah, kaya atau miskin, semuanya adalah pengguna. Pengguna mempunyai hak-hak yang harus dilindungi dan sebahagian hak-hak itu boleh dilindungi melalui peruntukan-peruntukan undang-undang tertentu. Walaupun negara kita mempunyai lebih 30 undang-undang yang mempunyai unsur-unsur perlindungan pengguna tetapi tidak ada sebuah undang-undang yang menyeluruh dan spesifik bagi melindungi kepentingan pengguna.

Oleh itu, Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang dicadangkan adalah suatu akta yang menyeluruh dan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Ianya juga bertujuan melindungi pengguna daripada amalan perdagangan yang tidak beretika dengan menjadikan perilaku yang mengelirukan dan memperdayakan sebagai suatu kesalahan jenayah. Akta yang dicadangkan itu tidak bermaksud untuk menyekat perkembangan perdagangan di negara ini, bahkan akan mewujudkan suasana perdagangan yang sihat dan mampu bersaing berasaskan amalan-amalan perdagangan yang beretika. Kemampuan persaingan ini bukan sahaja akan wujud di dalam negara tetapi juga di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini boleh disifatkan sebagai satu pilihan kepada pengguna untuk membuat tuntutan yang tidak melebihi RM10,000. Buat masa ini pengguna hanya dibolehkan untuk membuat tuntutan melalui mahkamah yang wujud sekarang. Adalah didapati bahawa pengguna enggan berbuat demikian kerana melibatkan kos peguam serta memakan masa yang panjang. Walau bagaimanapun, pengguna yang memilih untuk merujuk kepada Tribunal tidak boleh lagi membawa perkara yang sama ke mahkamah dan sebaliknya.

Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pentakrifan perlakuan yang mengelirukan dan memperdayakan, representasi palsu dan amalan tidak saksama.

Fasal 9 memperuntukkan larangan terhadap perlakuan yang mengelirukan atau memperdayakan dalam urusan niaga.

Fasal 13 adalah berkaitan dengan pengiklanan umpan. Ia menjelaskan bahawa peniaga perlu memastikan terdapat stok yang mencukupi bagi barangan yang dijual dengan harga seperti yang diiklankan.

Fasal 14 pula menetapkan peruntukan berkenaan pemberian hadiah percuma dan tawaran semasa jualan. Seseorang peniaga yang mengiklankan atau menawarkan pemberian hadiah atau lain-lain item sebagai percuma hendaklah menawarkannya seperti yang dijanjikan. Fasal ini juga melarang penetapan harga yang tinggi daripada harga biasa apabila hadiah diberikan dengan setiap pembelian barangan tersebut.

Peruntukan ini akan mengawal tata cara pemberian dan pengiklanan hadiah percuma dengan pembelian barang supaya pengguna mendapat faedah yang sebenarnya seperti dijanjikan atau diiklankan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 17 pula adalah berhubungan dengan kontrak perkhidmatan hadapan. Tujuan diadakan peruntukan ini ialah untuk membolehkan pengguna-pengguna yang telah mendaftar dan membayar keseluruhan jumlah wang untuk menghadiri kursus atau perkhidmatan-perkhidmatan seperti kursus kecantikan diri, menguruskan badan, kelas komputer dan lain-lain berhak mendapat bayaran balik mereka. Fasal 17 berupaya menyelesaikan masalah ini dengan saksama. Bayaran balik ini adalah bagi jumlah kelas yang tidak dihadiri sekiranya pengguna itu mengambil keputusan untuk membatalkan kontrak perkhidmatan tersebut.

Bahagian III Akta ini mengandungi peruntukan berhubungan dengan keselamatan barang dan perkhidmatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh sambung besok?

**Dato' S. Subramaniam:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

### *Lampiran*

Ogos 1999

#### **AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri Penerangan,  
Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob,  
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

- “ Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Dato’ Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Chua Chui Ket Melanie (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Krishnan a/l Permual (Dilantik)



- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)

- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Norsimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)

- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

*Setiausaha Dewan Negara:*  
**Abdullah bin Abdul Wahab**

*Ketua Penolong Setiausaha:*  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

*Penolong Setiausaha:*  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Miskiah binti Hassan  
Rosnani binti Ahmad  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Nurziana binti Ismail  
Abu Bakar bin Hasan  
Alias bin Md. Nor

